

Laporan

ANUGERAH KUALITI NAIB CANSELOR

AKNC





اَوَّلُ رِسَالَةٍ تَكُونُ لَوَيْلَى مَارَا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

LAPORAN

ANUGERAH KUALITI NAIB CANSELOR (AKNC)

2025

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (KEDAH) PENGURUSAN DAN PEMBANGUNAN STAF

KETUA PTJ :

ROSHIMA BINTI HAJI SAID

KETUA UNIT KUALITI :

AFIDA BINTI AHMAD

PENYELARAS :

LAW KUAN KHENG

PENULIS :

1. NOR ASLAH BINTI ADZMI
2. ETTY HARNIZA BINTI HARUN
3. SAMSIAH BINTI BIDIN
4. JUNAIDA BINTI ISMAIL
5. LAW KUAN KHENG
6. MOHD NAJMIE BIN OSMAN
7. INTAN SYAHRIZA BINTI AZIZAN

8. SITI MURNI BINTI MAT KHAIRI
9. ABDUL MAJEED BIN AHMAD
10. AZYYATI BINTI ANUAR
11. SYARIFAH NURFUADUZ ZAKIAH BINTI HABIB DZULKARNAIN
12. NOORAINI BINTI KHASNI
13. JUAINI BINTI JAMALUDIN
14. NIZAR BIN NAZRIN
15. NUR SYAFIZAN BINTI MOHD SUFTER
16. SHAHIDA FARHAN BINTI ZAKARIA
17. MUSLIMAH BINTI MOHD JAMIL
18. NORLIANA BINTI MOHD NAJIB
19. MUSDIANA BT MOHAMAD SALLEH
20. LEILY BT ADJA RADJEMAN
21. HASNI BT ABD RAHIM
22. SHARUNIZAM BIN SHARI
23. AZLAN BIN ABDUL RAHMAN
24. TUNKU NASHRIL BIN TUNKU ABAIDAH
25. MOHD ROZMAN BIN MOHD NASIR
26. AFIDA BINTI AHMAD
27. SYAFIZA SAILA BINTI SAMSUDIN
28. SITI NUR ALWANI BINTI SALLEH
29. NORHASYIKIN BINTI ROZALI
30. NURFAZNIM BINTI SHUIB
31. REZA IRWAN BIN OTHMAN
32. NORIN RAHAYU BINTI SHAMSUDDIN
33. NURAZLINA BINTI ABDUL RASHID
34. IDA NORMAYA BINTI MOHD NASIR

KRITERIA 1 : KEPIMPINAN

1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Pengurusan Kanan UiTMKDH sentiasa menunjukkan komitmen yang tinggi dalam memperkasa pengurusan dan pembangunan staf akademik serta pentadbiran UiTMKDH. Ia diterjemahkan melalui komitmen yang tinggi dalam merancang, melaksana, memantau dan menambah baik pembangunan staf akademik dan pentadbiran melalui pendekatan berstruktur berasaskan prinsip *Plan-Do-Check-Act* (PDCA). Pendekatan ini dilaksanakan secara sistematik bagi memastikan kecemerlangan berterusan selaras dengan aspirasi dan teras strategik UiTM.

PERANCANGAN(PPLAN)

Perancangan strategik dimulakan menerusi **Bengkel Perancangan *Strategik Action Plan* (SAP)** yang melibatkan pelbagai pemegang taruh kampus UiTMKDH. Sebanyak **74 Petunjuk Prestasi (PI)** telah dirangka bagi tahun 2024 dan ini termasuklah **71 PI yang berkait secara langsung dengan pengurusan dan pembangunan staf**. Perancangan ini menekankan keselarasan terhadap tiga **Teras Strategik** utama UiTM: **Pendidikan Berkualiti, Kecemerlangan Global, dan Prestasi Berasaskan Nilai**. Disamping itu elemen kebersamaan turut diketengahkan dalam aspirasi kampus, iaitu "**Kebersamaan Ke Arah Kecemerlangan**" bagi memantapkan lagi halatuju kampus UiTMKDH.

PELAKSANAAN(DO)

Bagi tujuan pelaksanaan, pelbagai inisiatif telah direncanakan dan dijalankan melalui lima teras utama UiTMKDH. Antaranya termasuk penganjuran **mesyuarat pengurusan secara berkala** seperti JKEN,MPK) serta JPSMN. Selain itu, pelbagai bengkel dan latihan turut dilaksanakan termasuk Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) serta sesi Scholarly Synergy di samping program **pementoran kenaikan pangkat dan bimbingan penerbitan** untuk meningkatkan keupayaan akademik warga kampus. Kerjasama strategik juga diperkukuhkan melalui **pemeteraian MoA dan MoU serta pelaksanaan program komuniti**. Dari sudut **pengurusan kewangan**, usaha ini disokong oleh pelbagai tabung dan insentif khas penerbitan termasuk penawaran geran penyelidikan. Kesemua inisiatif ini secara keseluruhannya menyumbang kepada pemerkasaan pembangunan profesional staf UiTMKDH.

PEMANTAUAN(CHECK)

Pemantauan dibuat secara menyeluruh dan berkala melalui pelbagai mekanisme. Laporan pencapaian PI dibenteng setiap suku tahun oleh penyelaras PI kepada Pengurusan Kanan. **Audit dalaman** turut dijalankan dua kali setahun bagi menilai pematuhan dasar dan pelaksanaan program. Selain itu, **sistem eRMS** digunakan untuk mengenal pasti dan memantau risiko inisiatif; sejumlah **75 risiko telah dikenal pasti pada 2024**, termasuk 10 yang dikategorikan sebagai ekstrem. Unit seperti Kualiti, Risiko, Strategik, dan PJI terlibat secara aktif dalam pemantauan pencapaian inisiatif staf.

PENAMBAHBAIKAN(ACT)

Tindakan Penambahbaikan (Act) diambil sekiranya terdapat perbezaan di antara perancangan dan hasil. Pihak Pengurusan mengamalkan tiga kaedah pengumpulan maklumbalas iaitu pemerhatian di lapangan semasa program atau aktiviti sedang berjalan, soal selidik, dan mesyuarat pasca nilai (*postmortem*) setelah selesai program. Tindakan penambahbaikan dilaksanakan secara berterusan berdasarkan hasil pemantauan dan maklum balas termasuk sistem **iAduan dan iPelanggan**. Sebanyak **15 Projek Khas** telah digerakkan, dengan sembilan daripadanya menyentuh secara langsung pembangunan staf. Hasil tindakan ini, **UiTMKDH mencatat pencapaian PI cemerlang sebanyak 95.6% dan meraih 6 bintang skor i-UiTM**, melonjak daripada 81% pada tahun sebelumnya. UiTMKDH turut berada di **tempat ke-2 dalam kalangan kampus cawangan UiTM**, menandakan keberkesanan tindakan penambahbaikan secara menyeluruh.

Secara keseluruhannya, pendekatan PDCA yang dilaksanakan oleh Pengurusan Kanan UiTMKDH telah berjaya mewujudkan budaya kerja berimpak tinggi, inovatif dan mampan ke arah memperkasa modal insan yang cemerlang dan berdaya saing.

1.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Pengurusan Kanan UiTMKDH menggerakkan Bidang Tumpuan (BT) Pembangunan dan Pengurusan Staf secara menyeluruh melalui struktur organisasi yang jelas, berhierarki dan berfungsi. Struktur ini memastikan setiap peringkat pengurusan mempunyai peranan yang tersusun bagi menyokong pencapaian aspirasi UiTM sebagai **Globally Renowned University (GRU) 2025** dan **Pelan Strategik UiTM 2025**.

Pengurusan sumber manusia UiTMKDH digerakkan secara sistematik dan strategik. Antara kaedah yang telah diamalkan adalah seperti berikut:

1. Tadbir Urus Strategik dan Kepimpinan Berwawasan

Pendekatan **PDCA (Plan-Do-Check-Act)** menjadi tunjang utama dalam memastikan pengurusan sumber manusia yang cemerlang dan lestari. **Semangat kebersamaan** di kalangan warga diterapkan secara mendalam melalui tema “**Kebersamaan Ke Arah Kecemerlangan UiTMKDH**” dan “**Melonjak Kecemerlangan UiTM Cawangan Kedah**”. **Sebanyak 74 Petunjuk Prestasi (PI)** yang dimandatkan oleh Bahagian Transformasi Universiti (BTU) telah diterjemahkan kepada 15 Projek Khas (9 memacu bidang tumpuan) melalui Bengkel *Strategic Action Plan (SAP) 2024* yang diadakan pada 6-7 Disember 2023. *Program Director (PD)* dan *Program Manager (PM)* dilantik, manakala PIC di peringkat unit menyelaras pelaksanaan mengikut mandat dan garis masa projek. **(KDHBUKTI_1_K1.2)**.

2. Pembangunan Kompetensi dan Pembudayaan Ilmiah

UiTMKDH komited terhadap **pembangunan kompetensi dan kecemerlangan ilmiah** dengan menyediakan pelbagai wadah yang bersesuaian melalui **program latihan, bengkel, seminar dan persidangan**. Pengurusan Kanan UiTMKDH memperkenalkan inisiatif ‘**RMU Scholarly Synergy Session**’ untuk merencanakan budaya penulisan berindeks. Budaya penulisan ilmiah ini juga di perluaskan kepada staf pentadbiran. **(KDHBUKTI_2_K1.2)**.

3. Komunikasi Dua Hala.

Komunikasi organisasi yang telus dan inklusif menjadi tunjang utama dalam menyampaikan hala tuju UiTMKDH secara efektif menerusi **saluran komunikasi dua hala** seperti Amanat Tahun Baru Rektor, pekeliling, mesyuarat, bengkel, taklimat, emel, laman sesawang dan media sosial. Perjumpaan berkala antara pengurusan kanan UiTMKDH bersama **pensyarah sambilan sepenuh masa (PTFT), pensyarah baru dan pensyarah dalam cuti belajar** turut diadakan dalam mewujudkan budaya organisasi yang menyatu padu dan responsif selaras dengan **semangat kebersamaan** dan transformasi institusi. **(KDHBUKTI_3_K1.2)**

4. Kecekapan Kewangan dan Keutamaan Sumber

Kecekapan kewangan menekankan **tadbir urus kewangan yang cekap** peruntukan disusun mengikut keutamaan PI/projek, pemantauan nilai untuk wang, serta pematuhan tatakelola kewangan bagi menjamin kelestarian inisiatif. UiTMKDH telah membelanjakan sebanyak RM7,227,420 bagi menaik taraf beberapa kemudahan asas seperti baikpulih bumbung di bangunan akademik bagi menghasilkan ruang kerja yang lebih kondusif. Peruntukan bagi penambahbaikan Telaga Tiub (2 Fasa) telah membantu UiTMKDH mengatasi masalah bekalan air juga telah mengurangkan kos utiliti UiTMKDH sebanyak RM46,000 setahun. **(KDHBUKTI_4_K1.2)**

5. Insentif Berasaskan Prestasi dan Pengiktirafan

UiTMKDH memperkasa kecemerlangan melalui insentif kewangan strategik termasuk **Insentif Penerbitan UiTMKDH**, RM500 bagi penerbitan di WOS Q1/Q2, RM300 (Q3/Q4) dan RM200 (Scopus/ESCI). Pencapaian cemerlang diiktiraf melalui anugerah seperti Anugerah Inspirasi Kepimpinan Bestari HEP, Anugerah Penyelidik Terbaik Kelompok di Anugerah Akademik Universiti (AAU), dan penarafan emas dalam Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK2024). Inisiatif seperti Majlis Apresiasi dan Kecemerlangan Mahasiswa 2024 (MAKMA2024)

anjaran BHEP turut menghargai sumbangan staf sebagai penasihat kelab, menyerlahkan pengiktirafan yang menyeluruh dan bermakna. **(KDHBUKTI_5_K1.2)**.

SENARAI BUKTI:

1. [K0055_K01_KB02_20251_KDHBUKTI_1_K1.2 \(NEW\).pdf](#)
2. [K0055_K01_KB02_20252_KDHBUKTI_2_K1.2 \(NEW\).pdf](#)
3. [K0055_K01_KB02_20253_KDHBUKTI_3_K1.2 \(NEW\).pdf](#)
4. [K0055_K01_KB02_20254_KDHBUKTI_4_K1.2 \(NEW\).pdf](#)
5. [K0055_K01_KB02_20255_KDHBUKTI_5_K1.2 \(NEW\).pdf](#)

1.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Pengurusan Kanan UiTMKDH berperanan sebagai peneraju utama telah mengadaptasi Model PDCA dalam tindakan yang diambil merangkumi aspek perancangan, pengurusan, pelaksanaan serta pemantauan secara berterusan. Antara pendekatan utama yang diamalkan adalah seperti berikut:

1. Pembahagian Tanggungjawab Berasaskan Keutamaan

Objektif strategik UiTMKDH diselaraskan dengan **Pelan Strategik UiTM2025** dan **dasar Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT)**. Hala tuju 74 PI diterjemah kepada pelan projek melalui Bengkel Perancangan Strategik (SAP). Program Director (PD) dan Program Manager (PM) dilantik bagi memacu pelaksanaan dan penyelarasan operasi dengan memecahkan objektif kepada 15 Projek Khas dengan 9 projek bagi memenuhi 3 Teras Strategik UiTM: **Pendidikan Berkualiti, Kecemerlangan Global, dan Prestasi Berasaskan Nilai.** (KDHBUKTI_1_K1.3)

2. Perkongsian maklumat melalui pendekatan komunikasi yang efektif dan terbuka

Pengurusan Kanan melaksanakan perkongsian maklumat melalui pendekatan komunikasi yang efektif dan terbuka bagi memastikan setiap warga sentiasa mendapat maklumat terkini berkaitan dasar, strategi dan hala tuju organisasi. Antara kaedah yang diamalkan termasuklah penyampaian **Amanat Rektor** yang menjadi wadah utama dalam menjelaskan visi, misi dan aspirasi universiti kepada seluruh warga kampus. Selain itu, pelbagai taklimat dan perkongsian turut diadakan seperti **sesi Perjumpaan TREK HEA/Rektor bersama pensyarah baharu, staf akademik dan staf pentadbiran, program jelajah TREK HEA ke fakulti, PJI Tour to fakulti** serta **sesi libat urus bersama Perpustakaan** yang berfungsi sebagai platform perkongsian maklumat secara langsung. Di samping itu, **saluran media elektronik** seperti e-mel rasmi, aplikasi WhatsApp, portal Klik Kedah, serta **penggunaan media sosial** khususnya Facebook Rektor dan laman sesawang UiTMKDH turut dimanfaatkan sebagai media penyebaran maklumat yang lebih pantas dan menyeluruh. Manakala, **Mesyuarat fakulti dan bahagian** dijadikan ruang komunikasi formal bagi membincangkan agenda utama termasuk perancangan strategik fakulti serta pemantauan pencapaiannya. Kesemua pendekatan ini membuktikan komitmen pengurusan universiti dalam mengamalkan komunikasi dua hala yang telus, inklusif dan menyeluruh. (KDHBUKTI_2_K1.3)

3. Pemantauan, Penilaian dan Penambahbaikan Berterusan

UiTMKDH memanfaatkan teknologi Dashboard Power BI SAP, NILAMs dan sistem pemantauan digital untuk menjejak status pelaksanaan dan menggunakan laporan prestasi PI (suku tahunan dan tahunan) sebagai mekanisme kawalan dan pemantauan. Analisa laporan prestasi ini dibentangkan dalam **Mesyuarat Pengurusan Kanan (MPK), Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP) dan Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Negeri (JKEN)** secara berkala. (KDHBUKTI_3_K1.3)

4. Sokongan sumber dalaman dan kerjasama luar bagi pembiayaan tambahan

UiTMKDH mengoptimalkan penggunaan Kumpulan Wang Pengurusan, Kumpulan Wang Amanah serta TAPA bagi menyokong pelaksanaan aktiviti akademik, penyelidikan dan pembangunan staf. UiTMKDH juga turut mengukuhkan jaringan kerjasama strategik dengan pihak luar (agensi kerajaan dan industri) bagi menjana sumber kewangan. Contohnya, Projek Edu-Tourism 2024, telah berjaya memperoleh dana daripada Tourism Kedah berjumlah RM10,000 dan Syarikat Solar Alert Sdn. Bhd. sebanyak RM500. (KDHBUKTI_4_K1.3)

Mekanisme peluasan yang digunakan untuk memastikan setiap objektif dan inisiatif disalurkan daripada peringkat strategi sehingga ke setiap bahagian dengan pemantauan berjadual dan sokongan sumber yang mencukupi. Hasilnya, UiTMKDH berjaya melonjak pencapaian PI pada

tahun 2024 dengan 6 bintang Skor i-UiTM, tempat ke-2 kategori Kampus UiTM dan 5 peneraju terdiri daripada BHEP, ICAN, PENGURUSAN FASILITI, KEWANGAN dan MASMED mencapai 100% (81%, 5 bintang Skor i-UiTM). Ini juga dibuktikan dengan lawatan penanda aras dariUiTMKDH ke Perpustakaan Universiti Antarabangsa Al Bukhary, Perpustakaan Digital Kedah dan LHDN. **(KDHBUKTI_5_K1.3)**

SENARAI BUKTI :

1. [K0055_K01_KB03_20251_KDHBUKTI_1_K1.3 PEMBAHAGIAN TANGGUNGJAWAB BERASASKAN KEUTAMAAN.pdf](#)
2. [K0055_K01_KB03_20252_KDHBUKTI_2_K1.3 PERKONGSIAN MAKLUMAT \(NEW\).pdf](#)
3. [K0055_K01_KB03_20253_KDHBUKTI_3_K1.3 PEMANTAUAN BERTERUSAN.pdf](#)
4. [K0055_K01_KB03_20254_KDHBUKTI_4_K1.3 DANA LUAR.pdf](#)
5. [K0055_K01_KB03_20255_KDHBUKTI_5_K1.3 LAWATAN.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

1.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Pelan pemantauan oleh Pengurusan Kanan dirangka berdasarkan dua aspek iaitu:

1. Mengenalpasti Pencapaian Bidang Tumpuan

Pengurusan Kanan melaksanakan pemantauan secara berstruktur dan sistematik. Langkah pertama ialah dengan **menetapkan prestasi PI** sebagai panduan kepada setiap bahagian/unit/fakulti dalam merangka aktiviti dan projek (**KDHBUKTI_1_K1.4.1**). Seterusnya, **pelaporan dilaksanakan secara berkala sama** (suku tahunan atau tahunan) oleh PTJ yang terlibat. Melalui pelaporan ini, kemajuan pelaksanaan aktiviti/projek/program dinilai serta dibentangkan kepada Pengurusan Kanan melalui pelbagai mesyuarat pusat seperti JKEN (12 kali), MPK (4 kali), MKSP (2 kali), JPSMN (12 kali), Mesyuarat Tabung Amanah (3 kali) dan PPSM (12 kali). (**KDHBUKTI_2_K1.4.1**). Keberkesanan pemantauan dipertingkatkan melalui **dashboard prestasi digital, Sistem Bersepadu iKedah, NILAMs, UiSMS dan eMesyuarat**.

Selain itu, **sesi semakan strategi** dijalankan bagi memastikan semua pencapaian adalah sejajar dengan piawaian yang ditetapkan melalui **audit dalaman dan penilaian kualiti** seperti Audit dalaman, audit kualiti IQMS, audit oleh BPPA, audit keselamatan dan kesihatan oleh JKKP, audit aktiviti perniagaan oleh Jawatankuasa Ruang Niaga, audit kewangan oleh Bahagian Kewangan, audit tenaga oleh pihak Sustainable Energy Development Authority Malaysia (SEDA) dan Audit Konteks Syarahan (KS). (**KDHBUKTI_3_K1.4.1**)

2. Mengenalpasti Punca Kegagalan Sesuatu Inisiatif

Analisis jurang dilakukan untuk membolehkan Pengurusan Kanan mengenalpasti kelemahan dalam perancangan atau pelaksanaan sesuatu inisiatif. Pemantauan terhadap pencapaian objektif / PI dibuat oleh Penyelaras PSTU dengan pelaporan pencapaian PI tiga (3) bulan sekali & dijadikan agenda utama di dalam Mesyuarat JKEN, MPK, JKTU dan Fakulti. Pemantauan kecemerlangan akademik dibuat melalui analisa **SUFO, PROPENS** (bagi staf akademik) dan sistem HR2U bagi staf pentadbiran. Staf juga dipantau bagi pencapaian jumlah 42 jam latihan setahun. (**KDHBUKTI_4_K1.4.1**).

Selain itu, **sesi analisa pasca pelaksanaan atau libat urus** dijalankan bersama Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ) dan penyelaras projek untuk mengenalpasti kekangan yang dihadapi serta faktor luaran yang memberi kesan kepada pelaksanaan projek atau program. Selari dengan itu, **pengurusan risiko juga dilaksanakan** dan didaftarkan dalam **sistem eRMS** untuk menilai dan memantau punca risiko yang berlaku. (**KDHBUKTI_5_K1.4.1**).

Hasil daripada penilaian dan libat urus tersebut, **laporan khas dibentangkan** dalam **MPK, JKTU dan JKEN** bagi menilai isu kritikal dan mencadangkan langkah pemulihan yang sesuai. Akhirnya, **tindakan pembetulan dan penambahbaikan berterusan** dilaksanakan bagi memastikan kelemahan yang sama tidak berulang dalam inisiatif seterusnya.

SENARAI BUKTI:

1. [K0055_K01_KB04_KC01_20251_KDHBUKTI_1_K1.4.1_PENETAPAN PI 2024.pdf](#)
2. [K0055_K01_KB04_KC01_20252_KDHBUKTI_2_K1.4.1 TAKWIM MESYUARAT \(NEW\).pdf](#)
3. [K0055_K01_KB04_KC01_20253_KDHBUKTI_3_K1.4.1 AUDIT \(23 OGOS 2025\).pdf](#)
4. [K0055_K01_KB04_KC01_20254_KDHBUKTI_4_K1.4.1 PEMANTAUAN TERHADAP STAF.pdf](#)

1.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Pengurusan Kanan UiTMKDH mengambil langkah proaktif dalam mengurus dan menangani risiko yang berkaitan dengan setiap inisiatif yang dilaksanakan. Setiap inisiatif dikenalpasti dari segi potensi risiko melalui penilaian awal sebelum pelaksanaan, termasuk risiko sumber manusia, kewangan, operasi, teknologi dan faktor persekitaran luaran. Garispanduan utama yang digunakan adalah berdasarkan Carta Alir Pengoperasian Pengurusan Risiko **(KDHBUKTI_1_K1.4.2)**

Setiap Bahagian dan Unit perlu **mengenalpasti risiko dan melaporkan risiko-risiko berkaitan dlm sistem eRMS**. Hasil laporan Jawatankuasa Pemilik Risiko dalam sistem ERMS telah menunjukkan bahawa UiTMKDH hanya menghadapi 75 risiko bagi tahun 2024. Daripada 75 risiko yang dihadapi, terdapat 10 risiko yang diklasifikasikan sebagai ekstrem. Manakala 17 risiko dikategorikan tinggi, dan 31 risiko untuk tahap sederhana dan 17 risiko adalah rendah. Ringkasan laporan Daftar Risiko telah menunjukkan bahawa terdapat **33 risiko yang berkaitan dengan Pengurusan dan Pembangunan Staf (KDHBUKTI_2_K1.4.2)**.

Berdasarkan penilaian ini, UiTMKDH menyusun strategi mitigasi yang sesuai, seperti pengagihan semula sumber, pelaksanaan prosedur kawalan dalaman, penggunaan teknologi untuk memantau prestasi, serta penyediaan pelan kontingensi bagi menghadapi situasi tidak dijangka. Penyelaras Pengurusan Risiko melaporkan semua risiko di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Risiko UiTMKDH yang telah diadakan sebanyak 3 kali iaitu pada 25 Feb, 25 Julai dan 27 Nov 2024 **(KDHBUKTI_3_K1.4.2)**. Di dalam mesyuarat ini, langkah-langkah pencegahan dan tindakan penyelesaian risiko dibincangkan. Inisiatif yang diambil oleh Pengurusan Kanan untuk menyelesaikan risiko yang berkaitan dengan jumlah geran penyelidikan yang diperolehi tidak mencapai PI kampus dengan mengadakan 8 bengkel, taklimat dan webinar yang berkaitan dengan penyelidikan. Hasilnya UiTMKDH berjaya menjana dana melalui geran (MCMC Digital Society Research Grant, Islamic Economy Research and Innovation Fund (ERIF) dan Toshiba International Foundation Grant (TIFO) dengan nilai berjumlah RM 3,245,416 **(KDHBUKTI_4_K1.4.2)**.

Selain itu, bagi menangani risiko gangguan bekalan air di kampus, pihak Pengurusan Kanan UiTMKDH telah berjaya mendapat kapasiti tambahan pengeluaran air oleh pihak SADA serta pembinaan telaga tiub di dalam kampus. Penyelesaian masalah bekalan air telah membolehkan staf akademik dan pentadbiran dapat menjalankan tugas harian dengan lebih berkesan dan efektif. Risiko yang dihadapi oleh setiap bahagian dan Unit untuk pencapaian PI turut diatasi hasil usaha Pengurusan Kanan. **(KDHBUKTI_5_K1.4.2)**

SENARAI BUKTI :

1. [K0055_K01_KB04_KC02_20251_KDHBUKTI_1_K1.4.2 CARTA ALIR PENGOPERASIAN PENGURUSAN RISIKO \(21 JULAI 2025\).pdf](#)
2. [K0055_K01_KB04_KC02_20252_KDHBUKTI_2_K1.4.2 RINGKASAN DAFTAR RISIKO.pdf](#)
3. [K0055_K01_KB04_KC02_20253_KDHBUKTI_3_K1.4.2 JAWATANKUASA PEMILIK RISIKO & MESYUARAT \(21 JULAI 2025\).pdf](#)
4. [K0055_K01_KB04_KC02_20254_KDHBUKTI_4_K1.4.2 GERAN PENYELIDIKAN.pdf](#)
5. [K0055_K01_KB04_KC02_20255_KDHBUKTI_5_K1.4.2 PENGAWALAN RISIKO \(23 OGOS 2025\).pdf](#)

1.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Pengurusan Kanan UiTMKDH sentiasa menekankan budaya penambahbaikan berterusan bagi memastikan setiap kelemahan yang dikenalpasti dapat diatasi secara sistematik. Setiap hasil penilaian, audit, dan sesi analisis pasca pelaksanaan dijadikan asas untuk merangka tindakan pembetulan yang lebih berkesan. Melalui langkah ini, strategi baharu dirumuskan, proses kerja ditambah baik, serta penggunaan sumber dipertingkatkan agar lebih optimum. Hasilnya usaha Pengurusan Kanan bersama dengan Unit Strategik dan Transformasi Universiti, UiTMKDH telah menunjukkan lonjakan dalam pencapaian PI pada tahun 2024. **(KDHBUKTI_1_K1.4.3)**.

Pengurusan Kanan UiTMKDH telah meluluskan penganjuran **19 program** intervensi yang berkaitan dengan penerbitan dan penyelidikan. Hasilnya, jumlah penerbitan dan geran berjaya mencapai sasaran PI yang telah ditetapkan dengan jumlah penglibatan staf dalam program ini telah meningkat dari **216 orang (Januari - Mac)** menjadi **834 orang (April – Disember)** **(KDHBUKTI_2_K1.4.3)**.

Dalam usaha meningkatkan kompetensi serta keupayaan staf akademik dan pentadbiran agar mereka lebih berdaya saing, antara tindakan penambahbaikan yang diambil oleh Pengurusan Kanan UiTMKDH termasuklah pelaksanaan program latihan dalaman dan luaran yang merangkumi aspek teknikal, kepimpinan dan kemahiran insaniah. Sebagai contoh, hasil pemantauan melalui analisis **SUFO dan PROPENS(KDHBUKTI_3_K1.4.3)**, sesi bimbingan berbentuk *coaching* dan *mentoring* diperkenalkan bagi membimbing staf baharu serta meningkatkan potensi staf sedia.

Sistem Bersepadu iKedah telah digunakan untuk menganalisa aduan, pendapat dan maklum balas yang diterima daripada staf dan pelajar. **(KDHBUKTI_4_K1.4.3)**. Analisa **eRespon** dan **eAMP** telah dibentangkan kepada Pengurusan Kanan menerusi mesyuarat MKSP. Laporan yang diterima digunakan sebagai asas kepada Pengurusan Kanan untuk membuat penambahbaikan kepada tadbir urus di UiTMKDH.

Hasil usaha gigih Pengurusan Kanan dan semua pihak yang terlibat, pencapaian PI UiTMKDH bagi tahun 2024 adalah sangat cemerlang dengan peratusan **95.6% dengan 6 Bintang Skor i-UiTM**. UiTMKDH telah mencipta sejarah kerana buat pertama kali mendapat **tempat ke-2** di bawah kategori Kampus UiTM dan ini juga merupakan pencapaian yang cemerlang berbanding dengan tahun 2023 hanya 81% dengan 5 Bintang Skor i-UiTM. Di samping itu, UiTMKDH juga mencapai kejayaan kecemerlangan di Majlis MeTIC dengan memenangi anugerah **Geran Komuniti Terbanyak, Tempat Pertama Anugerah Projek Komuniti (Lestari), Tempat ke-3, Kadar Respon Terbaik SKPG 2024 dan Anugerah Pencapaian PI 100% ICAN 2024**. Happiness Index UiTMKDH telah mencapai **75%** iaitu meningkat **2%** berbanding tahun 2023 **(KDHBUKTI_5_K1.4.3)**.

SENARAI BUKTI :

1. [K0055_K01_KB04_KC03_20251_KDHBUKTI_1_K1.4.3_PENCAPAIAN PI.pdf](#)
2. [K0055_K01_KB04_KC03_20252_KDHBUKTI_2_K1.4.3_HASIL PENAMBAHBAIKAN SENARAI BENGKEL PENYELIDIKAN DAN PENERBITAN 2024 \(JADUAL\).pdf](#)
3. [K0055_K01_KB04_KC03_20253_KDHBUKTI_3_K1.4.3_SUFO & PROPENS.pdf](#)
4. [K0055_K01_KB04_KC03_20254_KDHBUKTI_4_K1.4.3_SISTEM i-KEDAH \(NEW\).pdf](#)
5. [K0055_K01_KB04_KC03_20255_KDHBUKTI_5_K1.4.3_PENCAPAIAN UiTM CAWANGAN KEDAH.pdf](#)

1.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Pengurusan Kanan UiTMKDH membudayakan objektif dan inisiatif strategik untuk diterjemahkan dalam bentuk amalan harian warga. Proses pembudayaan bermula dengan pendekatan Pengurusan Kanan **mengintegrasikan objektif strategik ke dalam sistem pengurusan prestasi** dengan menetapkan PI. Budaya pelaksanaan turut diperkukuhkan melalui **komunikasi yang jelas dan menyeluruh** mengenai objektif strategik menerusi mesyuarat, taklimat dasar, portal dalaman dan pekeliling rasmi. Dengan ini, warga kampus dapat memahami hala tuju strategik serta peranan mereka dalam menjayakan perancangan yang ditetapkan.

Pembudayaan **kepakaran akademik dan perkongsian ilmu** sebagai pemangkin pengurusan dan pembangunan staf menghasilkan mutu kerja yang cemerlang Hasil dari pembudayaan ini, UiTMKDH telah menjayakan 36 aktiviti peringkat antarabangsa seperti webinar, mobiliti akademik, penganjuran konferens dan pertandingan inovasi. **(KDHBUKTI_1_K1.5)**. **Projek inovasi eVIEW** dari UiTMKDH telah menjadi produk penanda aras kepada PTAR Shah Alam. Ini merupakan bukti hasil perkongsian pintar dan penambahbaikan prestasi di kalangan staf Pentadbiran di Bahagian Perpustakaan Sultan Badlishah UiTMKDH. Selain itu, **Projek Pengeringan Ikan Kering iSUNDRYER** yang melibatkan Staf Akademik UiTMKDH telah membantu komuniti setempat untuk menjana pendapatan tambahan. Projek komuniti ini telah mendapat anugerah **3 bintang** untuk projek Komuniti UiTM **(KDHBUKTI_2_K1.5)**.

Pembudayaan **integrasi teknologi** memudahkan proses dan tadbir urus Sistem iKedah, *dashboard* SAP, sistem UiSMS, portal Klik Kedah dan e-mel rasmi bertindak sebagai medium dan asas memantau inisiatif strategi BT dan mengukur pencapaian PI, PK(P), PK(O) kualiti (pelaporan MKSP) dan objektif kualiti. UiTMKDH kekal relevan dan berdaya saing dengan membudayakan ketampakan akademik berevolusi teknologi dalam PdP dengan membangunkan MOOC dan Micro Credential dalam perkongsian tanpa sempadan. **(KDHBUKTI_3_K1.5)**.

Transformasi budaya prestasi kerja dan kompetensi staf mengangkat budaya akauntabiliti, integriti, komunikasi terbuka, pengurusan risiko, dan pemerksaan staf melalui delegasi berstruktur terbukti melalui penganjuran KIK2024 peringkat UiTM, kolaborasi diperkasa melalui 28 MoU/MoA aktif termasuk dengan agensi tempatan seperti CNW Jitra, Yayasan PINTAR dan SME Corp serta dan lawatan akademik dari Universiti Antarabangsa seperti Universitas Airlangga dan Universitas Brawijaya (Indonesia), Universiti Thaksin dan Universiti Suan Sunanda Rajabhat (Thailand). **(KDHBUKTI_4_K1.5)**. Budaya ini diperkukuh melalui pelaksanaan audit dalaman, penilaian kualiti, dan mekanisme pemantauan seperti dashboard digital prestasi. Kaedah ini membolehkan prestasi dapat diukur secara telus, kelemahan dapat dikesan awal, dan tindakan pembetulan dilaksanakan dengan segera.

Selain pemantauan, budaya akauntabiliti turut disokong dengan pemberian pengiktirafan kepada staf yang menunjukkan kecemerlangan dalam pencapaian sasaran. Dengan itu, staf berasa dihargai, terdorong untuk bekerja lebih baik, serta lebih bertanggungjawab terhadap tugas yang diamanahkan. Secara keseluruhannya, budaya ini menanamkan nilai integriti, ketelusan, dan komitmen berterusan dalam kalangan seluruh warga universiti.

Hasil daripada pembudayaan ini, prestasi staf telah ditingkatkan secara menyeluruh. Tahap kemahiran bertambah baik dan seterusnya menyumbang kepada pencapaian PI. Komitmen dan kepuasan kerja staf turut meningkat, sekaligus merealisasikan objektif strategik UiTMKDH. Hasilnya, pada tahun 2024 UiTMKDH mencatatkan kejayaan **(KDHBUKTI_5_K1.5)**:

* 96.5% pencapaian PI 2024 (melebihi sasaran 90%) (6 Bintang i-UiTM score)

* Pencapaian PI 100% (ICAN, BPF, Kewangan, MASMED dan HEP)

* Anugerah 6 bintang PTJ

* Anugerah Transformasi Kecemerlangan Penjanaan Pendapatan 2024

- * Tempat Pertama – Anugerah Projek Komuniti (Lestari)
- * Anugerah Geran Komuniti Terbanyak
- * Anugerah 100% Pencapaian PI ICAN 2024
- * Tempat Ke-3 – Kadar Respons Terbaik SKPG 2024

SENARAI BUKTI :

1. [K0055_K01_KB05_20251_KDHBUKTI_1_K1.5 PERKONGSIAN AKADEMIA.pdf](#)
2. [K0055_K01_KB05_20252_KDHBUKTI_2_K1.3 PENANDA ARASAN.pdf](#)
3. [K0055_K01_KB05_20253_KDHBUKTI_3_K1.5 INTEGRASI TEKNOLOGI.pdf](#)
4. [K0055_K01_KB05_20254_KDHBUKTI_4_K1.5 AKAUNTABILITI.pdf](#)
5. [K0055_K01_KB05_20255_KDHBUKTI_5_K1.5 HASIL.pdf](#)

KRITERIA 2 : PERANCANGAN STRATEGIK

2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Pelaksanaan strategi UiTM Cawangan Kedah dalam bidang tumpuan Pengurusan dan Pembangunan Staf dirangka secara sistematik berlandaskan kitaran **PDCA**, yang memastikan setiap inisiatif memberi impak kepada kecemerlangan institusi, kesejahteraan komuniti, serta penyelarasan dengan aspirasi universiti dan negara.

Plan (Perancangan):

Perancangan strategik UiTMKDH dalam bidang tumpuan Pengurusan dan Pembangunan Staf berlandaskan dasar utama negara seperti RMK-12, PPPM PT 2015–2025, dan PSK PT 2023–2025, dengan aspirasi UiTM mencapai status Globally Renowned University. UiTMKDH melaksanakan SAP 2024 berasaskan analisis SOAR, dengan sokongan Amanat Naib Canselor 2024 dan Amanat Rektor 2024. Melalui bengkel SAP pada Disember 2023, sebanyak 15 projek khas dirangka meliputi 74 PI UiTMKDH, termasuk 9 projek khas memfokuskan kepada pembangunan staf. 9 projek khas ini dipetakan kepada **Teras, Tema, Objektif, dan Inisiatif Strategik Universiti Teknologi MARA (UiTM) 2025**. Perancangan strategik merangkumi pelaksanaan kursus profesional, bengkel akademik, inisiatif digitalisasi, serta program kolaborasi antarabangsa. Antaranya termasuk Effective Supervision Workshop, Academic Writing Retreat, dan pemeteraian lebih 20 MoU/MoA dengan universiti luar negara, yang sejajar dengan Pelan Strategik UiTM 2025 serta agenda pendidikan negara selari dengan **Teras, Tema, Objektif, dan Inisiatif Strategik 2024 UiTMKDH**.

Do (Pelaksanaan):

Inisiatif strategik UiTMKDH 2024 dijalankan di pelbagai peringkat. Di peringkat kampus UiTMKDH, fokus diberikan kepada peningkatan profesionalisme staf melalui program latihan, seminar penulisan, dan projek khas “1 Bahagian + 1 KIK + 1 OE”. Di peringkat universiti induk, UiTMKDH menyertai persidangan dan klinik penyelidikan seperti FRGS Clinic. Sementara itu, di peringkat antarabangsa, mobiliti staf dan pelajar, kuliah jemputan, serta penganjuran persidangan (IC2REDIT, KICSS, ICSR) menjadi platform pembinaan reputasi global.

Check (Semakan/Penilaian):

Pemantauan dibuat melalui laporan pencapaian PI yang menunjukkan tren positif bagi artikel jurnal antarabangsa, perolehan geran, serta kolaborasi global. Program pengiktirafan seperti RMU Salute, Hari Anugerah “Scholarly Salute”, dan Hari Kualiti & Inovasi menjadi medium semakan keberkesanan dengan memberi penghargaan kepada staf yang cemerlang. Penilaian juga diperluas kepada semakan sendiri di peringkat audit dalaman, sekali gus menzahirkan tahap pencapaian melebihi sasaran.

Act (Tindakan Susulan):

Hasil penilaian digunakan untuk memperkukuh strategi seterusnya. Budaya pengiktirafan diperluas, penggunaan platform komunikasi rasmi (FB UiTMKDH, poster kejayaan staf) dijadikan pemangkin motivasi, dan rangkaian kolaborasi antarabangsa diperluas bagi meningkatkan lagi tahap global visibility. Tindakan ini memastikan kesinambungan kecemerlangan serta penambahbaikan berterusan, seiring aspirasi UiTM ke arah status Globally Renowned University.

Pendekatan berasaskan PDCA ini telah membolehkan UiTMKDH bukan sahaja mencapai, malah melebihi sasaran utama dalam pembangunan staf. Pencapaian tersebut memperlihatkan tren positif dari segi kualiti penyelidikan, kolaborasi, dan pengiktirafan, seterusnya memperkukuh kedudukan UiTMKDH di peringkat universiti, negara, dan antarabangsa.

2.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Rancangan Malaysia Ke-12 memfokuskan kepada **pembangunan bakat** dalam usaha mencapai **Negara Berpendapatan Tinggi**. Seajar itu, sektor pendidikan melalui **Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) (PPPM PT) dan Pelan Strategik Kementerian Pengajian Tinggi (PSK PT) 2023–2025** menggariskan **10 Lonjakan** aspirasi sistem dan aspirasi pelajar. **Empat lonjakan** memfokus kepada **keberhasilan warga pendidikan tinggi** termasuk keseluruhan komuniti akademik. **Enam lonjakan** berikutnya merangkumi **pembiayaan, tadbir urus, inovasi, pembelajaran dalam talian, pengantarabangsa dan penyampaian**. Melalui PPPM PT 2015-2025 dan PSK PT 2023-2026, KPT mengandalkan kualiti IPT dan sistem pendidikan tinggi Malaysia akan cemerlang seandainya komuniti akademik yang terdiri daripada pendidik, penyelidik, pemimpin institusi, pengamal profesional hinggalah kakitangan sokongan juga cemerlang. RMK-12, PPPM PT 2015-2025 dan PSK PT 2023-2025 menjadi landasan Pelan Strategik UiTM 2025 dengan meletakkan kejayaan mencapai **Universiti Terkemuka Dunia (Globally Renowned University)** sebagai aspirasinya (**KDHBUKTI_1_K2.2**).

Aspirasi ini turut menjadi pemacu utama kepada **10 Objektif Kualiti UiTMKDHD dan Pelan Perancangan Strategik (SAP) UiTMKDHD2024 (KDHBUKTI_2_K2.2)** dengan **BT Pengurusan dan Pembangunan Staf** menjadi fokus halatuju, sasaran serta asas penetapan indikator prestasi utama (PI) bagi seluruh fakulti, bahagian dan unit. SAP UiTMKDHD2024 turut didasari oleh **Landasan Hala Tuju Kementerian Pendidikan Tinggi 2024**, tema UiTM “**Globally Renowned, Locally Rooted (GRLR)**”, “**Globally Respected (GR)**”, **Amanat Tahun Baharu Naib Canselor 2024, Amanat Rektor 2024** dan tema UiTMKDHD “**Kebersamaan Ke Arah Kecemerlangan**” dan “**Melonjak Kecemerlangan UiTM Cawangan Kedah**” (**KDHBUKTI_2_K2.2**).

Perancangan **SAP UiTMKDHD2024** dilaksanakan berpandukan **analisis SOAR** (Strengths, Opportunities, Aspirations, Results) yang merupakan satu inovasi dalam perancangan strategik kampus bagi mengetengahkan pembangunan bakat staf akademik dan pentadbiran di UiTMKDHD yang **dinilai serta dipantau secara berkala secara sukuan berdasarkan pencapaian peneraju (KDHBUKTI_3_K2.2)**. Perancangan SAP UiTMKDHD bermula dengan pelaksanaan **bengkel SAP UiTMKDHD2024** yang telah dilaksanakan pada 6–7 Disember 2023 (**KDHBUKTI_4_K2.2**) melibatkan **Pengurusan Kanan UiTMKDHD, Penyelaras Strategik dan Transformasi Universiti (PSTU), Pengarah Projek (PD) dan Pengurus Projek (PM)**. Terdapat 15 projek khas yang diwujudkan meliputi kesemua **74 PI** yang diperturunkan kepada UiTMKDHD di mana **9 projek khas** berinisiatif mencapai **BT (KDHBUKTI_4_K2.2)** dan berpetakan kepada **Teras, Tema, Objektif, dan Inisiatif Strategik Universiti (KDHBUKTI_4_K2.2)**.

Secara dasarnya, **objektif strategik utama UiTMKDHD** antaranya merangkumi penyediaan **pendidikan berkualiti** bertaraf dunia, memperkasa jaringan strategik, menjuarai penyelidikan berimpak tinggi, memperkasa kesarjanaan, melestarikan **kecemerlangan** organisasi dan mengawal selia amalan kewangan secara efektif. Kesemua objektif ini dicapai melalui **inisiatif strategik** seperti mewujudkan kerjasama antarabangsa melalui 30 MoU/MoA bersama industri, komuniti dan alumni, membangunkan pensyarah cemerlang, meningkatkan kepakaran staf, **menerapkan nilai ESI-iDART** dan menggalakkan budaya kerja berteraskan prestasi.

Melalui **SAP UiTMKDHD 2024, Pengurusan Kanan UiTMKDHD** dengan sokongan PSTU, PD, dan PM mengenalpasti pelaksana yang menggerakkan inisiatif-inisiatif strategik dan sentiasa **memantau inisiatif-inisiatif ini secara berkala agar penambahbaikan** dapat dilakukan (**KDHBUKTI_5_K2.2**). Komitmen tinggi dari seluruh warga UiTMKDHD bersama-sama dengan inisiatif Pengurusan Kanan telah menghasilkan Lonjakan **Pencapaian 6 bintang i-UiTM Score (95.6%) pada tahun 2024, peningkatan pencapaian PI iCAN dari 59% ke 100%, dan peningkatan PI RMU dari 74% ke 94%**. Pada tahun 2025, UiTMKDHD berjaya melonjak kejayaan pencapaian PI daripada kedudukan ke-8 pada tahun 2023, kepada tiga kampus tertinggi pada 2024 (**KDHBUKTI_5_K2.2**).

SENARAI BUKTI:

1. [K0055_P01_PB02_20251_KDHBUKTI_1_K2.2 PENDEKATAN UiTMKDH.docx_compressed.pdf](#)
2. [K0055_P01_PB02_20252_KDHBUKTI_2_K2.2 PENDEKATAN UiTMKDH.docx_compressed.pdf](#)
3. [K0055_P01_PB02_20253_KDHBUKTI_3_K2.2 PENDEKATAN UiTMKDH.docx.pdf](#)
4. [K0055_P01_PB02_20254_KDHBUKTI_4_K2.2 PENDEKATAN UiTMKDH.docx.pdf](#)
5. [K0055_P01_PB02_20255_KDHBUKTI_5_K2.2 PENDEKATAN UiTMKDH.docx.pdf](#)

2.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Bagi memastikan kecemerlangan BT, tema strategik dipetakan berlandaskan Pelan Strategik UiTM dan Hala tuju KPT (**KDHBUKTI_1_K2.3**). Seterusnya, objektif dan inisiatif strategik dirangka dengan jelas untuk memastikan pencapaian selari dengan aspirasi universiti dan negara. Pendidikan berkualiti membentuk asas kebolehpasaran graduan, kecemerlangan global memperkukuh reputasi akademik di pentas antarabangsa, manakala prestasi berorientasikan nilai memastikan kelestarian organisasi. Gabungan ketiga-tiga bidang ini meletakkan **UiTMKDH sebagai kampus cawangan yang bukan sahaja menyumbang kepada matlamat UiTM, tetapi juga kepada agenda pembangunan negara (KDHBUKTI_1_K2.3)**.

Objektif dan inisiatif strategik seterusnya dilaksanakan melalui langkah-langkah berikut:

1. Pelantikan PD dan PM (**KDHBUKTI_2_K2.3**)
2. Menetapkan kumpulan sasaran bagi pelaksanaan inisiatif strategik (**KDHBUKTI_2_K2.3**)
3. Mesyuarat utama kampus seperti Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Negeri (JKEN) dan Mesyuarat Pengurusan Kanan (MPK) (**KDHBUKTI_3_K2.3**)
4. Mesyuarat di peringkat bahagian seperti:
 1. BHEA - Mesyuarat Jawatankuasa Tadbir Urus (JKTU) (**KDHBUKTI_3_K2.3**)
 2. BHEP - Mesyuarat Ketua Unit Bahagian Hal Ehwal Pelajar (**KDHBUKTI_3_K2.3**)
 3. Mesyuarat Fakulti (**KDHBUKTI_3_K2.3**)

Objektif dan inisiatif strategik yang dirangka UiTMKDH dilaksanakan secara menyeluruh merentas pelbagai peringkat bermula di kampus UiTMKDH, di UiTM pusat, sehinggalah ke jaringan luar negara.

Di peringkat UiTMKDH, pelaksanaan tertumpu kepada **pengukuhan profesionalisme staf** dan pembangunan akademik dalaman. Antara inisiatif yang dilaksanakan ialah **kursus** kejurulatihan, **bengkel** teknologi pendidikan, **latihan** pengajaran kolaboratif, dan **seminar** penulisan akademik. Sebagai contoh, Bengkel Penulisan Mudah Menggunakan AI telah dijalankan bagi **menyokong staf akademik dan pentadbiran** meningkatkan kemahiran penulisan dan penerbitan berindeks bagi memastikan kualiti akademik dan memperkasakan modal insan berkemahiran tinggi (**KDHBUKTI_4_K2.3**).

Di peringkat UiTM pusat, UiTMKDH menzahirkan keselarasan dengan dasar dan inisiatif universiti induk melalui penglibatan dalam program kolaboratif lintas kampus seperti *Academic Writing Retreat* dan klinik penyelidikan FRGS. Selain itu, **penglibatan staf akademik dan pentadbiran dalam persidangan dan latihan anjuran** UiTM pusat memastikan keseragaman hala tuju dengan aspirasi universiti untuk menjadi Universiti Terkemuka Dunia. Penyertaan ini memperkukuh pencapaian UiTMKDH sebagai sebahagian daripada ekosistem nasional, menyokong aspirasi negara dalam memperkasakan modal insan berkemahiran tinggi (**KDHBUKTI_4_K2.3**).

Di peringkat luar UiTM, UiTMKDH memperluas pelaksanaan melalui **jalinan kerjasama strategik dengan industri, komuniti, dan universiti antarabangsa** seperti perkongsian inovasi teknologi iSUNDRYER di antara staf akademik UiTMKDH dengan kerjasama UiTM Pulau Pinang dalam perkongsian ilmu bersama dengan komuniti Tg. Dawai. **Kolaborasi dengan industri** dalam projek penyelidikan bersama turut membuktikan kesesuaian inisiatif strategik dengan agenda nasional seperti Industry-Academia Collaboration (**KDHBUKTI_5_K2.3**). Dokumen **KDHBUKTI_5_K2.3** juga menunjukkan pemeteraian lebih **20 MoU/MoA** dengan institusi global seperti Universitas Airlangga, Universitas Pasundan, dan Akita International University sebagai bukti UiTMKDH serius dalam **memperkukuh**

ketampakan dan kepakaran staf melalui jaringan global. Penglibatan pensyarah UiTMKDH yang dijemput memberikan kuliah jempunan antarabangsa bukan sahaja memperkayakan pengalaman staf, tetapi juga meningkatkan pengiktirafan UiTMKDH di peringkat antarabangsa. Menerusi perancangan strategik yang berkesan, UiTMKDH turut menerima **lawatan akademik** dari universiti luar negara seterusnya memperluas pendidikan tinggi transnasional.

Secara keseluruhan, penjajaran pelaksanaan objektif dan inisiatif strategik UiTMKDH ini membuktikan bahawa pendekatan yang diambil bukan sahaja berfokus kepada kecemerlangan dalaman, malah berimpak di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Langkah ini memperkukuh peranan UiTMKDH sebagai pemacu kecemerlangan akademik, pembangunan staf, dan inovasi, selaras dengan aspirasi UiTM menjadi universiti global terkemuka serta aspirasi negara dalam membangunkan modal insan unggul dan daya saing pendidikan tinggi.

SENARAI BUKTI :

1. [K0055_P01_PB03_20251_KDHBUKTI_1_K2.3 PENDEKATAN UiTMKDH.docx.pdf](#)
2. [K0055_P01_PB03_20252_KDHBUKTI_2_K2.3 PENDEKATAN UiTMKDH.docx.pdf](#)
3. [K0055_P01_PB03_20253_KDHBUKTI_3_K2.3 PENDEKATAN UiTMKDH.docx.pdf](#)
4. [K0055_P01_PB03_20254_KDHBUKTI_4_K2.3 PENDEKATAN UiTMKDH_compressed.pdf](#)
5. [K0055_P01_PB03_20255_KDHBUKTI_5_K2.3 PENDEKATAN UiTMKDH_compressed.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

2.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

SAP 2024 UiTMKDH dilaksanakan berteraskan prinsip pemantauan berterusan dan keterlibatan menyeluruh dalam proses penambahbaikan. Bagi memastikan keberkesanan, UiTMKDH membangunkan struktur pemantauan yang jelas dan sistematik.

Pertama, PD dan PM bertindak sebagai peneraju dan pemantau pelaksanaan inisiatif strategik Mereka dipertanggungjawabkan untuk meneraju sembilan (9) Projek Khas Bidang Tumpuan (BT) dengan sokongan pelaksana projek yang dilantik secara rasmi di peringkat fakulti, bahagian dan unit (KDHBUKTI_1_K2.4.1). Pemantauan diperkukuh dengan penggunaan borang dan sistem digital yang seragam. Setiap permohonan program perlu melalui Borang Permohonan Program berdasarkan Senarai PI 2024, manakala pelaporan menggunakan Borang GF PI 2024 (*Completed Project*) dan GF SAP 2024 (*Progress Report*). PD dan PM juga melaporkan pencapaian PI kepada PIC Pengarah Peneraju melalui *Google Drive*, manakala kemaskini kemajuan projek SAP dimasukkan ke dalam sistem UiSMS secara bulanan (KDHBUKTI_2_K2.4.1).

Kedua, Penyelaras Strategik dan Transformasi Universiti (PSTU) dipertanggungjawabkan memantau pencapaian inisiatif strategik. Laporan pencapaian dan semakan oleh peneraju menjadi rujukan PSTU bagi memantau prestasi PI mencapai tahap minimum sukuan yang ditetapkan: 25% (suku pertama), 50% (suku kedua), 75% (suku ketiga) dan melebihi 85% (suku keempat) bagi mencapai prestasi enam bintang. PSTU juga berfungsi menyemak prestasi semasa dengan objektif kualiti UiTMKDH yang merupakan penjarangan penting dalam perancangan strategik PI (KDHBUKTI_3_K2.4.1).

Ketiga, mesyuarat berstruktur menjadi wadah utama penambahbaikan. Di peringkat kampus, laporan pencapaian prestasi kampus dan pelaksanaan inisiatif strategik dilaporkan terus oleh PSTU kepada Pengurusan Kanan dalam agenda tetap Perancangan Strategik yang dibentangkan dalam mesyuarat JKEN, MPK dan MKSP. Di peringkat fakulti/bahagian pula, inisiatif strategik disemak melalui mesyuarat Jawatankuasa Tadbir Urus (HEA), Mesyuarat Ketua Unit HEP, serta mesyuarat fakulti serta bahagian. Mekanisme ini memastikan pelaksanaan dipantau menyeluruh dengan ruang penambahbaikan sentiasa dikenalpasti (KDHBUKTI_4_K2.4.1).

UiTMKDH menekankan keterlibatan semua kumpulan sasar dalam perancangan penambahbaikan. Di peringkat kampus, staf akademik dan pentadbiran diberi peluang mengikuti kursus, bengkel dan seminar bagi meningkatkan kemahiran. UiTMKDH juga menyelaras program kolaboratif **di peringkat UiTM** seperti bengkel Effective Postgraduate Supervision, manakala **di peringkat luar,** jaringan strategik diperkukuh melalui pemeteraian MoU/MoA dengan universiti antarabangsa (KDHBUKTI_5_K2.4.1). Keberhasilan UiTMKDH membuktikan bahawa kejayaan pencapaian bergantung kepada pelaksanaan objektif dan inisiatif strategik yang dirancang rapi, dipantau berterusan, serta ditambah baik melalui keterlibatan menyeluruh seluruh kumpulan sasar.

SENARAI BUKTI:

1. [K0055_P01_PB04_PC01_20251_KDHBUKTI_1_K2.4.1.pdf](#)
2. [K0055_P01_PB04_PC01_20252_KDHBUKTI_2_K2.4.1.docx.pdf](#)
3. [K0055_P01_PB04_PC01_20253_KDHBUKTI_3_K2.4.1.pdf](#)
4. [K0055_P01_PB04_PC01_20254_KDHBUKTI_4_K2.4.1.pdf](#)
5. [K0055_P01_PB04_PC01_20255_KDHBUKTI_5_K2.4.1.docx.pdf](#)

2.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

UiTMKDH telah mengenalpasti dua (2) risiko utama bagi BT. Risiko pencapaian PI untuk program berimpak tinggi ialah cabaran menempatkan staf di 2,000 syarikat global terkemuka atau 300 universiti terbaik dunia. Sebagai langkah strategik untuk meningkatkan ketampakan antarabangsa, UiTMKDH telah mengambil inisiatif menghantar staf menjalani latihan sabbatical di universiti luar negara (Jepun) sebagai permulaan kepada agenda pengantarabangsaan (KDHBUKTI_1_K2.4.2). Bagi menyokong pelaksanaan inisiatif ini secara berterusan dan berimpak tinggi, UiTMKDH turut merangka dan memulakan perbincangan awal untuk memeterai MoU/MoA dengan universiti luar negara. Usaha ini membuka ruang kolaborasi dalam bidang penyelidikan, pertukaran staf dan pelajar, dan turut memperkukuh ekosistem akademik dan profesionalisme warga kampus di peringkat antarabangsa sebagai permulaan kepada ketampakan antarabangsa (KDHBUKTI_2_K2.4.2).

Selain itu, risiko bekalan air yang kritikal di UiTMKDH juga telah menjejaskan pelbagai aspek operasi termasuk aktiviti pengajaran, pembelajaran, penyelidikan dan kebajikan staf. Hasil penilaian risiko yang komprehensif telah mendorong pihak pengurusan kanan bersama Bahagian Fasiliti untuk melaksanakan langkah mitigasi berkesan melalui pembinaan telaga tiub sebagai sumber alternatif bekalan air. Inisiatif ini telah mengurangkan impak gangguan air terhadap proses pembelajaran dan pengajaran secara langsung. Pada masa yang sama, ia turut menyokong aspek pembangunan profesional staf akademik dan bukan akademik yang bergantung kepada kelancaran operasi kampus untuk pelaksanaan aktiviti latihan, penyelidikan, program peningkatan kompetensi, serta mobiliti staf ke peringkat kebangsaan dan antarabangsa

(KDHBUKTI_3_K2.4.2).

Pengurusan risiko dalam perancangan strategik UiTMKDH telah diurus dengan sistematik. Senarai daftar pengurusan risiko yang teratur membolehkan risiko dikenal pasti bersama tahap, kawalan dan tindakan pencegahan yang bersesuaian. Penilaian dibuat terhadap tahap risiko ke atas (1) manusia, (2) reputasi, (3) kewangan, (4) operasi dan (5) strategik, serta dikaji mengikut kategori projek dan inisiatif strategik. Risiko dinilai pada empat tahap – ekstrem, tinggi, sederhana dan rendah. Semua penilaian dilaksana secara sistematik oleh Jawatankuasa Pemilik Risiko bagi PI yang terlibat bagi memastikan ketepatan dan keberkesanan langkah mitigasi dan dibentangkan analisa tersebut bersama Pengurusan dalam Mesyuarat MKSP dan MPK bagi tujuan penambahbaikan (KDHBUKTI_4_K2.4.2).

Keupayaan mengenal pasti risiko menjayakan hampir kesemua inisiatif strategik untuk mencapai objektif strategik dan mengatasi pelbagai risiko. Keberhasilan dalam bentuk pencapaian PI dan SAP 2024 ternyata cemerlang dan mencapai Anugerah Tertinggi (tempat kedua) Skor i-UiTM 2024 (KDHBUKTI_5_K2.4.2).

SENARAI BUKTI :

1. [K0055_P01_PB04_PC02_20251_KDHBUKTI 1 K2.4.2.pdf](#)
2. [K0055_P01_PB04_PC02_20252_KDHBUKTI 2 K2.4.2.pdf](#)
3. [K0055_P01_PB04_PC02_20253_KDHBUKTI 3 K2.4.2.pdf](#)
4. [K0055_P01_PB04_PC02_20254_KDHBUKTI 4 K2.4.2.pdf](#)
5. [K0055_P01_PB04_PC02_20255_KDHBUKTI 5 K2.4.2.pdf](#)

2.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Analisis berasaskan data dan laporan pencapaian melalui sistem UePMO mengikut quartile: Q1 (Jan - Mac), Q2 (April - Jun), Q3 (Julai - Sept) dan Q4 (Oct - Dec) oleh PSTU menjadi asas mengenal pasti jurang pencapaian PI UiTMKDH. Data yang dianalisis membolehkan pihak pengurusan menilai sama ada pencapaian telah memenuhi sasaran sukuan (25%, 50%, 75%, 85%) atau masih memerlukan intervensi. Dapatan analisis dari hasil pemantauan setiap inisiatif dibentangkan melalui mesyuarat JKEN, MPK dan MKSP. **Semakan melalui mesyuarat berstruktur** membincangkan status pencapaian dan menjadi ruang untuk mencadangkan penambahbaikan segera bagi inisiatif yang kurang berkesan (KDHBUKTI_1_K2.4.3). **Analisis kekuatan, peluang, aspirasi dan hasil (SOAR)** digunakan untuk menyusun strategi baharu. Sebagai contoh, jika sesuatu inisiatif menunjukkan keberhasilan rendah, kekuatan sedia ada (seperti kepakaran staf) atau peluang luar (kerjasama industri/antarabangsa) akan dimanfaatkan untuk memperkukuh inisiatif tersebut (KDHBUKTI_2_K2.4.3).

Analisa strategi dan pencapaian ini kemudiannya disampaikan kepada warga UiTMKDH melalui hebahan e-mel serta mesyuarat bahagian/fakulti supaya **tindakan susulan penambahbaikan** dapat dilaksanakan (KDHBUKTI_3_K2.4.3). Sebagai contoh, dalam meningkatkan staf berkeelayakan PhD, pihak pengurusan UiTMKDH telah mengatur perjumpaan bersama staf yang sedang dalam cuti belajar. Objektif utama adalah untuk memahami, memberikan motivasi serta mendapatkan maklumat berkaitan cabaran sebenar yang dihadapi staf sedang dalam cuti belajar. Perbincangan secara bersemuka memberi impak positif dalam mengenalpasti punca sebenar masalah sekaligus meningkatkan bilangan staf yang menamatkan pengajian peringkat PhD. Staf juga diminta mengisi Borang Google (Google Form) (KDHBUKTI_3_K2.4.3) (KDHBUKTI_4_K2.4.3) bagi merekodkan isu yang dihadapi dari masa ke masa.

Seterusnya, program **pengukuhan melalui latihan dan pembangunan profesional** seperti bengkel penulisan dan penerbitan dikenalpasti dan dilaksanakan (KDHBUKTI_5_K2.4.3). Pelaksanaan bengkel-bengkel berkaitan penyelidikan secara berterusan telah dikenalpasti sebagai satu inisiatif strategik yang penting dalam memperkukuh aktiviti kesarjanaan dalam kalangan pensyarah. Langkah pengukuhan ini memastikan staf diberi ruang meningkatkan keupayaan sejajar dengan keperluan strategik dan pencapaian PI UiTMKDH. Setelah tindakan penambahbaikan dilaksanakan, pencapaian akan dipantau dalam pusingan seterusnya bagi menilai keberkesanan intervensi. Mekanisme ini membentuk **kitaran penambahbaikan berterusan** yang memastikan setiap kelemahan diatasi dan prestasi UiTMKDH ditingkatkan.

Keseluruhannya, keberkesanan hasil penganalisaan perancangan strategik yang sistematik, pengurusan risiko yang cekap, keterlibatan menyeluruh dan penambahbaikan dari warga telah menyumbang kepada kecemerlangan UiTMKDH dengan mencapai Anugerah Tertinggi (tempat kedua) Skor i-UiTM 2024.

SENARAI BUKTI :

1. [K0055_P01_PB04_PC03_20251_KDHBUKTI 1 K2.4.3.pdf](#)
2. [K0055_P01_PB04_PC03_20252_KDHBUKTI 2 K2.4.3.pdf](#)
3. [K0055_P01_PB04_PC03_20253_KDHBUKTI 3 K2.4.3.pdf](#)
4. [K0055_P01_PB04_PC03_20254_KDHBUKTI 4 K2.4.3.pdf](#)
5. [K0055_P01_PB04_PC03_20255_KDHBUKTI 5 K2.4.3.pdf](#)

2.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Penguatan Komunikasi

Amanat Rektor 2024 menjadi pemacu utama yang menyemarakkan budaya kecemerlangan, khususnya melalui penekanan terhadap pencapaian Performance Indicator (PI) dan **pelaksanaan 15 projek khas di bawah Strategic Action Plan (SAP) 2024**. Dari sudut komunikasi dan perluasan budaya kerja berprestasi, platform rasmi seperti **laman Facebook rasmi kampus, laman Facebook Rektor UiTMKDH dan penulisan artikel di akhbar, laman sesawang (Klik Kedah) dan buletin (Cakna-Q dan RMU4U e-Bulletin)** telah menjadi saluran utama perkongsian maklumat, pencapaian, penganjuran program, serta pengiktirafan staf secara terbuka. Amalan dan pembudayaan ini bukan sahaja boleh dicapai melalui saluran dalaman, tetapi turut disebar luas ke luar UiTM (**KDHBUKTI_1_K2.5**).

Pemeriksaan Prestasi Staf

Inisiatif seperti penetapan **“1 Bahagian + 1 KIK + 1 OE”** melalui pelaksanaan bengkel-bengkel, **“Scholarly Synergy”** melalui perjumpaan mingguan bersama, PJI Tour ke semua fakulti/jabatan, analisa PJI berkaitan penerbitan pensyarah berdasarkan matriks kluster penulisan staf UiTMKDH, dan **“Program Mentor-Mentee (1 Pensyarah, 1 Artikel)”** memastikan setiap bahagian memainkan peranan penting dalam mencapai sasaran PI yang telah ditetapkan. Bagi mengekalkan prestasi staf akademik UiTMKDH, perjumpaan berkala Timbalan Rektor HEA bersama pensyarah PTFT dan KPP serta KP dilakukan bersama staf akademik UiTMKDH. Dalam pada itu, Rektor juga mengambil inisiatif untuk membuat perjumpaan berkala bersama pelajar yang menyambung pelajaran di peringkat PhD juga dilakukan (**KDHBUKTI 2_K2.5**).

Pembudayaan Pengiktirafan

Amalan penyelidikan dan penulisan diperhebat dengan inisiatif RMU Salute yang menghargai staf atas pencapaian geran dan penerbitan artikel berindeks. Budaya pengiktirafan juga diperkasa melalui pemberian E-Sijil bagi tujuan MyATP, insentif penerbitan, penganjuran Hari Anugerah **“Scholarly Salute”** bagi penyelidik aktif, dan **Hari Kualiti dan Inovasi**, yang memberi penghargaan kepada staf akademik dan pentadbiran, termasuk **Anugerah Penerbitan Berimpak Tinggi dan Anugerah Khas Inovasi**. Selain itu, Pengurusan Kanan juga menghargai staf yang berjaya memenangi anugerah di Majlis Kemuncak Inovasi dan Kualiti peringkat UiTM dengan penganjuran Majlis Apresiasi buat staf yang berjaya. Langkah ini menegaskan komitmen institusi terhadap pembangunan bakat serta peningkatan kualiti kerja (**KDHBUKTI 3_K2.5**).

Pembudayaan Perkongsian Ilmu

Pembudayaan perkongsian ilmu di UiTMKDH merupakan inisiatif strategik dalam pelan perancangan staf, antaranya melalui penganjuran kursus **“Effective Supervision” Zon Utara**, yang menonjolkan peranan kampus sebagai peneraju budaya penyeliaan berkualiti. **Perpustakaan Sultan Badlishah** turut memperkukuh budaya ini melalui **Program Libat Urus** bersama fakulti, jabatan dan bahagian di UiTMKDH serta organisasi luar. Di samping itu, sesi perkongsian mengikut gred perjawatan oleh Timbalan Pendaftar Kanan menjadi wadah membina kemahiran dan semangat kebersamaan dalam kalangan staf pentadbiran. Usaha bersepadu ini membuktikan pembudayaan ilmu telah berkembang secara sistematik sejajar dengan aspirasi universiti dan negara (**KDHBUKTI 4_K2.5**).

Ketampakan Global UiTMKDH

UiTMKDH secara konsisten membudayakan keterlibatan di pentas antarabangsa melalui pemeteraian lebih **20 MoU dan MoA** bersama universiti terkemuka seperti Universitas Airlangga, Akita International University, dan Universitas Pasundan. Jaringan kerjasama antarabangsa ini dipanjangkan melalui lawatan akademik **bersama universiti antarabangsa, penganjuran persidangan antarabangsa seperti IC2reDIT dan KICSS** dan amalan ini telah menjadi budaya kerja warga UiTMKDH, di mana staf turut diiktiraf sebagai penceramah jemputan di universiti luar negara (**KDHBUKTI 5_K2.5**).

SENARAI BUKTI :

1. [K0055_P01_PB05_20251_KDHBUKTI_1_K2.5_PENDEKATAN_UiTMKDH_compressed.pdf](#)
2. [K0055_P01_PB05_20252_KDHBUKTI_2_K2.5_PENDEKATAN_UiTMKDH.pdf](#)
3. [K0055_P01_PB05_20253_KDHBUKTI_3_K2.5_PENDEKATAN_UiTMKDH.docx.pdf](#)
4. [K0055_P01_PB05_20254_KDHBUKTI_4_K2.5_PENDEKATAN_UiTMKDH.docx_compressed.pdf](#)
5. [K0055_P01_PB05_20255_KDHBUKTI_5_K2.5_PENDEKATAN_UiTMKDH.docx.pdf](#)

KRITERIA 3 : TUMPUAN KEPADA PELANGGAN

3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

UiTMKDH telah melaksanakan **sembilan (9) Projek Khas Terpilih** bagi penulisan bidang tumpuan (BT) selaras dengan **3 Teras Strategik** utama UiTM: **Pendidikan Berkualiti, Kecemerlangan Global, dan Prestasi Berasaskan Nilai** iaitu **Sustainable Campus, Kedah's Professional Development, Kedah Cemerlang Sejahtera, Acquisition of Grants & Principal Investigator, High Impact University Social Responsibility & Knowledge Transfer Program and International Industry Networking, Graduate Employability & Alumni Networking, High Impact Indexed Publication and Citation dan International Networking**. Dalam konteks ini, **pelanggan dalaman** merangkumi **staf akademik dan pentadbiran universiti**, manakala **pelanggan luaran** melibatkan **pelajar, alumni, industri, komuniti setempat, badan profesional dan rakan universiti antarabangsa**.

Setiap projek **dirancang (Plan)** berdasarkan **analisis keperluan pelanggan dalaman dan luaran** melalui penyertaan aktif pihak berkepentingan. Contohnya, projek "*High Impact University Social Responsibility*" melibatkan **komuniti luar** seperti Projek ISUNDRYER di bawah geran Komuniti@UniMADANI yang dilaksanakan di Tanjung Dawai, Kedah, dan Kuala Muda, Pulau Pinang, manakala projek "*Academic Enhancement 2024*" memfokuskan **pembangunan kompetensi staf dalaman** melalui MOOC dan mikro kredensial. Perancangan ini diselaraskan dengan inisiatif kerajaan dan pelan strategik UiTM, serta mengambil kira potensi penjanaan pendapatan, jaringan antarabangsa dan impak kepada penerbitan.

Dalam **pelaksanaan (Do)**, pelbagai inisiatif telah dijalankan untuk memberi nilai tambah kepada pelanggan. Bagi **pelanggan dalaman**, fokus diberikan kepada peningkatan kualiti pengajaran dan pembelajaran melalui pelaksanaan CGCT, pembangunan kursus MOOCs dan Micro-Credential, serta **sistem maklum balas pelanggan luaran** seperti pelajar melalui SuFO, PRO-PENS dan eAMP. Staf akademik dan pentadbiran turut diperkasa melalui program mentor-mentee, bimbingan penerbitan, geran penyelidikan dan kursus pembangunan kompetensi. Selain itu, UiTMKDH telah melaksanakan **projek berimpak tinggi** seperti AgroFarm2U, iSundryer, dan program TUBE-X SME Corp **bersama industri**. Jalinan **kerjasama antarabangsa** melalui program Edu-tourism, Visiting Lecturer serta pemeteraian MoU/MoA turut memperkukuh kedudukan UiTMKDH di peringkat global.

Dari segi **pemantauan (Check)**, UiTMKDH melaksanakan kawalan yang menyeluruh melalui **sistem digital dan mesyuarat berkala**. Sistem seperti eAMP, iKedah, iAduan, UFUTURE, HR2U dan PRIME digunakan untuk mengumpul data kepuasan pelanggan, prestasi staf dan keberkesanan program. Laporan pencapaian PI dibentangkan secara berkala dalam mesyuarat pengurusan seperti JKEN, MPK dan MKSP, manakala audit berjadual (kualiti, keselamatan, kewangan dan MBOT) dilaksanakan untuk menilai tahap pematuhan terhadap standard perkhidmatan pelanggan.

Akhirnya, dalam fasa tindakan **penambahbaikan (Act)**, UiTMKDH menggunakan hasil maklum balas pelanggan sebagai asas penambahbaikan berterusan. Antaranya termasuk peningkatan kualiti akademik melalui penawaran kursus micro-credential yang lebih meluas, pemerkasaan inovasi PdP, serta pengembangan projek pemindahan ilmu bersama komuniti dan industri. Di samping itu, penambahbaikan sistem pentadbiran seperti eAduan Fasiliti dan eRespon telah meningkatkan kepuasan pelanggan terhadap keberkesanan perkhidmatan kampus. Hasil daripada tindakan ini, **tahap kepuasan pelanggan meningkat pada tahun 2024, melonjak daripada tahun sebelumnya**. UiTMKDH juga berjaya meraih penarafan 6 bintang skor i-UiTM dan kedudukan kedua dalam kalangan kampus UiTM, membuktikan keberkesanan pendekatan PDCA yang diamalkan.

Secara keseluruhannya, melalui pendekatan PDCA yang sistematik, UiTMKDH telah berjaya membudayakan orientasi pelanggan dalam setiap aspek pengurusan dan pembangunan. Inisiatif ini bukan sahaja memperkukuh hubungan dengan pelanggan dalaman dan luaran,

malah menjadikan UiTMKDH sebuah kampus yang berdaya saing global dan selaras dengan aspirasi Globally Renowned University (GRU) 2025 dan UiTM 2030.

3.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Setiap projek yang dilaksanakan bukan sahaja menumpukan kepada pembangunan staf, malah **selaras dengan prinsip-prinsip Piagam Pelanggan UiTM (KDHBUKTI_1(a)_K3.2)** yang menekankan perkhidmatan berkualiti, integriti, dan pemeraksanaan komuniti pelanggan. Berdasarkan piagam ini, pelanggan universiti dibahagikan kepada dua kategori utama **(KDHBUKTI_1(b)_K3.2) pelanggan dalaman dan pelanggan luaran**. Pelanggan dalaman merangkumi staf akademik dan staf pentadbiran, manakala pelanggan luaran terdiri daripada pelajar, komuniti, alumni, industri, badan profesional, badan bukan kerajaan (NGO), agensi kerajaan, serta rakan universiti dalam dan luar negara. **(KDHBUKTI_1(c)_K3.2)**

UiTM Kedah telah mendaftarkan **sembilan projek khas** di bawah inisiatif *Special Projects (SAP)* yang merangkumi pelbagai bidang strategik seperti pendapatan, kelestarian, pembangunan profesional, pengantarabangsaan dan penerbitan berimpak tinggi. Projek-projek ini berpaksikan kepada **tiga teras utama** bidang tumpuan iaitu **Pendidikan Berkualiti (PB), Kecemerlangan Global (KG), dan Prestasi Berorientasikan Nilai (PBN)**. **(KDHBUKTI_2_K3.2)**

Bagi **pelanggan dalaman**, staf akademik diberi tumpuan kepada **pengukuhan keupayaan penyelidikan, penerbitan jurnal berimpak tinggi, dan pemantapan profesionalisme akademik** melalui projek seperti *High Impact Indexed Publication and Citation, Acquisition of Grants & Principal Investigator*, pembangunan MOOC dan mikro-kredensial, serta penganjuran bengkel, seminar, jaringan penyelidikan, penulisan dan konsultasi. Pendekatan ini bertujuan **meningkatkan kompetensi penyelidik, menambah bilangan penerbitan berindeks, dan mengukuhkan reputasi akademik universiti**. Sementara itu, staf pentadbiran dan bukan akademik difokuskan kepada **latihan kompetensi, pelaksanaan EKSA, serta penyediaan persekitaran kerja dan pembelajaran yang mematuhi piawaian** agensi kelayakan melalui projek seperti Kedah Cemerlang Sejahtera, Sustainable Campus, dan Academic Enhancement 2024. **(KDHBUKTI_3_K3.2)**

Bagi pelanggan luaran, pendekatan tertumpu kepada tiga kumpulan sasaran. Pertama, **pelajar dan komuniti**, dengan **penekanan kepada pemindahan ilmu, latihan keusahawanan, dan pembangunan ekonomi setempat** melalui projek seperti *University Social Responsibility (USR)* dan *Knowledge Transfer Program*, iaitu **(KDHBUKTI_4_K3.2)** Projek iSUNDRYER, di bawah geran Komuniti@UniMADANI yang bernilai RM99,750.00, telah berjaya dilaksanakan di Tanjung Dawai, Kedah dan Kuala Muda, Pulau Pinang. Projek ini memperkenalkan teknologi pengeringan ikan yang lebih efisien dan mesra alam, sambil menjadi platform pemindahan ilmu, latihan praktikal, dan peningkatan keupayaan keusahawanan nelayan serta usahawan tempatan.

Kedua, **industri, badan profesional dan agensi kerajaan**, melalui kerjasama strategik (MOU/MOA), kolaborasi penyelidikan dan pembangunan, serta *CSR Projects*. Projek *International Networking* turut memperkukuh rangkaian strategik dan perkongsian kepakaran. Projek Kreativiti Serlah Potensi Komuniti (*Creativepreneur*) merupakan salah satu projek dengan kerjasama Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Jabatan Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Malaysia untuk membantu B40 Komuniti Sungai Petani.

Ketiga, **rakan universiti dalam dan luar negara**, dengan penekanan kepada jaringan global, pengantarabangsaan institusi, mobiliti dan kolaborasi akademik melalui *International Networking* dan Program Pelawat Akademik. Antaranya adalah Program Sulam Antarabangsa: Perkongsian Ilmu dan Kemahiran Maklumat antara Mahasiswa Diploma Informatik Perpustakaan KPPIM UiTMKDH dan Universitas Airlangga (UNAIR), Indonesia. **(KDHBUKTI_5_K3.2)**

Keseluruhan pendekatan ini dilaksanakan secara bersepadu, membangunkan kapasiti pelanggan dalaman sambil memberi manfaat langsung kepada pelanggan luaran, seterusnya memacu pencapaian bidang tumpuan dan meningkatkan reputasi universiti di peringkat nasional serta antarabangsa.

SENARAI BUKTI:

1. [K0055_T01_TB02_20251_KDHBUKTI_1_K3.2.docx.pdf](#)
2. [K0055_T01_TB02_20252_KDHBUKTI_2_K3.2.pdf](#)
3. [K0055_T01_TB02_20253_KDHBUKTI_3_K3.2.docx.pdf](#)
4. [K0055_T01_TB02_20254_KDHBUKTI_4_K3.2.docx.pdf](#)
5. [K0055_T01_TB02_20255_KDHBUKTI_5_K3.2.docx.pdf](#)

3.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan projek-projek UiTMKDH 2024, **data pelanggan direkod secara sistematik** melalui **sistem digital bersepadu**. Inovasi tataurus data berpusat seperti **(KDHBUKTI_1_K3.3)**, iKedah, eXtvt (Repositori Aktiviti Kampus), eAMP (Sistem Maklumbalas Pelanggan), dan eRespon (Cadangan, Aduan, Makluman dan Pertanyaan) membolehkan **pengumpulan, penyimpanan, dan pengaksesan data** secara cekap. Data pelanggan meliputi rekod penerbitan, MoU/MoA, geran penyelidikan, kolaborasi, bengkel, latihan dan webinar. Selain itu, maklumat turut diperoleh melalui Google Forms, temu bual separa berstruktur, laporan unit kualiti, serta maklum balas pasca program.

Kaedah **Pengumpulan Data** melibatkan pelbagai mekanisme:

- **Borang Penilaian & Soal Selidik:** SuFO (pelajar), PRO-PENS (penilaian PdP), eAMP (kepuasan perkhidmatan).
- **Sistem Digital & Rekod Prestasi:** PRIME (projek & penerbitan staf), MyATP (PdP & penyeliaan), HR2U & i-Staff Portal (rekod staf), eLatihan (latihan staf).
- **Maklum Balas Pelanggan:** iKedah, iAduan, eRespon, eAMP, pemerhatian lapangan serta inovasi yang dilaksanakan oleh pihak pengurusan UiTMKDH, Kajian Kepuasan Bekerja yang dijalankan pada 14–18 Mac 2024 dan dibentangkan pada Majlis Amanat Rektor 19 Mac 2024 **(KDHBUKTI_2_K3.3)**.
- **Mesyuarat & Audit:** JKEN, MPK, MKSP, JPSMN serta audit dalaman dan luaran.
- **Data Aktiviti & Projek:** laporan projek SAP seperti AgroFarm2U, TUBE-X, Edu-tourism Kedah.

Kaedah **Penyimpanan Data** pula menggunakan pangkalan data rasmi UiTM seperti:

- **eRMS & UiSMS:** pendaftaran risiko projek SAP
- **HR2U & i-Staff Portal:** rekod staf pentadbiran.
- **PRIME & RMU Database:** rekod penerbitan dan geran penyelidikan.
- **UFUTURE:** data pelajar (SuFO, PRO-PENS, TESA).
- **Power BI SAP & Klik Kedah Portal:** laporan prestasi dan pencapaian PI, Klik Kedah laporan bergambar aktiviti UiTMKDH sepanjang tahun.
- **eAMP:** pusat data kepuasan pelanggan.

Pengenalpastian Pelanggan dilakukan mengikut Piagam Pelanggan UiTM:

- **Dalaman:** staf akademik & pentadbiran (HR2U, i-Staff, NILAMs, SuFO, PdP).
- **Luaran:** pelajar, komuniti, industri, NGO, agensi kerajaan, alumni, universiti antarabangsa (MoU/MoA, laporan SAP, rekod kolaborasi).

Penglibatan kumpulan sasaran dilaksanakan menerusi pendekatan *bottom-up* dan *collaborative planning*. Sebagai contoh, Program *High Impact Indexed Publication* ajuran RMU UiTMKDH melibatkan staf akademik yang dikenalpasti melalui **(KDHBUKTI_3(a)_K3.3)** matriks **kluster penulis UiTMKDH** dalam **(KDHBUKTI_3(b)_K3.3)** perancangan bengkel, latihan dan kolaborasi penulisan. Manakala projek bersama industri dan agensi luar melibatkan sesi libat urus, MOA/MOU, serta jemputan pensyarah pelawat rujuk **(KDHBUKTI_4(a)_K3.3)**. Pelanggan luaran juga dilibatkan dalam pemindahan ilmu, aktiviti CSR, dan jaringan antarabangsa rujuk

(KDHBUKTI_4(5)_K3.3).

Proses ini menekankan **pemeriksaan dan penglibatan berfasa–kumpulan sasaran** bukan sahaja terlibat semasa pelaksanaan, tetapi juga dalam penilaian serta penambahbaikan. Maklum balas yang diterima **disalurkan semula kepada pengurusan** untuk penambahbaikan berterusan. Tambahan pula, platform aduan dijenamakan dengan pelantikan pegawai khusus bagi mempercepat pengurusan isu (KDHBUKTI_5_K3.3).

Akhirnya, keberkesanan projek dipantau secara berkala melalui laporan kemajuan, sesi maklum balas, dan audit dalaman. Pendekatan ini memastikan pelaksanaan projek berasaskan akauntabiliti, integriti, dan memberi impak terus kepada kumpulan sasaran, selaras dengan prinsip Piagam Pelanggan UiTM.

SENARAI BUKTI :

1. [K0055_T01_TB03_20251_KDHBUKTI_1_K3.3.docx.pdf](#)
2. [K0055_T01_TB03_20252_KDHBUKTI_2_K3.3.docx.pdf](#)
3. [K0055_T01_TB03_20253_KDHBUKTI_3_K3.3.docx.pdf](#)
4. [K0055_T01_TB03_20254_KDHBUKTI_4_K3.3.docx.pdf](#)
5. [K0055_T01_TB03_20255_KDHBUKTI_5_K3.3.docx.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

3.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Pihak Pengurusan UiTMKDH menekankan **aspek pembangunan modal insan** melalui pemantauan berterusan, dengan mengukuhkan ekosistem kampus yang kondusif dan selamat di samping menawarkan pelbagai inisiatif strategik kepada pelanggan dalaman. Pendekatan ini bertujuan membina hubungan harmoni, menyemarakkan interaksi, serta memastikan ketampakan UiTMKDH di peringkat lebih tinggi. Kejayaan pelanggan dalaman turut ditonjolkan melalui pelbagai platform media sosial (**KDHBUKTI_1_K3.4.1**), termasuk hebahan berkaitan penerbitan berindeks, penerimaan geran, dan kenaikan pangkat sebagai bentuk pengiktirafan terhadap keserjanaan serta pencapaian mereka.

Kepakaran staf akademik terserlah menerusi **penyertaan aktif** dalam persidangan dan pertandingan inovasi di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Bagi menggalakkan pencapaian penyelidikan serta inovasi, **pihak pengurusan menyediakan ganjaran berbentuk penajaan dan insentif kewangan**, khususnya untuk penerbitan berindeks (**KDHBUKTI_2_K3.4.1**). Staf akademik memperoleh manfaat dalam bentuk insentif kewangan, pengiktirafan melalui media sosial, peluang kenaikan pangkat, serta peningkatan kompetensi melalui bengkel penulisan, kolaborasi penyelidikan, dan pembangunan jaringan akademik. Semua ini mengukuhkan profil profesional mereka serta **mewujudkan budaya kecemerlangan dalam kalangan warga universiti**.

Staf bukan akademik turut **menikmati faedah melalui latihan teknikal, program peningkatan kemahiran**, serta penglibatan dalam inisiatif kualiti dan kelestarian kampus (**KDHBUKTI_3_K3.4.1**), yang berupaya menyumbang kepada kemajuan kerjaya serta suasana kerja lebih positif.

Manfaat juga dirasai pelanggan luaran, khususnya pelajar, melalui **pengalaman pembelajaran berasaskan project-based learning**, pembangunan kemahiran insaniah, serta penglibatan dalam projek CSR dan kelestarian (**KDHBUKTI_4_K3.4.1**). Hal ini bukan sahaja memperkayakan pengalaman pembelajaran, malah meningkatkan kebolehpasaran graduan.

Industri dan agensi luar **memperoleh nilai melalui jaringan strategik, kolaborasi penyelidikan**, serta akses kepada inovasi dan kepakaran akademik. Sementara itu, komuniti setempat menerima impak melalui projek pemindahan ilmu seperti Creativepreneur, yang membuka peluang kemahiran baharu, pendapatan tambahan, dan bimbingan berterusan.

Secara keseluruhannya, pemantauan yang komprehensif memastikan semua pihak berkepentingan menerima faedah berimpak tinggi, sekali gus menyumbang kepada pembangunan modal insan, kesejahteraan masyarakat, dan kemajuan negara secara holistik (**KDHBUKTI_5_K3.4.1**).

SENARAI BUKTI:

1. [K0055_T01_TB04_TC01_20251_KDHBUKTI_1_K3.4.1.docx.pdf](#)
2. [K0055_T01_TB04_TC01_20252_KDHBUKTI_2_K3.4.1.docx.pdf](#)
3. [K0055_T01_TB04_TC01_20253_KDHBUKTI_3_K3.4.1.docx.pdf](#)
4. [K0055_T01_TB04_TC01_20254_KDHBUKTI_4_K3.4.1.docx.pdf](#)
5. [K0055_T01_TB04_TC01_20255_KDHBUKTI_5_K3.4.1.docx.pdf](#)

3.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Dalam memastikan pelaksanaan dan kejayaan pencapaian maklum balas pelanggan, UiTMKDH memberi tumpuan kepada pengurusan risiko yang berpotensi menjejaskan kepuasan serta kepercayaan pelanggan dalaman dan luaran (**KDHBUKTI_1(a)_K3.4.2**). Risiko luar kawalan seperti **gangguan bekalan air negeri** boleh memberi kesan langsung kepada **operasi harian kampus dan keselesaan pelanggan**. Bagi mengurangkan impak ini, pihak **pengurusan menubuhkan task force**, menyediakan alternatif seperti telaga tiub, lori tangki, serta menjalankan pemantauan berkala paras air. Mesyuarat bersama Pegawai Daerah Kuala Muda dan perbincangan lanjut bersama pihak SUK serta YAB Menteri Besar turut dilaksanakan bagi mendapatkan penyelesaian menyeluruh (**KDHBUKTI_1(b)_K3.4.2**).

Selain itu, **kekangan sumber kewangan (KDHBUKTI_2(a)_K3.4.2)** turut menjadi cabaran dalam menampung pelbagai inisiatif strategik. Pihak pengurusan mengambil langkah menyusun semula bajet secara berhemat, mengoptimumkan sumber dalaman, serta mendapatkan sokongan tambahan (**KDHBUKTI_2(b)_K3.4.2**) agar kepentingan pelanggan tidak terjejas. Program yang dibatalkan tanpa pemakluman juga menimbulkan risiko terhadap imej universiti di mata pelanggan (**KDHBUKTI_3_K3.4.2**). Oleh itu, garis panduan jelas ditetapkan bagi memastikan setiap perubahan disampaikan dengan notis rasmi serta pelan kontingensi disediakan bagi melindungi hak dan keperluan pelanggan.

Bagi pelanggan dalaman, khususnya staf akademik dan pentadbiran, **isu kebocoran maklumat sulit kontrak** boleh menjejaskan integriti serta hubungan kerja (**KDHBUKTI_4_K3.4.2**). Untuk itu, dasar kerahsiaan diperketat, akses dokumen dikawal, dan latihan keselamatan maklumat diberikan. Langkah ini memastikan pelanggan dalaman beroperasi dalam persekitaran yang telus, selamat, dan profesional.

Dalam konteks pelanggan luaran seperti pelajar, industri, dan komuniti, pengurusan risiko yang efektif memberi keyakinan terhadap kebolehpercayaan UiTMKDH sebagai institusi pendidikan unggul. Pelajar mendapat jaminan bahawa **pembelajaran mereka tidak terganggu**, industri **menerima komitmen kolaborasi yang konsisten**, manakala komuniti setempat **menikmati faedah projek sosial tanpa risiko ketidaktentuan (KDHBUKTI_5_K3.4.2)**.

Secara keseluruhannya, pengurusan risiko dilaksanakan secara holistik dengan menekankan kepentingan pelanggan dalaman dan luaran. Ini bukan sahaja mengekalkan kelangsungan perkhidmatan, malah memperkukuh imej UiTMKDH sebagai universiti yang responsif, bertanggungjawab, dan berdaya tahan.

SENARAI BUKTI :

1. [K0055_T01_TB04_TC02_20251_KDHBUKTI_1_K3.4.2.docx.pdf](#)
2. [K0055_T01_TB04_TC02_20252_KDHBUKTI_2_K3.4.2.docx.pdf](#)
3. [K0055_T01_TB04_TC02_20253_KDHBUKTI_3_K3.4.2.docx.pdf](#)
4. [K0055_T01_TB04_TC02_20254_KDHBUKTI_4_K3.4.2.docx.pdf](#)
5. [K0055_T01_TB04_TC02_20255_KDHBUKTI_5_K3.4.2.docx.pdf](#)

3.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Pengurusan UiTMKDHD komited dalam memastikan setiap **maklum balas dan aduan pelanggan ditangani secara sistematik, responsif, dan berorientasikan penambahbaikan berterusan**. Pendekatan ini selari dengan tiga Teras Strategik UiTM: Pendidikan Berkualiti, Kecemerlangan Global, dan Prestasi Berorientasi Nilai.

Di bawah Teras Pendidikan Berkualiti, maklum balas dikumpul melalui **pelbagai saluran rasmi** seperti borang penilaian pasca program, platform digital (Google Forms, e-aduan, e-mel institusi), sesi libat urus, temu bual tidak formal dan interaksi langsung. Maklumat yang diperolehi akan **direkod, dianalisis dan disalurkan** kepada unit berkaitan untuk siasatan awal, pengesahan fakta serta cadangan tindakan pembetulan (**KDHBUKTI_1_K3.4.3**). Tindakan susulan akan dilaksanakan dan keputusan dimaklumkan semula kepada pelanggan sebagai bukti ketelusan dan akauntabiliti organisasi.

Isu **berimpak tinggi atau berulang** dibawa ke perhatian pengurusan melalui **platform rasmi** seperti Mesyuarat Jawatankuasa Pemilik Risiko (tiga kali setahun), Mesyuarat Pengurusan Kanan dan Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP) (**KDHBUKTI_2_K3.4.3**) yang diadakan dua kali setahun. Mesyuarat ini menjadi asas penting dalam menyokong penambahbaikan dasar, pemantauan risiko dan penstrukturan proses kerja.

Bagi Teras Kecemerlangan Global, maklum balas pelanggan (**KDHBUKTI_3_K3.4.3**) dimanfaatkan sebagai input dalam penambahbaikan program pembangunan profesional, jaringan industri antarabangsa, dan kebolehpasaran graduan. Mesyuarat pasca program membincangkan hasil maklum balas dan menghasilkan laporan penambahbaikan yang melibatkan pelarasan modul, pemilihan fasilitator lebih berpengalaman, pengemaskinian bahan promosi dan teknikal, serta strategi penglibatan pelanggan yang lebih berkesan. Ini menyokong inisiatif seperti *Graduate Employability & Alumni Networking* dan *International Industry Networking*.

Selaras dengan Teras Prestasi Berorientasi Nilai, maklum balas pelanggan turut menyumbang kepada agenda *Sustainable Campus*, *University Social Responsibility*, dan *Knowledge Transfer Program*. Di samping MKSP, mesyuarat seperti Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Negeri (JKEN) dan Jawatankuasa Sumber Manusia Negeri (JKSMN) turut menjadi platform penting dalam penyelarasan tindakan berkaitan aduan pelanggan. **Pemantauan jangka sederhana juga dilaksanakan terhadap aduan berulang bagi menilai keberkesanan tindakan pembetulan** (**KDHBUKTI_4_K3.4.3**).

Secara keseluruhannya, mekanisme yang menyeluruh dan berstruktur ini mencerminkan komitmen UiTMKDHD terhadap Piagam Pelanggan, dengan **penekanan terhadap keberkesanan komunikasi, kecekapan penyampaian, dan kepuasan pelanggan**. Ia menjadi asas kepada penambahbaikan berterusan dalam kualiti perkhidmatan dan pengurusan organisasi.

SENARAI BUKTI :

1. [K0055_T01_TB04_TC03_20251_KDHBUKTI_1_K3.4.3.docx.pdf](#)
2. [K0055_T01_TB04_TC03_20252_KDHBUKTI_2_K3.4.3.docx.pdf](#)
3. [K0055_T01_TB04_TC03_20253_KDHBUKTI_3_K3.4.3.docx.pdf](#)
4. [K0055_T01_TB04_TC03_20254_KDHBUKTI_4_K3.4.3.docx.pdf](#)
- 5.

3.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Special Projects (SAP) UiTMKDH dirangka sebagai **inisiatif strategik untuk memperkukuh perkhidmatan universiti kepada pelbagai kelompok pelanggan**. Pelanggan dalaman terdiri daripada staf akademik, pentadbiran, serta pelajar, manakala pelanggan luaran pula merangkumi komuniti, industri, agensi kerajaan, badan profesional dan rakan universiti dalam serta luar negara. **Pelaksanaan sembilan projek utama** telah membuktikan keberkesanan universiti dalam mengekalkan **kecemerlangan akademik, memperkukuh pengurusan, dan memperluas jaringan strategik**.

Keberkesanan pelaksanaan SAP dapat dilihat daripada beberapa indikator utama. Pertama, projek *Kedah's Professional Development* berjaya **meningkatkan penyertaan staf akademik dan pentadbiran** dalam latihan serta bengkel, sekali gus memperkukuh pembangunan modal insan. Kedua, *High Impact Indexed Publication and Citation* melonjakkan bilangan penerbitan berindeks dengan inisiatif seperti **RMU Appreciation Day: Scholarly Salute (KDHBUKTI_1_K3.5)** yang menjadi **medium penghargaan rasmi kepada staf akademik**. Usaha ini menyemarakkan budaya kecemerlangan serta **memupuk motivasi untuk terus berkarya**, menjadikan UiTMKDH sebagai rujukan dalam budaya penyelidikan yang berterusan.

Dari sudut inovasi, keberhasilan projek *Acquisition of Grants & Principal Investigator* jelas melalui peningkatan jumlah geran penyelidikan yang diperoleh oleh staf UiTMKDH. Pada masa yang sama, **Terminal eVIEW (KDHBUKTI_2_K3.5)** yang **dibangunkan oleh staf pentadbiran** Perpustakaan Sultan Badlishah diiktiraf sebagai **inovasi inklusif yang memberi akses kepada golongan kurang upaya penglihatan** untuk rujukan akademik. Kini, inovasi tersebut turut **dimanfaatkan di UiTM Shah Alam**, menunjukkan keberkesanan projek pentadbiran dalam memperkukuh inklusiviti perkhidmatan.

Selain itu, inisiatif *Graduate Employability & Alumni Networking* telah memperkukuh hubungan universiti dengan alumni dan meningkatkan kebolehpasaran graduan. Program *Smart Writing* melalui bengkel penulisan menggunakan AI (**KDHBUKTI_3_K3.5**) pula memberi peluang staf akademik memanfaatkan teknologi digital dalam penghasilan artikel ilmiah. Modul ini bukan sahaja **menjimatkan kos dan masa**, malah menyokong usaha ke arah penulisan yang lestari.

Projek *Kedah Cemerlang Sejahtera (KDHBUKTI_4_K3.5)* pula memberi impak besar kepada komuniti setempat melalui aktiviti kebajikan, kesihatan, keagamaan dan pemindahan ilmu. Program *We Care*, *Hari Sihat*, *Lajur Terapeutik Merbok* dan *Mahabbah Kasih 2.0* membuktikan bahawa UiTMKDH bukan sahaja fokus kepada aspek akademik, tetapi juga **memberi nilai tambah kepada kesejahteraan masyarakat**. Inovasi sosial ini berjaya membina hubungan erat antara universiti dan komuniti, sekali gus meningkatkan imej UiTMKDH sebagai universiti prihatin.

Di bawah projek *High Impact University Social Responsibility & Knowledge Transfer Program and International Industry Networking* pula, hubungan strategik dengan industri dan agensi luar terus diperkukuh. Kolaborasi ini **membuka akses kepada kepakaran akademik, memperluas penyelidikan bersama, serta menyumbang kepada peningkatan daya saing** sektor industri tempatan. Inisiatif seperti *Speed Reading (KDHBUKTI_5_K3.5)* merupakan inovasi dalaman yang menyokong pemerkasaan budaya ilmu dan kecekapan pembelajaran.

Akhir sekali, projek *Sustainable Campus* menunjukkan keberkesanan dari aspek kelestarian, melalui pengurusan tenaga dan program kesedaran alam sekitar. Usaha ini bukan sahaja memberi **manfaat kepada pelanggan dalaman dari segi persekitaran kampus yang kondusif**, malah mengukuhkan komitmen UiTMKDH terhadap agenda global kelestarian.

Secara keseluruhannya, keberkesanan tindakan melalui sembilan projek SAP UiTMKDH terbukti melalui peningkatan prestasi akademik, pengurusan berkesan, pengiktirafan nasional dan antarabangsa, serta hubungan strategik yang inklusif. Pada masa yang sama, pelbagai inovasi yang lahir daripada projek ini – sama ada digital, sosial, mahupun kelestarian – menjadi

bukti nyata bahawa UTMKDH terus relevan, berdaya saing, dan responsif dalam memenuhi keperluan pelanggan dalaman dan luaran.

SENARAI BUKTI :

1. [K0055_T01_TB05_20251_KDHBUKTI_1_K3.5.docx.pdf](#)
2. [K0055_T01_TB05_20252_KDHBUKTI_2_K3.5.docx.pdf](#)
3. [K0055_T01_TB05_20253_KDHBUKTI_3_K3.5.docx.pdf](#)
4. [K0055_T01_TB05_20254_KDHBUKTI_4_K3.5.docx.pdf](#)
5. [K0055_T01_TB05_20255_KDHBUKTI_5_K3.5.docx.pdf](#)

KRITERIA 4 : PENGUKURAN, ANALISIS DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN

4.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Pengukuran, analisis, dan pengurusan pengetahuan merupakan elemen penting dalam meningkatkan kecekapan operasi dan **pencapaian objektif organisasi**. Dengan pengukuran tepat dan analisis mendalam, keputusan dapat dibuat secara lebih berinformasi dan strategik. Di UiTMKDH, amalan ini dilaksanakan secara berterusan **bagi merealisasikan objektif strategik dan objektif kualiti UiTMKDH serta aspirasi UiTM menjadi *Globally Renowned University (GRU 2025)***. Kecemerlangan prestasi staf turut menjadi faktor penentu, justeru aspek pembangunan dan pengurusan staf diberi keutamaan. Bagi memastikan pencapaian bidang tumpuan (BT) dipantau secara berterusan, kerangka kerja PDCA digunakan sebagai asas penambahbaikan berterusan ke arah kecemerlangan prestasi.

Perancangan (Plan) serta pemilihan item dan instrumen pengukuran yang sesuai bagi BT amat penting dalam menjayakan pelaksanaan Pelan Tindakan Strategik (SAP) kampus. Selaras dengan tiga Teras Strategik UiTM 2025 dan berpaksikan Projek Khas di bawah Pelan Tindakan Strategik UiTMKDH, item pengukuran telah dirangka dan dipetakan untuk menilai keberhasilan BT. Tiga tujahan utama iaitu Pendidikan Berkualiti, Kecemerlangan Global dan Prestasi Berorientasikan Nilai telah digariskan sebagai asas pengukuran pencapaian staf akademik dan pentadbiran serta pencapaian kampus secara keseluruhan. Ukuran pencapaian staf akademik dan pentadbiran dinilai melalui pengajaran berkualiti, jumlah penyelidikan dan penerbitan berimpak, penyertaan KIK, bilangan latihan dan kursus yang disediakan manakala ukuran pencapaian kampus dinilai dengan pencapaian PI dan kecemerlangan kampus secara keseluruhan.

Pelaksanaan (Do) penilaian pencapaian staf dan kampus UiTMKDH dilaksanakan melalui tiga komponen utama iaitu pengukuran pencapaian Staf Akademik (PPSA), Staf Pentadbiran (PPSP), dan Kampus (PPK). Bagi PPSA, pencapaian direkod dan dinilai melalui Sistem PRIME (geran penyelidikan, penerbitan berindeks, dan star rating projek komuniti), MyATP (PdP, konsultasi, inovasi, CGCT, dan penyeliaan) dan UFUTURE (SuFO, PRO-PENS dan TESA), dengan data dianalisis secara berkala. Bagi PPSP, prestasi dinilai menggunakan HR2U (sasaran kerja, kompetensi, sumbangan), i-Staff Portal (rekod staf) serta eLatihan (jam latihan, kursus berkala). Seterusnya, bagi PPK, penilaian dibuat melalui Skor i-UiTM, pencapaian SAP, dan Objektif Kualiti UiTMKDH.

Bagi memastikan kesemua inisiatif di dalam SAP tercapai, pemerksaan pelan **pemantauan (Check)** UiTMKDH sentiasa diberi keutamaan. Proses pemantauan secara berkala dan konsisten dilaksanakan oleh setiap bahagian seperti Fakulti, Bahagian Pentadbiran, BHEA, BPJIM&A dan lain-lain. Di peringkat pengurusan UiTMKDH pula, beberapa mesyuarat berkaitan pembangunan staf dilaksanakan secara bulanan, iaitu Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Negeri (JKEN), Mesyuarat Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM), dan Mesyuarat Jawatankuasa Sumber Manusia Negeri (JKSMN). Analisis pencapaian prestasi yang tidak mencapai seperti disasarkan disemak semula membolehkan cadangan penambahbaikan serta tindakan susulan (*Act*) dilakukan dengan segera setelah menilai kekuatan, kekurangan, peluang dan risiko yang dihadapi. Penyelaras Strategik Transformasi Universiti (PSTU) seterusnya melaporkan pencapaian prestasi kampus di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Negeri (JKEN), Mesyuarat Pengurusan Kanan (MPK) dan Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP).

Pelaksanaan tindakan strategik dalam BT di UiTMKDH telah berjaya **membudayakan amalan kerja cemerlang secara menyeluruh, merangkumi aspek pengurusan, keserjanaan akademik dan penyelidikan, profesionalisme serta inovasi**. Tema 'Kebersamaan ke Arah Kecemerlangan' diangkat sebagai simbol pembudayaan menyeluruh dan tonggak utama dalam melonjakkan kecemerlangan kampus. Keberkesanan pembudayaan ini bukan sahaja

mempertahankan saya sangat rendah, malah membentarkan warga kampus yang meriah, berprestasi, dan komited terhadap matlamat universiti.

4.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Berdasarkan Teras Strategik UiTM serta berpaksikan Projek Khas di bawah Pelan Tindakan Strategik (SAP) UiTMKDH, item pengukuran telah dirangka bagi menilai pencapaian BT. Pencapaian BT telah diukur dari masa ke semasa bagi menjamin objektif strategik dan objektif kualiti kampus tercapai. **Pendekatan yang digunakan untuk mengukur pencapaian BT adalah dengan menilai pencapaian staf akademik dan pentadbiran serta pencapaian kampus secara keseluruhan.** Penerapan tema aspirasi 'Kebersamaan Ke Arah Kecemerlangan' telah menjadi pemangkin semangat staf seterusnya membawa prestasi cemerlang UiTMKDH pada tahun 2024. **Pemetaan pengukuran BT dilaksanakan selaras dengan tiga Teras Strategik UiTM (KDHBUKTI_1_K4. 2).**

1. Pendidikan Berkualiti

Sejajar dengan aspirasi UiTM untuk menyediakan pendidikan kelas dunia dengan program akademik yang berdaya saing, UiTMKDH menyokong pembangunan staf akademik bagi melaksanakan tanggungjawab mereka kepada pelajar. **Ukuran dalam pengajaran berkualiti dapat dilihat dengan pencapaian pensyarah melaksanakan Collaborative Teaching (CGCT) dengan jumlah 43 pendaftaran pada sesi Mac - Julai 2024. Purata Teaching Effectiveness Index (TEX) antara tertinggi (93%) sesi 20242 juga menjadi indikator kepada pengajaran berkualiti pensyarah UiTMKDH. Kesarjanaan akademik pula dapat diukur dengan penambahan pensyarah berkeelayakan PhD kepada 100 orang pada tahun 2024. Dalam mencapai matlamat strategik mengintensifkan pendidikan fleksibel, staf akademik telah berjaya menghasilkan MOOCs dan kursus Micro-Credential. Indikator pengukuran BT juga dinilai apabila pensyarah diberi kepercayaan sebagai penceramah luar di peringkat antarabangsa (KDHBUKTI_2_K4. 2).**

2. Kecemerlangan Global

Selaras dengan matlamat UiTM memperkukuh pembangunan penyelidikan, BPJIM&A merangka pelbagai strategi pencapaian. **RMU4U secara proaktif telah menganjurkan bengkel penulisan artikel dan permohonan geran, serta sesi 'Scholarly Synergy Session' dalam usaha menyemarakkan budaya penyelidikan. Pencapaian bidang penyelidikan UiTMKDH seperti penerbitan berindeks (High Impact-14, Scopus-51, WOS-11), best paper award serta perolehan geran terutama geran industri berjumlah RM2.62 juta dijadikan ukuran pencapaian BT. Kecemerlangan ini terserlah bukan hanya dalam kalangan staf akademik, malah turut disumbang oleh staf pentadbiran. Usaha memperkukuh jaringan strategik pula diterjemahkan melalui penganjuran 10 projek komuniti bertaraf 3 bintang, 30 Projek USR, dan pemeteraian lebih 20 MoU/MoA. Kepakaran pensyarah UiTMKDH telah menyumbang kepada kejayaan Program Edu-Tourism Kedah 2024 dengan penglibatan universiti luar negara (KDHBUKTI_3_K4. 2).**

3. Prestasi Berorientasikan Nilai

Pelbagai program telah digerakkan dalam usaha membangunkan kecemerlangan bakat bagi melahirkan staf berprestasi tinggi. Beberapa siri bengkel KIK telah dianjurkan bertujuan membudayakan inovasi di kalangan staf. **Prestasi cemerlang KIK di peringkat zon dan UiTM disamping penyertaan pertandingan inovasi di peringkat antarabangsa dijadikan indikator pengukuran BT. Dari sudut kewangan, kemampuan kewangan menjadi nilai utama di dalam teras prestasi berorientasikan nilai. Penganjuran persidangan antarabangsa dan IID bukan sahaja memupuk budaya penyelidikan, malah telah menjana pendapatan UiTMKDH secara strategik (KDHBUKTI_4_K4. 2).**

Pencapaian BT turut dinilai melalui penganjuran kursus dan latihan yang bermanfaat bagi meningkatkan prestasi staf. Dengan perancangan rapi dan pelaksanaan berkesan selaras Teras Strategik UiTM, UiTMKDH telah melakar kecemerlangan dengan pencapaian skor i-UiTM 95.6%, Anugerah 6 Bintang PTJ, tempat kedua kategori cawangan dan Anugerah Transformasi Penjana Pendapatan 2024 dalam Anugerah Kecemerlangan Prestasi

Universiti 2024 serta **Pencapaian dalam Majlis Anugeran Me IIC** . Kejayaan ini membuktikan keupayaan UiTMKDH melahirkan warga berkualiti, berdaya sinergi dan cemerlang, sekali gus memperkukuh usaha UiTM menjadi universiti terkemuka dunia menjelang 2025. (KDHBUKTI_5_K4. 2).

SENARAI BUKTI:

1. [K0055_A01_AB02_20251_KDHBUKTI_1_K4.2.pdf](#)
2. [K0055_A01_AB02_20252_KDHBUKTI_2_K4.2.pdf](#)
3. [K0055_A01_AB02_20253_KDHBUKTI_3_K4.2.pdf](#)
4. [K0055_A01_AB02_20254_KDHBUKTI_4_K4.2.pdf](#)
5. [K0055_A01_AB02_20255_KDHBUKTI_5_K4.2.pdf](#)

4.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Demi memastikan keberkesanan BT, pelbagai kaedah pengukuran telah digunakan untuk menilai tiga komponen utama, iaitu **Pengukuran Pencapaian; Staf Akademik (PPSA), Staf Pentadbiran (PPSP), dan Kampus (PPK)**. Pengukuran ini memainkan peranan penting dalam menilai sejauh mana **keberkesanan pelaksanaan program dan projek khas** yang dirancang secara berstruktur dibawah BT seterusnya menyumbang kepada kecemerlangan UiTMKDH.

Untuk **PPSA**, kaedah utama dilaksanakan adalah melalui **data penyelidikan dan penerbitan berimpak**. **Sistem PRIME** digunakan secara optimum untuk **merekod perbandingan pencapaian staf akademik yang melibatkan jumlah geran penyelidikan, bilangan penerbitan berindeks, serta star rating bagi projek komuniti**. **Data dikumpulkan dan dianalisis secara bulanan** oleh BPJIM&A, dan maklumat **pencapaian disebarikan pada setiap bulan** kepada seluruh warga melalui emel. **Laporan Tahunan Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (PJI)** turut menyediakan **analisis komprehensif mengenai prestasi tahunan** RMU dan ICAN UiTMKDH. Bagi meraikan sumbangan warga akademik terhadap kecemerlangan kesarjanaan, program ***Scholarly Salute: RMU Appreciation Day*** dianjurkan pada **setiap suku akhir tahun** sebagai tanda pengiktirafan dan penghargaan.

Sistem MyATP digunakan untuk **merekod data PdP** antaranya **konsultasi, inovasi PdP, CGCT dan penyeliaan**. **Data ini dikemaskini setiap enam bulan dan dianalisis pada hujung tahun** bagi menilai **prestasi tahunan pensyarah**. **Sistem UFUTURE** pula digunakan bagi **menilai *Teaching Effectiveness Index*** yang merangkumi elemen SuFO, PRO-PENS dan TESA. **Data bagi ketiga-tiga elemen ini dikumpul dan dianalisis setiap semester**. **Penilaian PPSA diperkuatkan dengan data sokongan seperti penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang, pengiktirafan luar serta kenaikan pangkat**, yang kesemuanya menjadi indikator kecemerlangan akademik bertaraf global (**KDHBUKTI_1_K4.3**).

Sementara itu, penilaian **PPSP** dilaksanakan melalui **dua sistem utama, iaitu HR2U dan i-Staff Portal (STARS V3)**. Dalam sistem **HR2U**, **Modul Penilaian** digunakan untuk **menilai prestasi staf pentadbiran** berdasarkan sasaran kerja, kompetensi, penglibatan dalam kegiatan, serta sumbangan tahunan. **i-Staff Portal (STARS V3)** pula menyimpan data berkaitan warga serta **rekod perkhidmatan staf** secara sistematik. **Sistem eLatihan** turut digunakan untuk **merekod jam latihan dan penyertaan staf** dalam latihan/kursus secara berkala **setiap enam bulan**. Bagi memastikan latihan yang ditawarkan adalah relevan dan menepati keperluan semasa, **satu Analisis Keperluan Latihan dijalankan pada setiap hujung tahun oleh Penyelaras ILD**. Hasilnya digunakan untuk **merancang latihan** berdasarkan empat kategori iaitu umum, khusus (staf akademik), khusus (bukan akademik) dan ICT. Di samping itu, **sistem eAMP** turut dibangunkan untuk **menilai tahap kepuasan pelanggan terhadap perkhidmatan** yang disediakan oleh UiTMKDH, dan data ini dianalisis **setiap tiga bulan** bagi tujuan **penambahbaikan berterusan** (**KDHBUKTI_2_K4.3**).

Dari aspek **PPK**, instrumen utama yang digunakan termasuklah **skor peratusan pencapaian** melalui **Skor i-UiTM di Power BI Dashboard, pencapaian SAP2024, dan pencapaian objektif kualiti UiTMKDH**. Data pencapaian SAP2024 dikumpulkan **secara berkala setiap bulan** dan **dibentangkan dalam Mesyuarat JKEN serta MPK**, manakala **pencapaian objektif kualiti pula dibentangkan setiap enam bulan dalam Mesyuarat MKSP**. Selain itu, **penganugerahan peringkat universiti seperti Anugerah Akademik Universiti, Anugerah Kecemerlangan Prestasi Universiti** dan lain-lain turut dijadikan petunjuk penting dalam menilai PPK. **Maklumat pencapaian dan penganugerahan seterusnya disebarikan secara rasmi** melalui platform **KLIK KEDAH dan Facebook rasmi UiTMKDH** sebagai pelantar mempamerkan pencapaian kampus (**KDHBUKTI_3_K4.3**).

Keseluruhan kaedah pengukuran ini diilustrasikan dalam **Infografik 4.3 (KDHBUKTI_4_K4.3)**, yang merumuskan jenis data, kaedah pengumpulan, kekerapan serta kegunaan hasil analisis.

SENARAI BUKTI :

1. [K0055_A01_AB03_20251_KDHBUKTI_1_K4.3.pdf](#)
2. [K0055_A01_AB03_20252_KDHBUKTI_2_K4.3.pdf](#)
3. [K0055_A01_AB03_20253_KDHBUKTI_3_K4.3.pdf](#)
4. [K0055_A01_AB03_20254_KDHBUKTI_4_K4.3.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

4.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Setiap fakulti/unit/bahagian telah melantik pegawai perhubungan yang bertanggungjawab meningkatkan jaringan komunikasi, menyebarkan maklumat, serta melakukan pemantauan di peringkat bahagian masing-masing (KDHBUKTI_1_K4.4.1). Wakil ini menghadiri mesyuarat bersama unit atau bahagian berkaitan seperti BHEA dan BPJIM&A. Selain itu, fakulti/unit/bahagian turut mengadakan mesyuarat dalaman untuk membincangkan serta merangka program dalam memastikan semua yang disasarkan di dalam SAP tercapai.

Data yang dikumpulkan oleh pegawai perhubungan dianalisis dan dijadikan input untuk dibentangkan di dalam mesyuarat. BHEA UiTMKDH telah mengadakan dua mesyuarat utama, iaitu Mesyuarat Kakitangan Akademik (MKA) dan Mesyuarat Jawatankuasa Tadbir Urus (JKTU) bagi menyokong pencapaian pendidikan berkualiti. Antara hasil analisis yang dilaksanakan ialah perbandingan prestasi keseluruhan pelajar dan pencapaian KPI akademik, yang menjadi asas penambahbaikan pengajaran pensyarah pada semester berikutnya (KDHBUKTI_2_K4.4.1).

BPJIM&A turut menganjurkan pelbagai program, antaranya siri bengkel penulisan artikel, taklimat permohonan geran, dan *Scholarly Synergy Session* bagi mencapai kecemerlangan global dalam portfolio penyelidikan dan penerbitan berimpak tinggi. Hebah program dilakukan secara berkala, manakala analisis data turut dibentangkan dalam Mesyuarat MKA. Antara analisis yang dilakukan adalah jumlah penerbitan mengikut fakulti. (KDHBUKTI_3_K4.4.1).

Unit Pengurusan Kualiti UiTMKDH menganjurkan beberapa siri bengkel bagi meningkatkan penghayatan terhadap nilai teras kualiti serta membudayakan inovasi di kampus. Setiap bahagian dikehendaki mengemukakan satu projek KIK, manakala sesi perbincangan bersama pakar bidang dijalankan secara berkala bagi memastikan kualiti projek KIK yang dihasilkan.

Di peringkat pengurusan UiTMKDH pula, beberapa mesyuarat berkaitan pembangunan staf dilaksanakan secara bulanan, iaitu JKEN, PPSM, dan JKSMN (KDHBUKTI_4_K4.4.1). Pihak Pejabat Rektor juga menganalisis aduan yang dilakukan dan mewujudkan satu laporan iaitu Laporan eAMP. Ia telah dibentangkan di dalam mesyuarat berkaitan.

Dari aspek penambahbaikan, Ketua Pusat Pengajian, ketua unit dan ketua bahagian menyalurkan maklumat kepada ahli fakulti/unit/bahagian masing-masing setelah isu-isu berkaitan telah dimuktamadkan di dalam mesyuarat. Fakulti juga menjalankan mesyuarat dua kali setiap semester, manakala di peringkat pengurusan, MKSP diadakan dua kali setahun. Selain itu, penambahbaikan juga dilakukan melalui proses audit dalaman. Satu sesi perbincangan bersama dilakukan dengan juruaudit. Ia akan meningkatkan pencerahan dikalangan pihak terlibat. Proses audit dalam juga diadakan sekurang-kurangnya 2 kali setahun. (KDHBUKTI_5_K4.4.1).

SENARAI BUKTI:

1. [K0055_A01_AB04_AC01_20251_KDHBUKTI_1_K4.4.1.pdf](#)
2. [K0055_A01_AB04_AC01_20252_KDHBUKTI_2_K4.4.1.pdf](#)
3. [K0055_A01_AB04_AC01_20253_KDHBUKTI_3_K4.4.1.pdf](#)
4. [K0055_A01_AB04_AC01_20254_KDHBUKTI_4_K4.4.1.pdf](#)
5. [K0055_A01_AB04_AC01_20255_KDHBUKTI_5_K4.4.1.pdf](#)

4.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

UiTMKDH melaksanakan proses **pengurusan risiko** secara **berstruktur** yang berteraskan pengenalanpastian, pengukuran, analisis dan pengurusan pengetahuan bagi **memastikan setiap program dan operasi berjalan dengan berkesan (KDHBUKTI_1_K4.4.2)**. Proses ini bermula dengan **pengumpulan maklumat** daripada pihak berkepentingan iaitu **Pengarah Projek (PD) dan Pengurus Projek (PM)**. **Risiko dikenal pasti** melalui input PI yang disalurkan kepada PD, kemudian diteliti oleh PM dengan **menilai kebarangkalian berlakunya risiko, magnitud kesan terhadap projek, tahap risiko serta langkah mitigasi yang sesuai**. Setiap penilaian ini **dianalisis secara sistematik dalam Bengkel Pelan Tindakan Strategik (KDHBUKTI_2_K4.4.2)**, sebelum risiko dimurnikan dan **didaftarkan oleh Pengarah Strategik dan Transformasi Universiti (PSTU) ke dalam sistem UiSMS**.

Bagi tujuan pengukuran dan analisis, **setiap risiko** ditaksir **mengikut indikator** yang seragam iaitu **kebarangkalian, impak, purata impak dan tahap risiko**. Walaupun metodologi pengukuran adalah konsisten, **strategi mitigasi disesuaikan berdasarkan konteks projek**. Pendekatan ini bukan sahaja membolehkan risiko dikawal secara spesifik, tetapi juga membentuk asas kepada pemindahan dan pengekalan pengetahuan institusi. Pada tahun 2024, sebanyak **74 PI telah direkodkan**, melibatkan **15 projek khas yang masing-masing disertakan analisis risiko, pengukuran kesan dan cadangan mitigasi tersendiri**.

Dari sudut **risiko operasi**, proses pengenalanpastian lebih menyeluruh kerana melibatkan semua fakulti, unit dan bahagian. **Risiko dilaporkan** kepada **Penyelaras Pusat Pengurusan Risiko (PPPR)** dan **didaftarkan** dalam **sistem eRMS**. **Penilaian risiko** dibuat mengikut kawalan sedia ada, kebarangkalian, impak, tahap risiko, pemilik risiko dan cadangan mitigasi. Semakan risiko dijalankan **tiga kali setahun** (Februari, Julai, November) yang berfungsi sebagai asas penilaian prestasi dan sumber pembelajaran (**KDHBUKTI_3_K4.4.2**). Pada tahun 2024, sebanyak **33 risiko operasi telah didaftarkan** daripada 75 dikenal pasti, dengan pecahan kepada **9 risiko ekstrem, 9 risiko tinggi, 13 risiko sederhana dan 2 risiko rendah**. Proses ini membolehkan universiti mengenal pasti ancaman sebenar seperti kecurian peralatan pejabat, kemalangan dalam kampus, kekurangan pensyarah serta kelemahan penggunaan aplikasi UiTM (**KDHBUKTI_4_K4.4.2**).

Selain itu, **siri audit dalaman, audit keselamatan, audit MBOT, audit pematuhan etika dan audit kewangan** turut dijadikan **kaedah tambahan bagi mengenal pasti risiko (KDHBUKTI_5_K4.4.2)**. Melalui pendekatan ini, pengurusan pengetahuan risiko dilaksanakan secara sistematik, membolehkan maklumat terdahulu digunakan semula untuk penambahbaikan berterusan serta mengelakkan pengulangan isu yang sama.

SENARAI BUKTI :

1. [K0055_A01_AB04_AC02_20251_KDHBUKTI_1_K4.4.2.pdf](#)
2. [K0055_A01_AB04_AC02_20252_KDHBUKTI_2_K4.4.2.pdf](#)
3. [K0055_A01_AB04_AC02_20253_KDHBUKTI_3_K4.4.2.pdf](#)
4. [K0055_A01_AB04_AC02_20254_KDHBUKTI_4_K4.4.2.pdf](#)
5. [K0055_A01_AB04_AC02_20255_KDHBUKTI_5_K4.4.2.pdf](#)

4.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Mesyuarat secara berkala telah dijalankan untuk meneliti setiap perkembangan inisiatif strategik yang disasarkan oleh UiTMKDH. **Setiap PM dan PD** yang diamanahkan bertanggungjawab **mengumpulkan data pencapaian setiap bahagian**. Hasil pengumpulan data dianalisa dan tindakan penambahbaikan dibincangkan dan dibentangkan dalam mesyuarat di bahagian masing-masing seterusnya **PSTU melaporkan pencapaian prestasi kampus** di dalam **mesyuarat JKEN, MPK dan MKSP**. Prestasi pencapaian UiTMKDH pada setiap suku tahun diteliti secara berterusan bagi memastikan setiap inisiatif yang dirancang telah dilaksanakan dan menunjukkan kemajuan selaras dengan sasaran yang ditetapkan dalam SAP. Analisis pencapaian yang tidak mencapai seperti disasarkan disemak semula dan penambahbaikan dicadangkan serta tindakan susulan dengan segera setelah menilai kekuatan, kekurangan, peluang dan risiko yang dihadapi. **(KDHBUKTI_1_K4.4.3)**.

Bagi memastikan **pengukuran aspek BT** selaras dengan matlamat kampus, **proses mengkaji semula dan tindakan penambahbaikan dilaksanakan secara berterusan**, meliputi program latihan serta keberkesanan dasar BT. Antara **tindakan penambahbaikan** yang diambil oleh **RMU** untuk **meningkatkan penyelidikan dan penerbitan** adalah dengan mengadakan **bengkel bersiri** dan **Scholarly Synergy Session** bagi membantu pensyarah dalam menerbitkan artikel berindeks. **ICAN** juga telah mengadakan **Coaching Series: Pemantapan Projek Komuniti** dan mewujudkan **Whatsapp Group** dalam memberi **bimbingan** secara praktikal kepada staf dalam **menjayakan projek komuniti** secara berkesan. Langkah penambahbaikan yang diusul oleh **Rektor** melalui **inisiatif penglibatan** menyeluruh **setiap bahagian** telah berjaya meningkatkan **penyertaan staf pentadbiran dalam KIK**. Motivasi dan kepuasan kerja menjadi asas kesejahteraan staf. Justeru, pelbagai **aktiviti kebersamaan** dirancang bagi **memperkuh Happiness Index UiTMKDH**. Hasil **tindakan penambahbaikan** yang dilaksanakan telah berjaya **meningkatkan** tahap kompetensi dan **kepakaran staf** di dalam **bidang penyelidikan, inovasi** dan lain-lain, sekali gus menyumbang kepada pencapaian yang cemerlang sepanjang tahun 2024 **(BUKTIKDH_2_K4.3.3)**.

Penyebaran maklumat berkaitan tindakan daripada **hasil penganalisan** dan penambahbaikan ini telah **dikongsikan** kepada warga UiTMKDH melalui platform **media rasmi seperti e-mel dan facebook** serta melalui platform **WhatsApp Group jabatan/fakulti/unit**. **PSTU** telah **memaklumkan pencapaian kampus** secara berkala setiap suku tahun **melalui e-mel rasmi sebagai peringatan untuk tindakan penambahbaikan** daripada seluruh kakitangan untuk menyumbang kepada pencapaian PI kampus. Wakil-wakil jabatan juga menjadi medium penyaluran maklumat untuk meningkatkan prestasi bahagian masing-masing **(BUKTIKDH_3_K4.3.3)**.

SENARAI BUKTI :

1. [K0055_A01_AB04_AC03_20251_KDHBUKTI_1_K4.4.3.pdf](#)
2. [K0055_A01_AB04_AC03_20252_KDHBUKTI_2_K4.4.3.pdf](#)
3. [K0055_A01_AB04_AC03_20253_KDHBUKTI_3_K4.4.3.pdf](#)

4.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Keberkesanan pelaksanaan tindakan dalam BT di UiTMKDH telah berjaya mewujudkan tahap pembudayaan yang tinggi dan menyeluruh dalam kalangan warga kampus. Ini merangkumi aspek **pengurusan, keserjanaan, profesionalisme dan inovasi.** Tema **'Kebersamaan ke Arah Kecemerlangan'** diangkat sebagai simbol pembudayaan menyeluruh dan dijadikan tonggak utama dalam melonjak kecemerlangan UiTMKDH. Pendekatan yang berfokus ini telah menghasilkan kecemerlangan berasaskan prestasi, sejajar dengan nilai-nilai teras universiti dan pencapaian yang membanggakan. Hasil pembudayaan ini, UiTMKDH telah meraih pelbagai pengiktirafan dan anugerah di peringkat universiti, antaranya **(KDHBUKTI_1_K4.5):**

1. Anugerah 6 Bintang PTJ
2. Anugerah Kecemerlangan SAP
3. Anugerah Transformasi Penjana Pendapatan 2024
4. Pencapaian Kecemerlangan Prestasi (Cawangan)
5. Anugerah Perak Kategori UiTM Cawangan bagi Pengurusan Akademik Cemerlang 2023 di META 26 - 24 Oct 2024
6. Anugerah 100% pi Pencapaian ICAN 2024 di Majlis Anugerah MeTIC

Dari **sudut teknologi dan pengurusan digital**, pembudayaan penggunaan sistem seperti **MyATP, PRIME, HR2U, eLatihan, i-Staff Portal (STARS V3) dan eAMP** telah meningkatkan kecekapan pemantauan prestasi staf serta jabatan/unit. Melalui inovasi dalaman oleh staf UiTMKDH, khususnya dalam pembangunan sistem eAMP, telah membolehkan **hub pengumpulan data maklum balas dan aduan secara sistematik**, sekaligus menyokong pelaksanaan pelan penambahbaikan kampus secara lebih konsisten dan teratur.

Dalam aspek **keserjanaan dan penyelidikan**, RMU UiTMKDH terus memperkukuh pembudayaan ini melalui **pelbagai inisiatif** seperti **pemberian insentif penerbitan, program mentor-mentee**, dan penganjuran **sesi Scholarly Synergy** yang diadakan setiap hari Khamis bersama pakar pelbagai bidang. Slogan seperti **#satupensyarahsatuartikel** dan **#tulissampaiterbit** telah menyemarakkan budaya **penyelidikan yang aktif** bukan sahaja dalam kalangan **staf akademik, malah melibatkan staf pentadbiran.** Kejayaan ini dibuktikan melalui penganugerahan dalam bidang penyelidikan, penerbitan dan penulisan seperti berikut **(KDHBUKTI_2_K4.5):**

1. Anugerah Sanjungan bagi Kategori Makalah Ilmiah (Staf Akademik)
2. Best Paper Award (Staf Pentadbiran)
3. Anugerah Penyelidik dengan Sitasi Tertinggi (P&P) 2024
4. Tempat Kedua Perolehan Geran Antarabangsa Terbaik Kampus 2024
5. Anugerah Penyelidik Terbaik Kelompok: Pengurusan Perniagaan (AAU)
6. Anugerah Geran Komuniti Terbanyak di Majlis Anugerah MeTIC

Seterusnya, pembudayaan **profesionalisme dan inovasi** diperkukuh melalui pelbagai program pembangunan profesional seperti **kolaborasi dan konsultasi komuniti, kursus ILD**, bengkel, serta **penyertaan dalam pertandingan inovasi.** Usaha ini telah meningkatkan kemahiran serta kesediaan staf untuk terlibat dalam projek pembangunan kampus dan **pemindahan pengetahuan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.** Profesionalisme ini dapat dilihat menerusi penglibatan aktif staf dalam program dan projek berimpak tinggi seperti berikut **(KDHBUKTI_3_K4.5):**

1. Johan projek “Fungsi Alat OKU Penglihatan Low Vision Terhad (eVIEW)” di peringkat KIK Zon Utara 2024
2. Tempat Kedua dalam Pertandingan Menulis Cerpen Merdeka 2024
3. Program Tunas Usahawan Belia Bumiputera (TUBE)
4. Projek pengeringan ikan kering (iSundryer) bersama Komuniti Persatuan Nelayan Tanjung Dawai dan Kuala Muda, Kedah
5. Anugerah Inspirasi Kepimpinan Bestari HEP (AAU)
6. Penyampaian kuliah tamu peringkat antarabangsa
7. Tempat Pertama - Anugerah Projek Komuniti (Lestari) di Majlis Anugerah MeTIC

Secara keseluruhannya, keberkesanan tindakan strategik dalam BT telah berjaya **membudayakan amalan kerja cemerlang** secara menyeluruh di UiTMKDH. Ini meliputi penggunaan teknologi digital, budaya penyelidikan yang aktif, peningkatan profesionalisme serta pencapaian bertaraf global. Tahap pembudayaan yang tinggi ini bukan sahaja **memperkuh daya saing institusi**, tetapi juga **membentuk warga kampus yang inovatif, berintegriti, dan komited terhadap matlamat universiti**.

SENARAI BUKTI :

1. [K0055_A01_AB05_20251_KDHBUKTI_1_K4.5.pdf](#)
2. [K0055_A01_AB05_20252_KDHBUKTI_2_K4.5.pdf](#)
3. [K0055_A01_AB05_20253_KDHBUKTI_3_K4.5.pdf](#)

KRITERIA 5: TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA

5.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Kaedah pengurusan dan pembangunan sumber manusia UiTMKDH dibina berasaskan elemen **PDCA dan model PERMAI** yang merangkumi pendekatan komprehensif bagi memastikan staf yang berkualiti dikelola dengan cemerlang demi mencapai pelan strategik **UiTM 2025 dan GRU 2025** yang menekankan tiga teras utama iaitu **Pendidikan Berkualiti, Kecemerlangan Global, dan Prestasi Berorientasikan Nilai**.

Proses **perancangan (Plan)** di UiTMKDH dibuat secara sistematik bagi memastikan penggunaan kepakaran yang optimum dan holistik. UiTMKDH memberi penekanan pada perancangan strategik dalam proses pengambilan staf. Perancangan yang teliti dalam pemilihan dan pelantikan staf ini adalah untuk memastikan pengambilan staf yang berdaya saing dan kompeten. Hasilnya, UiTMKDH telah berjaya meningkatkan kadar staf akademik yang berkelulusan PhD sebanyak 31.7% pada tahun 2024.

UiTMKDH menggalakkan penglibatan secara holistik staf akademik dan staf pentadbiran dalam **pelaksanaan (Do)** projek bagi memastikan semua kemahiran dan kepakaran yang ada digunakan secara berkesan. Antara projek utama SAP UiTMKDH adalah 'Kedah Cemerlang Sejahtera', Sustainable Campus, Kedah Professional Development, Acquisition of Grants and Principal Investigation, High Impact University Social Responsibility and Knowledge transfer program and International Industry Networking, High Impact Indexed Publication and Citation, serta Graduate Employability and Alumni Networking, termasuk International Networking.

Pemantauan (Check) dilakukan secara berterusan untuk memastikan prestasi dan kompetensi staf sentiasa berada pada tahap yang ditetapkan. Semua maklum balas daripada staf, sama ada melalui tinjauan, pertemuan atau mesyuarat, dianalisis dan dibincangkan dalam mesyuarat pengurusan. Hasil pemantauan dibawa ke mesyuarat pengurusan untuk menentukan tindakan penambahbaikan yang perlu dilakukan. UiTMKDH juga menyediakan pelbagai platform terutamanya secara atas talian bagi memudahkan staf memberikan maklum balas kepada pihak pengurusan. Maklum balas yang diterima, dianalisa dan di bincangkan di dalam mesyuarat oleh pihak pengurusan UiTMKDH dengan sebaiknya. **Tindakan penambahbaikan (Act)** diambil berdasarkan maklum balas yang diterima daripada staf. Ini termasuklah memperbaiki kemudahan kerja, proses pengurusan yang lebih efisien, dan peningkatan kebajikan staf. UiTMKDH juga mengamalkan budaya komunikasi yang terbuka dan telus untuk memastikan penambahbaikan dilakukan secara berterusan dalam seluruh organisasi. Kecemerlangan staf di peringkat antarabangsa dan kebangsaan dapat dicapai hasil dari sokongan pengurusan kanan UiTMKDH dalam mewujudkan budaya kerja yang positif berasaskan keharmonian (kesejahteraan, keselamatan dan kesihatan persekitaran kerja) sejajar dengan matlamat "**Kebersamaan Ke Arah Kecemerlangan UiTMKDH**". Kecemerlangan inovasi staf akademik di peringkat antarabangsa dibuktikan melalui pencapaian membanggakan dalam beberapa pertandingan inovasi antaranya AICAD IID 2024 (penarafan emas dan perak), NSIEx 2024 (emas, perak, gangsa), iEDGII 2024 (emas), serta MAGIEX 2024 (penarafan emas beserta Anugerah Digit360 dan gangsa). Kepakaran staf pentadbiran pula terserlah melalui penyertaan dalam Pertandingan Kumpulan Inovatif & Kreatif (KIK) peringkat Zon Utara 2024. Pasukan ILHAM telah berjaya merangkul johan bagi projek "Fungsi Alat Oku Penglihatan Low Vision Terhad (eVIEW)", manakala pasukan BFIT meraih tempat ketiga dengan projek "One Way Intelligent Trap (OWIT)".

Keseluruhan pencapaian ini mencerminkan pendekatan sumber manusia yang diterapkan oleh UiTMKDH telah berjaya meningkatkan prestasi staf, mewujudkan persekitaran kerja yang produktif dan menghasilkan pelbagai kecermerlangan PI, dapat mencapai **skor i-UiTM sebanyak 95.6% (melebihi purata sasaran 85%), dan diiktiraf sebagai kampus tempat kedua tertinggi serta berada dalam kategori 6 bintang**.

5.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Pendekatan pengurusan sumber manusia UiTMKDHD dibangun secara komprehensif, sistematik dan inklusif yang merangkumi kitaran PDCA (**KDHBUKTI_1(a)_K5.1**) yang disepadukan dengan **model PERMAI** (kesejahteraan, keselamatan, kesihatan dan persekitaran kerja) bagi memastikan warga kerja berada dalam ekosistem yang sejahtera, kompeten dan berdaya saing. (**KDHBUKTI_1(b)_K5.1**). Pendekatan ini turut selari dengan aspirasi **UiTM 2025, GRU 2025** dan sejajar dengan aspirasi "**Kebersamaan ke Arah Kecemerlangan UiTMKDHD**". Kejayaan pendekatan ini terbukti melalui **UiTM Happiness Index (UHI 6.0) dengan skor 75%**, meletakkan UiTMKDHD pada kedudukan dua teratas antara kampus cawangan. (**KDHBUKTI_1(c)_K5.1**).

PERANCANGAN SUMBER MANUSIA: UiTMKDHD melaksanakan perancangan perjawatan secara sistematik berasaskan unjuran keperluan semasa. Pengambilan staf dibuat berlandaskan prinsip akauntabiliti, kelayakan dan kepakaran bagi mengelakkan pembaziran sumber. Mekanisme Audit Kontak Syarahan (KS) diperkenalkan sebagai kawalan kualiti untuk memastikan pengagihan beban tugas akademik dilaksanakan secara adil, telus, dan mematuhi peraturan sebelum jadual waktu dibentuk (**KDHBUKTI_2_K5.2**).

PENGURUSAN DAN PEMBANGUNAN KOMPETENSI: UiTMKDHD secara proaktif menyediakan pelbagai bentuk latihan (bengkel, seminar, *sharing session*, webinar) dengan memberi fokus kepada keberhasilan utama iaitu kecemerlangan kesarjanaan pensyarah, kemahiran dan pengetahuan pentadbir dan penyeliaan staf akademik yang mengikuti pengajian PhD. Hasil inisiatif ini, bilangan staf UiTMKDHD yang memiliki kelayakan PhD meningkat daripada 89 kepada 100 orang, sekaligus memperkukuh reputasi akademik.

PENGUKURAN PRESTASI: Bagi memastikan budaya integriti, UiTMKDHD mengaplikasikan pengukuran prestasi yang telus berdasarkan LNPT (Laporan Nilai Prestasi Tahunan). Mekanisme ini menjadi asas kepada proses kenaikan pangkat yang adil. Hasilnya, UiTMKDHD mencatat peratusan tertinggi jawatan Profesor Madya (5.45%) di Fakulti Pengurusan Perniagaan. Ini menunjukkan keberkesanan pendekatan berasaskan merit (**KDHBUKTI_3_K5.2**).

PENGHARGAAN DAN PENGIKTIRAFAN

UiTMKDHD membudayakan pengiktirafan sebagai strategi motivasi dan engagement. Antara inisiatif yang dilaksanakan ialah:

1. **Majlis Kemuncak Hari Inovasi & Kualiti** – platform utama anugerah seperti Anugerah Perkhidmatan Cemerlang, Anugerah Akademik Universiti, Anugerah Kualiti, Anugerah Inovasi & Pengkomersialan Produk, serta Anugerah Penerbitan Berimpak Tinggi dan Anugerah Khas Inovasi yang diperkenalkan pada 2024.
2. **Majlis Jasamu Dikenang** – penghargaan kepada staf bersara.
3. **Majlis Apresiasi** peringkat Bahagian & Fakulti seperti BPJIMA Scholarly Salute dan Majlis Apresiasi APB.
4. **MAKMA** (Anugerah Kecemerlangan Mahasiswa) - memberi penghargaan kepada staf penasihat persatuan/kelab/jurulatih.
5. Insentif penerbitan dan program retreat di peringkat fakulti/jabatan/unit bagi meningkatkan motivasi staf. (**KDHBUKTI_4_K5.2**).

Secara keseluruhannya, pendekatan pengurusan sumber manusia UiTMKDHD berasaskan model PDCA dan PERMAI telah berjaya membentuk budaya kerja yang bersepadu. Penglibatan staf akademik dan pentadbiran secara menyeluruh pada setiap program (9 program BT) yang bermula dari proses perancangan, pelaksanaan hingga pemantauan yang menggunakan pendekatan **attract** (galakkan), **engage** (libatkan), **develop** (bangunkan) dan **reward** (imbuhan) membuktikan bahawa UiTMKDHD komited melahirkan sumber manusia yang

cemerlang dan berdaya saing. Hasilnya UiTMKDH berjaya mencapai Anugerah Kecemerlangan Prestasi dengan mendapatskor i-UiTM sebanyak **95.6% (melebihi purata sasaran 85%)**, dan diiktiraf sebagai kampus tempat kedua tertinggi untuk Anugerah Kecemerlangan SAP serta berada dalam kategori 6 bintang. (KDHBUKTI_5_K5.2).

SENARAI BUKTI:

1. [K0055_S01_SB02_20251_KDHBUKTI_1_K5.2 Model Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia UiTMKDH.pdf](#)
2. [K0055_S01_SB02_20252_KDHBUKTI_2_K5.2 Audit Kontak Syarahan.docx.pdf](#)
3. [K0055_S01_SB02_20253_KDHBUKTI_3_K5.2 Kenaikan Pangkat Staf Pentadbiran dan Akademik Tahun 2024.docx.pdf](#)
4. [K0055_S01_SB02_20254_KDHBUKTI_4_K5.2 Penghargaan dan Pengiktirafan.docx.pdf](#)
5. [K0055_S01_SB02_20255_KDHBUKTI_5_K5.2 Kecemerlangan Prestasi UiTMKDH.pdf](#)

5.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

UiTMKDH telah mengambil pendekatan yang menyeluruh bagi mengoptimumkan penglibatan warga sehingga ke peringkat antarabangsa. Antara strategi yang dilaksanakan termasuklah:

1. **Program Latihan & Pembangunan Profesional**-Kaedah perancangan program latihan yang relevan dan berasaskan keperluan sebenar digunakan bagi memastikan staf UiTMKDH diberi latihan/kemahiran dan peluang untuk peningkatan kerjaya secara saksama. Program latihan melibatkan latihan dalaman dan di organisasi luar/ILD atau melalui kerjasama/ kolaborasi dengan badan bukan profesional/ persatuan/kelab/ NGO di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. **KDHBUKTI_1_K5.3**
2. **Pemeriksaan Kepakaran & Pengiktirafan Staf** -UiTMKDH telah memperkasa kepakaran warga dengan pelbagai pengiktirafan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Di peringkat antarabangsa, staf akademik diberi kepercayaan sebagai **Visiting Professor, Visiting Lecturer, Visiting Researcher, Editorial Board dan Keynote Speaker**, sekali gus memperkukuh jaringan ilmu global. Di peringkat kebangsaan dan negeri, kepakaran staf diiktiraf melalui pendaftaran dengan **badan profesional seperti MBOT, MQA, MIA serta NGO/ badan sukarela (MRA)**. **KDHBUKTI_2_K5.3**
3. Terdapat staf yang turut menerima lantikan istimewa yang berprestij iaitu **Ahli Mahkota Kedah dan anggota Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah** (Ustaz Burhanuddin Hj Wahab). Lantikan ini melambangkan kepercayaan masyarakat dan kerajaan negeri terhadap kepakaran yang dimiliki oleh warga UiTMKDH. Selain itu, staf UiTMKDH turut meraih kejayaan dalam pelbagai pertandingan dan anugerah, antaranya **Best Paper Award ISDEV 2024, Naib Johan Pertandingan Menulis Cerpen Merdeka 2024 serta Anugerah Semarak Sanjung 2023**. Pencapaian individu juga membanggakan, seperti Prof. Madya Dr. Mohd Rizaimy Shaharudin yang menerima anugerah **Penyelidik dengan Sitasi Tertinggi dan Tempat Kedua Perolehan Geran Antarabangsa Terbaik Kampus**, serta Dr. Nor Azrina Mohd Yusof yang menerima **Anugerah Kepimpinan Bistari HEP** di Majlis Sanjung Sarjana 2024. **KDHBUKTI_3_K5.3**
4. **Perkongsian Pengetahuan melalui Program Pemindahan Ilmu**
Para akademik yang aktif dalam penyelidikan, penerbitan dan pengkomersilan telah dijemput sebagai **penceramah, fasilitator, pensyarah pelawat, penyelidik pelawat dan juri pertandingan** di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Staf pentadbiran yang mempunyai kepakaran juga dilantik menjadi **jurulatih kokurikulum, jurulatih sukan, penasihat kelab dan penganjur program**. Sebagai contoh, Encik Khairolnafiz b. Kahamarudin (Pembantu Sukan Kanan) dilantik sebagai **Jurulatih Sukan Sepak Takraw MSSM dan SUKMA**. Selain itu penghasilan produk **MOOC dan projek Microcredential (MC)** merupakan salah satu sumbangan akademik dalam meningkatkan prestasi pengajaran dan pembelajaran. Pelaksanaan **projek ISUNDRYER** (komuniti Persatuan Nelayan Tanjung Dawai dan Kuala Muda), **Program Literasi Maklumat Perpustakaan Sultan Badlishah** (sekolah, universiti dan dan komuniti setempat) dan **Program Penanaman Pokok Bakau** (aktivis alam sekitar) merupakan kejayaan UiTMKDH sebagai pemangkin pembangunan komuniti dan penyebaran kepakaran. **KDHBUKTI_4_K5.3**
5. **Peluang Kolaborasi dan Inovasi**
Peningkatan kepakaran warga UiTMKDH dibuktikan dengan perolehan **Geran Nasional, Geran Industri dan Geran Antarabangsa** dalam penyelidikan dan beberapa perjanjian **MoU/MoA** dengan industri berteraskan projek komuniti di peringkat negeri dan antarabangsa. Peluang kolaborasi telah memberikan impak yang besar kepada aktiviti penyelidikan, perkongsian kepakaran, collaborative teaching, inovasi dan keusahawanan **UiTMKDH**. **UTV SDN BHD / SME CORPORATION MALAYSIA** telah meluluskan geran sebanyak **RM2,574,666** untuk projek 'Perkhidmatan Mengurus, Melaksana dan Menyelaras Program Tunas Usahawan Belia Bumiputera (Tube) X Tahun 2024'. Penglibatan staf dalam pelbagai pertandingan inovasi dan rekaan seperti **NSIEx, iEDGII, AICAD IID**, dan Magiex

juga membuktikan kejayaan UiTMKDH dalam meraih pengiktirafan dalam bentuk penarafan emas, perak dan gangsa. **KDHBUKTI_5_K5.3**

SENARAI BUKTI :

1. [K0055_S01_SB03_20251_KDHBUKTI_1_K5.3 Senarai Latihan Staf UiTMKDH 2024.docx.pdf](#)
2. [K0055_S01_SB03_20252_KDHBUKTI_2_K5.3 Pemerkasaan Kepakaran Staf UiTMKDH.pdf](#)
3. [K0055_S01_SB03_20253_KDHBUKTI_3_K5.3 Pengiktirafan Anugerah Staf UiTMKDH.pdf](#)
4. [K0055_S01_SB03_20254_KDHBUKTI_4_K5.3 Perkongsian Pengetahuan di UiTMKDH.pdf](#)
5. [K0055_S01_SB03_20255_KDHBUKTI_5_K5.3 Kolaborasi & Pertandingan Inovasi 2024.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

5.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

UiTMKDH sentiasa menekankan kesejahteraan dan kepuasan hati warga sebagai faktor penting dalam melonjak kecemerlangan PI. Hasil dari kajian kepuasan hati staf menunjukkan bahawa UiTMKDH berjaya mengenal pasti tahap kepuasan warga serta merancang penambahbaikan berterusan. Ini dibuktikan dengan skor **75% UHI6.0 dan berada di paras kedua tertinggi di kalangan kampus cawangan**. Berdasarkan analisa model PERMAI, domain **Makna (Meaning)** mencatat skor tertinggi (**80%**), menandakan staf merasakan kerja mereka memberi impak besar kepada institusi, pelajar dan masyarakat dan **Emosi Positif (77%)** mencerminkan persekitaran kerja yang stabil dan menyokong keseimbangan hidup dan kerjaya. **KDHBUKTI_1_ K5.4.1**

Selain itu, UiTMKDH juga sangat responsif terhadap maklum balas serta aduan sumber manusia bagi memastikan suasana kerja yang kondusif, tersusun dan berfokus kepada keberkesanan sistem. Respons ini dilaksanakan melalui proses yang sistematik bermula dengan pemantauan, analisis data, sehinggalah kepada tindakan penambahbaikan berterusan. Antara inisiatif utama yang dilaksanakan ialah: **KDHBUKTI_2_ K5.4.1**

1. Sistem Pengurusan Aduan & Maklumbalas

Platform rasmi pengurusan kanan UiTMKDH membincangkan isu berkaitan staf adalah melalui mesyuarat secara berkala di peringkat jabatan/bahagian/ fakulti/unit. **Mesyuarat Jawatankuasa Panel Pembangunan Manusia (JPPSM)** merupakan platform untuk membincangkan isu berkaitan dengan pengurusan prestasi, promosi dan ganjaran staf. Hasil perbincangan yang memerlukan penambahbaikan dibawa ke **Mesyuarat Pengurusan Kanan (MPK) dan Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP)** untuk diambil tindakan. **KDHBUKTI_3_ K5.4.1**

2. Kemudahan Fizikal, Teknologi dan Sumber Kerja

UiTMKDH amat menitikberatkan kemudahan fizikal, teknologi dan sumber kerja yang diperlukan oleh staf. Pemantauan fasiliti dilakukan secara berkala, termasuk melalui sistem **e-Aduan Fasiliti** untuk aduan berkaitan kemudahan serta sistem **UNITS** bagi permohonan perkhidmatan ICT seperti capaian rangkaian tanpa wayar dan tele-sidang. Staf juga boleh mengemukakan aduan melalui platform lain seperti **eAMP, eRespon, emel rasmi dan FB UiTMKDH**. Segala maklum balas dikumpul, dianalisis setiap tiga bulan oleh moderator dan penyelaras aduan di setiap bahagian/unit, seterusnya ditindaklan lanjut diambil bagi memastikan persekitaran kerja kekal selesa, selamat dan efisien. **KDHBUKTI_4_ K5.4.1**

3. Peluang Latihan dan Pembangunan Kerjaya

UiTMKDH turut memberi perhatian terhadap pembangunan kerjaya staf. Pemantauan berterusan terhadap penerbitan akademik dilakukan dengan inisiatif **Program Mentor-Mentee (1 Pensyarah, 1 Artikel)**, dan penganjuran **Scholarly Synergy Session** bagi membimbing pensyarah yang belum mencapai sasaran penerbitan bagi menghasilkan artikel di jurnal berimpak tinggi. **KDHBUKTI_5_ K5.4.1**

SENARAI BUKTI:

1. [K0055_S01_SB04_SC01_20251_KDHBUKTI_1_K5.4.1 Analisa Happiness Index 6.0 \(UHI6.0\) tahun 2024.pdf](#)
2. [K0055_S01_SB04_SC01_20252_KDHBUKTI_2_K5.4.1 Jadual Proses Pemantauan, Analisa Pemantauan dan Tindakan Penambahbaikan.pdf](#)
3. [K0055_S01_SB04_SC01_20253_KDHBUKTI_3_K5.4.1 Contoh Minit Mesyuarat MKSP.pdf](#)
4. [K0055_S01_SB04_SC01_20254_KDHBUKTI_4_K5.4.1 Kepuasan Hati Terhadap Persekitaran Fizikal dan Tempat Kerja.pdf](#)

5. [K0055_S01_SB04_SC01_20255_KDHBUKTI_5_K5.4.1 Program Mentor-Mentee.pdf](#)

5.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Risiko UiTMKDH ditangani dengan segera melalui proses yang sistematik melalui **Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Pemilik Risiko (MJPPR)** secara berkala yang membincangkan kaedah mengenal pasti risiko, menilai impaknya, mengambil tindakan yang sesuai, serta penambahbaikan untuk mengurangkan atau mengelakkan risiko tersebut. **KDHBUKTI_1_K5.4.2**

Jadual berikut menunjukkan jenis-jenis risiko yang melibatkan staf UiTMKDH.

KDHBUKTI_2_K5.4.2 Risiko seperti kekurangan pensyarah, kesukaran menempatkan staf di peringkat global, masalah sistem ICT dan lain-lain telah diuruskan dengan tindakan yang tepat dan pencegahan yang berkesan. Melalui proses pengurusan yang sistematik ini, UiTMKDH berupaya mengurangkan kos operasi, mengelakkan kerosakan aset, mengelakkan pembaziran serta menggunakan sumber dengan lebih cekap.

Kekurangan pensyarah adalah pada tahap sederhana. Impak risiko ini akan meningkatkan beban kerja kepada pensyarah, seterusnya menjejaskan proses PdP. Langkah kawalan sedia ada untuk menangani risiko ini ialah memaklumkan kepada BTU dan Bahagian Pengambilan Pelajar berkaitan unjuran dan keupayaan sebenar kampus dalam menyediakan PdP, melantik pensyarah Part Time Full Time (PTFT) serta menjalankan mass lecture. Pencegahan dilakukan dengan melantik pensyarah PTFT lebih awal dan mempercepatkan proses pengambilan dan membuat permohonan pertambahan waran. **KDHBUKTI_3_K5.4.2**

UiTMKDH menghadapi kesukaran dalam menjalin kerjasama antarabangsa yang memberi peluang kepada staf untuk terlibat dalam penyelidikan atau latihan di peringkat global. Impaknya termasuk menurunnya reputasi universiti di peringkat antarabangsa dan mengurangkan peluang penyelidikan serta pembangunan profesional staf. Tindakan yang diambil termasuk memperkukuh hubungan strategik dengan universiti dan syarikat global, serta menyediakan peluang penempatan antarabangsa bagi staf. Pencegahan dilakukan dengan memperluaskan jaringan kerjasama dan memastikan penyertaan aktif staf dalam program pertukaran. Penambahbaikan terhasil dalam bentuk peningkatan penglibatan staf dalam penyelidikan global dan pengiktirafan antarabangsa. Hasilnya, UiTMKDH berjaya memperolehi **36 aktiviti jaringan strategik dan kolaborasi di peringkat antarabangsa melalui webinar antarabangsa, seminar industri, projek *knowledge transfer* dan projek Edutourism.** UiTMKDH juga telah berjaya menjana pendapatan melalui projek seperti **TUBE-X SME Corp (RM2.57 juta) dan memperolehi 82 geran aktif dengan nilai RM1.43 juta.** **KDHBUKTI_4_K5.4.2**

SENARAI BUKTI :

1. [K0055_S01_SB04_SC02_20251_KDHBUKTI_1_K5.4.2 Proses Pengurusan Risiko UiTMKDH..pdf](#)
2. [K0055_S01_SB04_SC02_20252_KDHBUKTI_2_K5.4.2 Jadual Kategori Risiko, Staf Pentadbiran dan Staf Akademik UiTMKDH.pdf](#)
3. [K0055_S01_SB04_SC02_20253_KDHBUKTI_3_K5.4.2 Jadual Kaedah PDCA Menagani Risiko Kekurangan Pensyarah.pdf](#)
4. [K0055_S01_SB04_SC02_20254_KDHBUKTI_4_K5.4.2 Jadual Kaedah PDCA Menagani Risiko 2.pdf](#)
- 5.

5.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Pengurusan UiTMKDH bertindak kepada maklum balas sumber manusia dengan:

1. **Maklum Balas Aduan Staf** - UiTMKDH memperkukuhkan budaya organisasi yang mendengar, mengambil tindakan dan memberi maklum balas secara terbuka dan sistematik. Maklum balas kepuasan pelanggan dan tindakan penambahbaikan yang telah diambil dimaklumkan kepada seluruh warga. **KDHBUKTI_1_K5.4.3**
2. **Maklum Balas Kualiti Pengajaran dan Pembelajaran** - Pemantauan pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan secara berterusan melalui analisa **TEX (PROPENS, SuFO dan TESA)**. Hasil analisa dibentangkan di mesyuarat JAN dan surat penghargaan diberikan kepada pensyarah yang mendapat skor cemerlang melebihi 94%. Melalui langkah ini kualiti pensyarah dapat dijaga dan meningkatkan pengalaman pembelajaran yang baik serta seterusnya menyumbang kepada pencapaian akademik pelajar yang cemerlang. **Pencapaian TEX UiTMKDH berada ditempat kedua terbaik antara semua kampus cawangan dengan peratus 92.59 bagi penilaian Mac - Ogos 2024. KDHBUKTI_2_K5.4.3**

UiTMKDH juga mengambil beberapa inisiatif bagi mewujudkan persekitaran kerja yang cemerlang bagi melonjak produktiviti, antaranya:

1. **Menaik Taraf Kemudahan Sokongan Tempat Kerja** - UiTMKDH telah membelanjakan sebanyak **RM7,227,420** bagi menaik taraf beberapa kemudahan asas seperti baikpulih bumbung di bangunan akademik bagi menghasilkan ruang kerja yang lebih kondusif. Perbelanjaan ini telah meningkatkan produktiviti dan prestasi kerja staf. Penambahbaikan fasiliti dibuat dengan pembelian perabot, kerusi dan meja baru di bilik pensyarah. Penambahbaikan Telaga Tiub (2 Fasa) bagi membantu UiTMKDH mengatasi masalah bekalan air juga telah **mengurangkan kos utiliti UiTMKDH** sebanyak **RM46,000** setahun. **KDHBUKTI_3_K5.4.3**
2. **Menyediakan program sokongan psikologi dan kesejahteraan emosi** - UiTMKDH menyediakan sesi kaunseling, bimbingan menangani tekanan dan kesejahteraan emosi kepada staf. Unit Kaunseling telah memperkenalkan inisiatif **Lajur Terapeutik Merbok Kaunselor** iaitu bilik terapi kaunseling bagi membantu warga mengatasi tekanan dan menguruskan kesejahteraan emosi. **Inisiatif ini telah memenangi Anugerah Psikologi dan Kaunseling Terbaik Peringkat Kampus Negeri 2024. KDHBUKTI_4_K5.4.3**
3. **Galakkan Penyelidikan & Penerbitan** - UiTMKDH menyediakan insentif penerbitan melalui pembiayaan yuran artikel berindeks (**MyCite, WoS, Scopus dan ERA**), insentif galakan penerbitan sebanyak **RM200 - RM500** dalam menggalakkan pensyarah untuk menulis dan menerbitkan artikel. Hasilnya, **UiTM Kedah berada pada kedudukan pertama untuk bilangan Corresponding Author peringkat kampus cawangan (suku tahun pertama 2025). KDHBUKTI_5_K5.4.3**

SENARAI BUKTI :

1. [K0055_S01_SB04_SC03_20251_KDHBUKTI_1_K5.4.3 Tindakan Pengurusan UiTMKDH.pdf](#)
2. [K0055_S01_SB04_SC03_20252_KDHBUKTI_2_K5.4.3 Pencapaian TEX UiTMKDH 2024.pdf](#)
3. [K0055_S01_SB04_SC03_20253_KDHBUKTI_3_K5.4.3 Kemudahan Sokongan Tempat Kerja.pdf](#)
4. [K0055_S01_SB04_SC03_20254_KDHBUKTI_4_K5.4.3 Sokongan Psikologi dan Kesejahteraan Emosi.pdf](#)
5. [K0055_S01_SB04_SC03_20255_KDHBUKTI_5_K5.4.3 Insentif Penerbitan.pdf](#)

5.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

1. UiTMKDH Membudayakan Inovasi Berterusan

UiTMKDH menekankan kreativiti dalam penyelidikan, pengajaran, pentadbiran dan pemindahan ilmu melalui kaedah penerapan idea baharu, penggunaan teknologi digital serta pendekatan progresif. Budaya ini bukan sahaja meningkatkan kompetensi dan daya saing staf, malah memastikan UiTMKDH kekal relevan sebagai pusat kecemerlangan ilmu, penyelidikan dan inovasi di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. **Inovasi staf di peringkat antarabangsa** dibuktikan melalui pencapaian dalam beberapa pertandingan inovasi antaranya AICAD IID 2024 (penarafan emas dan perak), NSIEx 2024 (emas, perak, gangsa), iEDGII 2024 (emas), serta MAGIEX 2024 yang turut menyaksikan kejayaan meraih penarafan emas beserta Anugerah Digi360 dan gangsa. **KDHBUKTI_1_K5.5**

Dalam **Pertandingan KIK peringkat Zon Utara 2024**, pasukan ILHAM telah berjaya merangkul johan bagi projek “Fungsi Alat Oku Penglihatan Low Vision Terhad (eVIEW)”, manakala pasukan BFIT meraih tempat ketiga dengan projek “One Way Intelligent Trap (OWIT).

Kejayaan UiTMKDH memperkenalkan **inovasi teknologi ISUNDRYER** yang menawarkan alternatif moden kepada kaedah pengeringan ikan yang menyasarkan golongan berpendapatan rendah (B40) bagi mempertingkatkan kualiti produk, menambah pendapatan isi rumah serta mengurangkan pembaziran hasil laut. Projek inovasi yang telah dilaksanakan pada tahun 2024 ini telah mendapat **tempat pertama Anugerah Projek Komuniti Lestari di METIC 2025** **KDHBUKTI_2_K5.5**

2. UiTMKDH Mengangkat Pembangunan Modal Insan Sebagai Teras Kecemerlangan

UiTMKDH mengangkat pembangunan modal insan sebagai teras kecemerlangan dengan membudayakan kepakaran staf melalui penyelidikan, penerbitan berimpak tinggi, pendaftaran dalam badan profesional serta pengiktirafan antarabangsa seperti pelantikan *Visiting Professor*, *Visiting Lecturer* dan *Editorial Board* dan *Keynotes Speaker*. Pada masa yang sama, staf juga diperkasa melalui latihan profesional, kursus peningkatan kemahiran serta penglibatan dalam kolaborasi industri dan komuniti (Geran, MoU/MoA) bagi memastikan setiap warga UiTMKDH berdaya saing dan relevan. **KDHBUKTI_3_K5.5**

3. UiTMKDH Membudayakan Kelestarian dan Menyokong Digitalisasi Kampus

Berdasarkan Garis Panduan UI Green Metric 2025, UiTMKDH telah berjaya memperoleh **skor 3** hasil daripada pelaksanaan pelbagai program latihan serta penganjuran seminar/persidangan dan aktiviti kelestarian berimpak yang digerakkan bersama komuniti setempat seperti **Projek Penanaman Bakau** (Jabatan Perhutanan, Jabatan Alam Sekitar dan GPMS Kedah) dan aktiviti **Walk for Clean** (SW Corp, E-Idaman, Majlis Perbandaran Sungai Petani dan penduduk Tanjung Dawai). Selain itu, UiTMKDH juga menyokong **inisiatif digitalisasi (Go Cashless @UiTM Kedah 2024)** melalui penglibatan penuh staf, pelajar serta operator dalaman dan luar dengan menggalakkan mereka menggunakan transaksi tanpa tunai. **KDHBUKTI_4_K5.5**

4. UiTMKDH Menghargai Kebersamaan bagi Kesejahteraan Emosi, Rohani dan Fizikal Warga

UiTMKDH juga turut menitikberatkan hubungan kebersamaan dan budaya saling menghargai di kalangan setiap warga dengan penganjuran program **Mahabbah Kasih** bertemakan ‘**Ukhwah Pemacu Kecemerlangan**’ dan program **Gotong-Royong Perdana UiTM “Kita Kampus dan Alam**. Selain itu, program penjagaan kesihatan seperti **Hari Sihat UiTM Cawangan Kedah** turut diutamakan sebagai langkah menggalakkan gaya hidup sihat dalam memastikan kecergasan fizikal dan minda yang merupakan komponen penting dalam peningkatan produktiviti kerja. Program-program seperti **Majlis Sambutan Hari Maulidul Rasul, Majlis Khatam Quran, Majlis Iftar Perdana** serta program kuliah mingguan seperti **Raudatul Ilmi dan Majlis Bacaan Yassin** Mingguan anjuran Pusat Islam juga membantu menyuburkan

keberagaman kaum muda setempat, peragaan makanan seperti Nasi Ular, KEMER...
(KSUK), dan PEWANI juga bekerjasama menjalankan aktiviti **Jom Kacau Bubur Asyura 2024**
dan aktiviti masak memasak, berkuda dan memanah. **KDHBUKTI_5_K5.5**

SENARAI BUKTI :

1. [K0055_S01_SB05_20251_KDHBUKTI_1_K5.5 Pertandingan Inovasi Peringkat Antarabangsa.pdf](#)
2. [K0055_S01_SB05_20252_KDHBUKTI_2_K5.5 Projek Inovasi ISUNDRYER.pdf](#)
3. [K0055_S01_SB05_20253_KDHBUKTI_3_K5.5 Budaya Kepakaran Staf.pdf](#)
4. [K0055_S01_SB05_20254_KDHBUKTI_4_K5.5 Budaya Kelestarian dan Digitalisasi Kampus.pdf](#)
5. [K0055_S01_SB05_20255_KDHBUKTI_5_K5.5 Budaya Kebersamaan & Saling Menghargai.pdf](#)

KRITERIA 6 : TUMPUAN KEPADA OPERASI

6.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Kerangka PDCA Strategik & Penjajaran

UiTM Cawangan Kedah (UiTMKDH) menumpukan bidang **Pengurusan dan Pembangunan Staf** sebagai pemacu operasi organisasi. **PDCA Strategik** berfungsi sebagai payung tadbir urus yang menetapkan hala tuju, sasaran, PI, mandat peranan serta keutamaan sumber; manakala **PDCA Taktikal** di peringkat PTJ menterjemahkannya kepada tindakan di bilik kuliah, makmal, komuniti dan rangkaian global. Melalui kerangka ini, **74 PI** yang ditetapkan BTU UiTM disusun merentas tiga teras (Pendidikan Berkualiti, Kecemerlangan Global, Prestasi Berorientasikan Nilai) dan diterjemah kepada **15 projek khas—9** daripadanya memfokuskan pembangunan staf—dengan **PD/PM** dilantik secara rasmi dan skop kerja diipiawai.

Perancangan (Plan)

Perancangan kampus digerakkan melalui **Bengkel Action Plan 2024** (Disember 2023) yang menyepadukan data prestasi dan risiko daripada **UiSMS/Power BI (SAP & PI)**, **iStaf Portal (Stars) & e-Latihan**, **UFUTURE**, **eAMP**, **NILAMs** dan **eRMS**, disertai maklum balas mesyuarat pengurusan (**JKEN, MKSP, MPK, JPN**). Hasilnya, sasaran, garis masa, pemilik proses, sumber dan kawalan risiko ditetapkan secara jelas, memastikan penjajaran dengan **UiTM 2025** dan hala tuju **KPT 2024**.

Pelaksanaan (Do)

Di peringkat PTJ, intervensi **dirangka → dilaksana → dinilai → diperhalus**. Skop pelaksanaan merangkumi latihan profesional, pembangunan **MOOC/microcredential** di **UFUTURE**, pelaksanaan **CGCT** bersama industri, **mobiliti akademik**, serta kolaborasi **penyelidikan dan penerbitan**. Mengikut objektif, tindakan dilaksanakan bertingkat di **kampus**, bersama **komuniti**, pada **peringkat nasional** dan **antarabangsa**, dengan setiap aktiviti dipetakan terus kepada PI projek khas agar sumbangannya jelas, terukur dan relevan. Kecekapan operasi disokong oleh inovasi seperti **i-Kedah** (pangkalan operasi sehenti) dan **Projek Telaga Tiub** bagi kesinambungan bekalan air.

Pemantauan (Check) — Menutup Jurang Prestasi

PSTU menjejak capaian PI masa nyata melalui **UiSMS/Power BI**; **PD/PM** memantau metrik pelaksanaan menggunakan **Stars & e-Latihan** (penyertaan/jam latihan), **NILAMs** (jaringan/MoU–MoA) dan **eAMP** (kepuasan pelanggan). Dapatan dibentangkan berkala dalam **JKEN/MKSP/MPK/JPN** untuk mengesahkan keputusan, menyelaraskan sumber dan mengaktifkan tindakan pembetulan. Penilaian berfokus pada tiga indikator: **output** (latihan/projek/jaringan), **impak** (nilai geran, jumlah peserta, kualiti output) dan **KPI** (status PI).

Tindakan Penambahbaikan (Act) — Pembelajaran yang Diinstitusikan

Kajian semula menghasilkan **pembelajaran gelung tunggal** (pelarasan jadual, pemantapan modul, pengukuhan fasilitasi) dan **gelung ganda** (semakan dasar/insentif, pemurnian SOP, penetapan KRI serta penskalaan amalan baik). Contoh nyata termasuk **semakan insentif penerbitan berindeks** berkuat kuasa **Ogos 2024** yang mendorong **+600%** artikel berindeks (Q4 berbanding Q1 2024), pelaksanaan **Audit Kontak Syarahan** untuk mengoptimumkan nisbah pelajar:pensyarah, serta standardisasi templat/garis panduan yang didokumenkan dan dikongsi melalui **i-Kedah** merentas PTJ.

Impak & Kelestarian

Pendekatan bersepadu ini membuahkan **Skor PI 95.6% (6 bintang)**, **pematuhan jam latihan +45%**, **MoU/MoA +64%** (melibatkan **7 negara**), **82 projek geran aktif** bernilai **RM1.43 juta**, serta pengiktirafan **Anugerah Transformasi Kecemerlangan Penjanaan Pendapatan 2024**.

Emergent **BCA Strategik** – **faktual** memastikan aliran **data** → **analisis** → **tujuan** → **impak**
→ **standardisasi** menjadi amalan kerja harian, sekali gus **menjamin kelestarian pencapaian**
dan mengangkat UiTMKDH sebagai **rujukan amalan terbaik**.

6.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Pendekatan pelaksanaan objektif dan inisiatif strategik bidang tumpuan telah dirangka secara **menyeluruh, sistematik dan bersepadu**, selaras dengan **Teras Strategik UiTM 2025, Hala Tuju KPT 2024**, serta aspirasi kampus "*Kebersamaan ke Arah Kecemerlangan*" (KDHBUKTI_1(a)_6.2). Pelaksanaan berasaskan **keterlibatan menyeluruh, pemerkasaan sumber manusia, komunikasi dua hala berkesan** dan **tadbir urus berintegriti**, supaya setiap tindakan menyumbang terus kepada prestasi organisasi.

Kerangka utama ialah **PDCA Strategik (KDHBUKTI_1(b)_6.2)** yang menyelaraskan perancangan, pelaksanaan, semakan dan penambahbaikan. Pendekatan ini memastikan inisiatif kekal sejajar dengan keutamaan universiti serta menyokong pencapaian **74 Petunjuk Prestasi (PI) (KDHBUKTI_1(a)_6.2)** yang ditetapkan **BTU UiTM**. Keseluruhan PI digerakkan merentasi tiga teras: **Pendidikan Berkualiti, Kecemerlangan Global, dan Prestasi Berorientasikan Nilai**; diterjemahkan melalui **15 projek khas (KDHBUKTI_1(c)_6.2)**, termasuk **9 projek** yang memfokuskan pembangunan staf akademik dan pentadbiran.

Proses - proses utama pelaksanaan adalah seperti berikut:

1) Pelantikan Pengarah Projek (PD) & Pengurus Projek (PM)

Setiap projek diterajui **PD** dan **PM** yang dilantik secara rasmi dengan mandat, peranan dan skop jelas. Mereka menyelaraskan pelaksanaan rentas PTJ, menjejak PI dan melapor kepada pengurusan tertinggi, memastikan **akauntabiliti** serta keberkesanan tadbir urus (KDHBUKTI_2_6.2).

2) Perancangan Strategik Berasaskan Data

Bengkel Action Plan 2024 (Disember 2023) memadukan pencapaian PI tahun sebelumnya, dapatan **audit dalaman**, serta data – data dari sistem seperti UiSMS, NILAMs, e-Latihan dan eRMS. Input dari **JKEN, MPSK, PPSM** telah membolehkan pelan **bersasar** mengikut keperluan dan kapasiti PTJ (KDHBUKTI_3_6.2).

3) Pelaksanaan Aktiviti oleh PTJ

Pelaksanaan telah digerakkan berasaskan **PDCA Taktikal: program dirangka→dilaksana→dinilai→diperhalus**. Skop merangkumi **latihan profesional**, pembangunan MOOC/microcredential, CGCT, mobiliti akademik, serta kolaborasi penyelidikan/penerbitan. Mengikut objektif, inisiatif dilaksanakan **di peringkat kampus, bersama komuniti, peringkat nasional, dan antarabangsa**. Setiap intervensi dipetakan kepada PI projek khas dan diselaras oleh peneraju program supaya sumbangannya jelas, terukur, relevan (KDHBUKTI_4_6.2).

4) Pemantauan Prestasi Sistematik

Progres **PI** telah dipantau oleh **PSTU** melalui **UiSMS** (status & amaran jurang), manakala **PD/PM** menjejak metrik melalui **NILAMs** (jaringan/MoU–MoA), **e-Latihan** (penyertaan & jam latihan) dan **eAMP** (kepuasan pelanggan). Dapatan dibentangkan **berkala** dalam **JKEN, MKSP, PPSM** untuk **mengesahkan status, menutup jurang, menyelaraskan sumber, dan mengarah tindakan segera**. Keputusan ini menjadi input **Check→Act** dalam **PDCA Strategik**, menjadikan pemantauan bukan sekadar rekod tetapi **pemacu penambahbaikan berterusan**.

5) Penilaian & Semakan Keberkesanan

Inisiatif dinilai melalui **laporan pelaksanaan, maklum balas peserta, dan analisa data sistem**. Semakan **bulanan** dan **suku tahun** mengukur pencapaian sebenar, mengenal pasti cabaran, serta merangka pelan penambahbaikan berfokus.

6) Tindakan Penambahbaikan Berasaskan Dapatan

Modul latihan **ditambah baik**, jadual program **diselaras**, dan latihan pengukuhan **diperkenalkan**. Semakan **insentif penerbitan (Ogos 2024)** mendorong lonjakan **600%** artikel berindeks (Q4 berbanding Q1 2024), sekali gus mengukuhkan dimensi **Kecemerlangan Global**.

7) Inovasi & Impak Nyata

Inisiatif **i-Kedah** dibangunkan sebagai **sistem bersepadu operasi kampus** yang menghimpunkan **iAduan, iTempah, iAktiviti, iPelanggan** dan modul **ICT**, telah meningkatkan **kecekapan proses, ketelusan maklumat, serta kepuasan pelanggan**. Projek Telaga Tiub UiTMKDH pula menangani gangguan bekalan air SADA, menjamin **kelangsungan operasi** dan kesejahteraan warga (**KDHBUKTI_5_6.2**).

Kesinambungan PDCA Strategik & Taktikal

PDCA Strategik di peringkat kampus diperkukuh oleh PDCA Taktikal di peringkat PTJ, menjadikan aktiviti pembangunan staf input utama kepada fasa **Check** dan **Act**. Sinergi ini **menutup jurang prestasi** dan memperkukuh **kecekapan operasi**.

SENARAI BUKTI:

1. [K0055_O01_OB02_20251_KDHBUKTI_1_6.2.pdf](#)
2. [K0055_O01_OB02_20252_KDHBUKTI_2_6.2.pdf](#)
3. [K0055_O01_OB02_20253_KDHBUKTI_3_6.2.pdf](#)
4. [K0055_O01_OB02_20254_KDHBUKTI_4_6.2.pdf](#)
5. [K0055_O01_OB02_20255_KDHBUKTI_5_6.2.pdf](#)
6. [K0055_O01_OB02_20251_KDHBUKTI_1_6.2.pdf](#)
7. [K0055_O01_OB02_20252_KDHBUKTI_2_6.2.pdf](#)
8. [K0055_O01_OB02_20253_KDHBUKTI_3_6.2.pdf](#)
9. [K0055_O01_OB02_20254_KDHBUKTI_4_6.2.pdf](#)
10. [K0055_O01_OB02_20255_KDHBUKTI_5_6.2.pdf](#)
11. [K0055_O01_OB02_20251_KDHBUKTI_1_6.2.pdf](#)
12. [K0055_O01_OB02_20252_KDHBUKTI_2_6.2.pdf](#)
13. [K0055_O01_OB02_20253_KDHBUKTI_3_6.2.pdf](#)
14. [K0055_O01_OB02_20254_KDHBUKTI_4_6.2.pdf](#)
15. [K0055_O01_OB02_20255_KDHBUKTI_5_6.2.pdf](#)

6.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Kejayaan pelaksanaan pelan strategik pembangunan staf di UiTMKDH dipacu oleh penerapan **PDCA** yang konsisten di setiap peringkat operasi. **PDCA Strategik** memberi hala tuju dan tatacara tadbir urus; **PDCA Taktikal** pula menterjemahkannya kepada tindakan di lapangan—di bilik kuliah, makmal, komuniti dan rangkaian global. Setiap inisiatif yang dilaksanakan oleh PTJ disandarkan kepada **PI projek khas**, dan hasilnya dibawa semula ke fasa **Check** dan **Act** di peringkat strategik untuk semakan prestasi serta penambahbaikan berterusan, memastikan penyelarasan antara aspirasi universiti dan tindakan akar umbi (**KDHBUKTI_1_6.3**).

Bagaimana PDCA Taktikal diterjemah

Plan - Perancangan dibuat secara inklusif: keperluan pelajar, staf dan industri ditriangulasi; jurang PI tahun sebelumnya dianalisis; dan kertas kerja disediakan lengkap dengan objektif, hasil pembelajaran, bajet, tempoh, kaedah penyampaian serta indikator kejayaan.

Do - Aktiviti yang diluluskan **dilaksanakan** oleh pelaksana yang diberi mandat dengan peranan, skop dan garis masa jelas.

Check - Sepanjang pelaksanaan, pasukan **menilai** keberkesanan melalui borang maklum balas, laporan prestasi dan rekod pelaksanaan PTJ/UiTM; dapatan dibandingkan dengan sasaran PI untuk mengesahkan impak.

Act - Penilaian diterjemah kepada **pelarasan strategi**, pemantapan modul, pengukuhan fasilitasi dan **perluasan** amalan baik ke PTJ lain untuk keseragaman kualiti.

Contoh pelaksanaan mengikut Teras Strategik

Teras 1: Pendidikan Berkualiti

Keutamaan diberi kepada kompetensi pensyarah dan kualiti PdP melalui pembangunan **MOOC** dan **Microcredential**, serta pengukuhan **CGCT** bersama rakan industri (**KDHBUKTI_2_6.3**; **KDHBUKTI_3_6.3**). **Plan** diselaras oleh HEA/Fakulti; **Do** dilaksanakan melalui bengkel reka bentuk kurikulum digital dan bimbingan industri; **Check** dibuat menggunakan **M-Track** dan semakan capaian dalam **UiSMS**; **Act** memfokuskan pemantapan modul dan penskalaan amalan baik. Sebagai contoh, hasilnya, pelaksanaan **CGCT meningkat daripada 26 sesi (Okt 2023–Feb 2024) kepada 43 sesi (Mac–Jul 2024)**, iaitu **kenaikan 65.4%**, menandakan keberkesanan intervensi berasaskan data.

Teras 2: Kecemerlangan Global

UiTMKDH **memperkuh kolaborasi penyelidikan dan keserjanaan** melalui mobiliti akademik, pemeteraian **MoU/MoA** antarabangsa, dan **insentif penerbitan berindeks** (**KDHBUKTI_4_6.3**). **Plan** merangka sasaran jaringan dan bidang tumpuan; **Do** melibatkan gerak kerja bersama rakan penyelidikan rentas negara serta penghasilan manuskrip; **Check** memantau bilangan geran, artikel berindeks dan keberhasilan aktiviti MoU/MoA dalam **NILAMs**; **Act** melaksanakan bengkel penulisan geran, mentoring rakan sebaya dan peluasan rangkaian strategik. Pendekatan ini menambah baik keterlihatan antarabangsa dan kebolehpasaran hasil penyelidikan.

Teras 3: Prestasi Berorientasikan Nilai

Budaya kerja cemerlang dan kelestarian kampus diurusperdanakan melalui **Trash2Cash**, ceramah **IdamanXchange**, amalan **EKSA** dan **3R** (**KDHBUKTI_5_6.3**). **Plan** menetapkan objektif impak sosial dan indikator kelestarian; **Do** melibatkan kerjasama industri dan pihak berkuasa; **Check** menilai **PI108**, kehadiran serta kuantiti bahan kitar semula; **Act** memperluas program ke seluruh PTJ, menyusun modul kelestarian tahunan dan memperkuh promosi berkala. Penglibatan **>100** staf dan pelajar membuktikan keberkesanan pendekatan komuniti-dulu yang berskala.

Kesimpulannya, peluasan **PDCA** di UiTMKDH **bukan ritual**, tetapi amalan kerja harian yang mengikat "**what-why-who-when-where-how**" dalam satu kitaran pembelajaran organisasi.

Aktiviti pembangunan staf **telah** dilaksanakan secara terancang, **dipantau** dengan teliti dan **diperkukuh** melalui tindakan susulan yang nyata. Hasilnya, kampus mengamalkan **engagement, inclusivity, empowerment, accountability** dan **risk-informed action**, memastikan **PI dicapai secara mampan** sambil memperkukuh kedudukan UiTMKDH sebagai rujukan amalan terbaik.

SENARAI BUKTI :

1. [K0055_O01_OB03_20251_KDHBUKTI_1_6.3.pdf](#)
2. [K0055_O01_OB03_20252_KDHBUKTI_2_6.3.pdf](#)
3. [K0055_O01_OB03_20253_KDHBUKTI_3_6.3.pdf](#)
4. [K0055_O01_OB03_20254_KDHBUKTI_4_6.3.pdf](#)
5. [K0055_O01_OB03_20255_KDHBUKTI_5_6.3.pdf](#)
6. [K0055_O01_OB03_20251_KDHBUKTI_1_6.3.pdf](#)
7. [K0055_O01_OB03_20252_KDHBUKTI_2_6.3.pdf](#)
8. [K0055_O01_OB03_20253_KDHBUKTI_3_6.3.pdf](#)
9. [K0055_O01_OB03_20254_KDHBUKTI_4_6.3.pdf](#)
10. [K0055_O01_OB03_20255_KDHBUKTI_5_6.3.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

6.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Hasil Jangkaan

Dengan pemantauan berasaskan **PDCA** yang tersusun dan digital, UiTMKDH menjangka trajektori pencapaian yang **mampan (KDHBUKTI_1_6.4.1)**. **Antara beberapa hasil jangkaan** ialah:

1. peningkatan **kadar PI** melalui program akademik yang sejajar dengan Pelan Tindakan Tahunan (MOOC, CGCT, mobiliti);
2. **penyertaan latihan staf** yang terus meningkat hasil bengkel bersiri oleh **ILD** dan **Bahagian Pentadbiran**;
3. **pertambahan bilangan serta jumlah dana geran** melalui sokongan **RMU/ICAN**;
4. **pengukuhan keterlihatan antarabangsa** melalui mobiliti serta jaringan strategik global.

Kesemua hasil jangkaan ditetapkan mengikut mandat **PI** dan keutamaan strategik semasa, serta diperincikan melalui semakan berkala.

Pendekatan Pemantauan

Pemantauan dilaksanakan melalui gabungan **alat** (tools) dan **tadbir urus (governance)**:

1. **UiSMS** serta **Power BI (SAP & PI)** untuk pantauan masa nyata oleh **PSTU**;
2. **iStaf Portal (Stars)** dan **e-Latihan** bagi menjejak penyertaan serta jam latihan;
3. **eAMP** untuk skor kepuasan pelanggan;
4. dapatan dibawa ke mesyuarat–mesyuarat berkala utama seperti **JKEN, MKSP, MPK** dan **JPN (KDHBUKTI_2_6.4.1)** untuk pengesahan keputusan serta arahan tindakan.

Sinergi PTJ

Aliran kerja pemantauan adalah jelas dan tersusun. **Pelaksana aktiviti** melaporkan capaian kepada **Peneraju/PD/PM**, kemudian **PSTU** menganalisis jurang serta merumus cadangan. Dapatan tersebut dibentangkan dalam **mesyuarat pengurusan** untuk mengesahkan keputusan, menyelaraskan sumber, dan mengaktifkan tindakan pembetulan. **Penilaian** pula berfokus pada **tiga indikator**, iaitu **output** (bilangan latihan, projek dan jaringan industri), **impak** (nilai geran, jumlah peserta dan kualiti output), serta **KPI** (status kemajuan PI).

Keberkesanan & Bukti Capaian

Pendekatan ini terbukti berkesan dengan beberapa **pencapaian yang signifikan**, di antaranya:

- Skor PI 95.6% dengan penarafan 6 bintang (**KDHBUKTI_3_6.4.1**);
- Anugerah Transformasi Kecemerlangan Penjana Pendapatan 2024 (**KDHBUKTI_4_6.4.1**);
- pematuhan jam latihan meningkat kepada 45% di akhir 2024;
- MoU/MoA meningkat sebanyak 64% merentas 7 negara;
- 82 projek geran aktif bernilai RM1.43 juta.

Pembelajaran & Standardisasi

Pemantauan diterjemah kepada pembelajaran organisasi. Pada **gelung Tunggal (single loop)**, jurang yang dikenal pasti **dibetulkan** (jadual semula, pemantapan modul, pengukuhan fasilitasi), kemudian **diukur semula**. Pada **gelung ganda (double loop)**, dapatan trend **mencetus semakan dasar/insentif**—contohnya **penambahbaikan insentif penerbitan berindeks (Ogos 2024)** yang mendorong **+600%** artikel berindeks (**Q4 berbanding Q1, KDHBUKTI_5_6.4.1**). Amalan baik **didokumenkan sebagai SOP** dan **diskalakan merentas PTJ** melalui **i-Kedah** serta edaran mesyuarat, menutup gelung **Check → Act** dan **menjamin kelestarian pencapaian**.

SENARAI BUKTI:

1. [K0055_O01_OB04_OC01_20251_KDHBUKTI_1_6.4.1.pdf](#)
2. [K0055_O01_OB04_OC01_20252_KDHBUKTI_2_6.4.1.pdf](#)
3. [K0055_O01_OB04_OC01_20253_KDHBUKTI_3_6.4.1.pdf](#)
4. [K0055_O01_OB04_OC01_20254_KDHBUKTI_4_6.4.1.pdf](#)
5. [K0055_O01_OB04_OC01_20255_KDHBUKTI_5_6.4.1.pdf](#)
6. [K0055_O01_OB04_OC01_20251_KDHBUKTI_1_6.4.1.pdf](#)
7. [K0055_O01_OB04_OC01_20252_KDHBUKTI_2_6.4.1.pdf](#)
8. [K0055_O01_OB04_OC01_20253_KDHBUKTI_3_6.4.1.pdf](#)
9. [K0055_O01_OB04_OC01_20254_KDHBUKTI_4_6.4.1.pdf](#)
10. [K0055_O01_OB04_OC01_20255_KDHBUKTI_5_6.4.1.pdf](#)

6.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Tadbir Urus dan Rangka Kerja

UiTMKDH melaksanakan pengurusan risiko operasi secara menyeluruh melalui **Jawatankuasa Pemilik Risiko (JPR)** yang dipengerusikan oleh Rektor dan diselaraskan oleh Penyelaras Risiko PTJ (**KDHBUKTI_1_6.4.2**). Proses ini berpandukan **ISO 31000** dan direkodkan dalam **eRMS UiTM**, merangkumi risiko operasi, strategik dan program agar kawalan kekal sejajar dengan objektif dan PI kampus.

Profil Risiko Utama

Sehingga Disember 2024, sebanyak **75 risiko aktif** telah direkodkan (**KDHBUKTI_2_6.4.2**). Antara risiko yang terlibat bidang Tumpuan ialah:

1. kekurangan pensyarah akibat pengambilan melebihi unjuran;
2. kekangan penempatan global serta tarikan staf antarabangsa;
3. bilangan geran Penyelidikan yang rendah kerana kekangan masa dan teknikal;
4. penggunaan ICT yang tidak optimum akibat latihan terhad;
5. gangguan bekalan air **tidak berjadual** yang menjejaskan operasi harian (**KDHBUKTI_3_6.4.2**).

Mitigasi dan Kawalan

Sebagai tindak balas, kampus telah melaksanakan beberapa langkah mitigasi dan kawalan, di antaranya ialah:

1. **bengkel digital** (Google Workspace, FINE Asset, Canva),
2. **Projek Telaga Tiub 2** bagi kesinambungan bekalan air (**KDHBUKTI_4_6.4.2**),
3. **kajian impak dan VROI** bagi projek penajaan pendapatan,
4. **Audit Kontak Syarahan (Audit KS)** bagi memastikan pengagihan beban tugas akademik yang adil dan lantikan pensyarah sambil sepenuh masa (PTFT) berasaskan justifikasi.

Pembelajaran Berasaskan Risiko dan KRI

KRI (Key Risk Indicator/ Penunjuk Risiko Utama) ialah penanda awal yang memberi amaran bahawa kebarangkalian atau impak risiko sedang meningkat supaya tindakan boleh diambil lebih awal. UiTMKDH telah menetapkan KRI dan pencetus tindakan seperti berikut:

1. **Kompetensi staf:** jika kadar kehadiran latihan di bawah sasaran suku tahun, kampus menjalankan **sesi pengukuhan**.
2. **Akademik:** nisbah **pelajar:penyarah** melebihi ambang, kampus melaksanakan **Audit Kontak Syarahan** untuk mengoptimumkan jadual atau **mempertimbangkan lantikan PTFT**.
3. **Penyelidikan:** kadar permohonan geran di bawah sasaran setiap suku, kampus mengadakan **bengkel penulisan geran**.

Pemantauan, Standardisasi dan Keberhasilan

Status risiko dipantau dalam Mesyuarat **JPR** dan dibentangkan ke Mesyuarat **MKSP** (**KDHBUKTI_5_6.4.2**) dan **MPK** untuk keputusan susulan. Pemilik risiko menerima pemakluman eRMS bagi kemas kini, manakala **residual risk** direkod dan disemak suku tahunan. Dapatan KRI diseragamkan sebagai **SOP/templat** dan dikongsi merentas PTJ melalui

Mesyuarat Bahagain atau Jabatan, menjadikan kitaran **kenal pasti** → **kawal** → **pantau** → **belajar** → **piawai** → **skala** benar-benar memacu penambahbaikan dan kelestarian prestasi.

SENARAI BUKTI :

1. [K0055_O01_OB04_OC02_20251_KDHBUKTI_1_6.4.2.pdf](#)
2. [K0055_O01_OB04_OC02_20252_KDHBUKTI_2_6.4.2.pdf](#)
3. [K0055_O01_OB04_OC02_20253_KDHBUKTI_3_6.4.2.pdf](#)
4. [K0055_O01_OB04_OC02_20254_KDHBUKTI_4_6.4.2.pdf](#)
5. [K0055_O01_OB04_OC02_20255_KDHBUKTI_5_6.4.2.pdf](#)

6.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Tujuan dan Prinsip

Bagi memastikan risiko yang dikenal pasti serta dapatan pemantauan benar-benar diterjemahkan kepada penambahbaikan, UiTMKDH melaksanakan **kajian semula berkala** terhadap bidang tumpuan Pengurusan dan Pembangunan Staf. Kajian ini berpaksikan **GRU2025** dan **UiTM2030**, mengambil kira keperluan semasa, cabaran risiko dan keberhasilan strategi, agar keputusan yang dibuat **proaktif, berasaskan data** dan sejajar dengan **PI**.

Penganalisan Data Operasi Secara Sistemik

Data telah dikumpulkan dan dipadankan dengan sistem khusus untuk ketepatan tindakan:

- **iStaf Portal (Stars) dan e-Latihan** bagi latihan;
- **UFUTURE** bagi MOOC dan Micro-credential;
- **Pelaporan Analisa CGCT** bagi CGCT;
- **eAMP** bagi kepuasan pelanggan;
- **PRIME** bagi penerbitan dan penyelidikan;
- **NILAMs** bagi MoU/MoA dan jaringan strategik.

Dapatan ini dibentangkan dalam **JKEN, MPK, MKSP, JAN** dan **JPN** sebagai asas membuat keputusan (**KDHBUKTI_1_6.4.3**).

Tindakan Penambahbaikan Berasaskan Dapatan

Penambahbaikan **telah** dilaksanakan meliputi:

1. **Modul Kedah's Professional Development** untuk mengimbangi peluang latihan akademik dan sokongan;
2. **Bengkel Pengajaran Kolaboratif** serta pengiktirafan PdP inovatif (**KDHBUKTI_2_6.4.3**);
3. **#satupensyarahsatuartikel, Scholarly Synergy Session** dan insentif penerbitan bagi memacu artikel berindeks (**KDHBUKTI_3_6.4.3**);
4. **Hari Kualiti** dan pemantauan aduan responsif untuk menaikkan skor eAMP;
5. **KIK (#1bahagian1KIK1OE)** dan pendigitalan proses untuk mengurangkan kelewatan serta ketidakpatuhan SOP (**KDHBUKTI_4_6.4.3**).

Pembelajaran (Learning): Gelung Tunggal & Gelung Ganda

Pembelajaran **gelung tunggal** (single loop) dilaksanakan dengan membetulkan pelaksanaan berdasarkan jurang sebenar (menjadual semula, memantapkan modul, mengukuhkan fasilitasi) dan **mengukur semula** kesannya. Pembelajaran **gelung ganda** (double loop) pula melaras **andaian dan reka bentuk sistem** (semakan kriteria insentif penerbitan, penetapan ambang KRI latihan/akademik, pengubahsuaian proses pentadbiran dan reka bentuk semula aliran kerja KIK). Amalan baik **didokumenkan** sebagai **SOP/templat seragam**, dan **diwajibkan** penggunaannya merentas PTJ untuk penskalaan dan standardisasi.

Pemantauan Keberkesanan dan Perkongsian

Keberkesanan disemak melalui **laporan suku tahunan** serta pembentangan dalam **MKSP** dan

6.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Tahap pembudayaan hasil daripada keberkesanan tindakan penambahbaikan dalam bidang tumpuan di UiTMKDH telah berkembang secara berfasa daripada pelaksanaan bersifat inisiatif kepada satu bentuk amalan yang sistematik, meluas, dan berimpak tinggi. Proses penambahbaikan berasaskan pendekatan PDCA yang dilaksanakan melalui pelbagai projek khas strategik kini telah membentuk budaya organisasi yang kukuh dan berterusan, melangkaui sempadan fakulti dan negara.

Pembudayaan Kompetensi dan tadbir Urus Dalaman

Pelbagai tindakan penambahbaikan yang telah dilaksanakan mula dibudayakan secara meluas di seluruh kampus. Antaranya ialah pelaksanaan **sistem mentor-mentee penyelidikan, mentor-mentee pensyarah baru dan pensyarah lama** (PdP) yang pada awalnya diperkenalkan dalam kalangan pensyarah baharu tetapi kini telah menjadi sebahagian daripada pendekatan rasmi dalam pemantapan prestasi penyelidikan (**KDHBUKTI_1_6.5**).

Selain itu, budaya **pemantauan jam latihan** turut dibentuk melalui pelaksanaan semakan berkala sebanyak dua kali setahun (**KDHBUKTI_2_6.5**). Staf yang tidak mencapai had minimum 42 jam latihan akan menerima **peringatan rasmi melalui e-mel**, sekaligus menggalakkan pemantauan sendiri dan tindakan susulan. Akses kepada dashboard prestasi jam latihan dalam **Staf Portal** memudahkan setiap staf menetapkan sasaran latihan tahunan mereka secara proaktif dan berasaskan data semasa.

Latihan staf yang dahulunya bersifat permintaan kini dibudayakan melalui **latihan berstruktur**, berdasarkan keperluan kompetensi individu dan jabatan. Program seperti ChatGPT for Educators, NILAMs Masterclass dan modul kepimpinan ILD telah dijadikan amalan tahunan dalam Pelan Pembangunan Staf.

Pembudayaan Strategik Peringkat Nasional

Keberkesanan tindakan penambahbaikan turut melahirkan pembudayaan strategik yang merentasi sempadan institusi. Program **University Social Responsibility (USR)** dan **SULAM** yang asalnya dilaksanakan sebagai pematuhan dasar kini telah diterima sebagai komitmen sosial tahunan oleh warga UiTMKDH. Program seperti Penanaman Bakau, Bengkel Lukisan CSR, SULAM SK Ambangan Heights, Road to Success SPM, dan Kemahiran Belajar bersama MCKK menunjukkan komitmen tahunan fakulti terhadap pembangunan komuniti. Pelaksanaan berulang ini membuktikan pembudayaan nilai keprihatinan sosial dan pemindahan ilmu secara konsisten merentas sempadan institusi. (**KDHBUKTI_3_6.5**).

Kerjasama ini bukan sahaja melibatkan pelajar dan komuniti tetapi telah membentuk budaya bersama yang memperkukuh nilai integrasi ilmu, kemasyarakatan dan keterlibatan industri. Ia turut menghasilkan impak berulang dalam bentuk permintaan kolaborasi, pelawaan bersama, dan pelaporan bersama impak sosial.

Pembudayaan Jalinan dan Kepakaran di Peringkat Antarabangsa

Tahap pembudayaan yang tertinggi dapat dilihat melalui kejayaan membina hubungan global yang lestari. Hasil penambahbaikan dalaman dalam aspek kompetensi staf dan kepimpinan

penyelidikan telah membuka peluang kolaborasi dengan institusi antarabangsa. UiTMKDH telah menjalinkan hubungan rasmi melalui **11 MoU/MoA baharu** (KDHBUKTI_4_6.5), dengan **9 daripadanya (82%) melibatkan universiti dalam kelompok 300 terbaik dunia (QS Ranked by Subject)**. Jalinan ini telah membuahkan pelaksanaan bersama **webinar, program mobiliti, kolaborasi penyelidikan, dan penerbitan antarabangsa** secara berterusan.

Pensyarah UiTMKDH turut menerima pelawaan sebagai **Visiting Lecturers dan penceramah antarabangsa**, menandakan pembudayaan ilmu dan kepakaran yang diterima oleh rakan global (**KDHBUKTI_5_6.5**). Ini membuktikan bahawa nilai dan budaya kerja yang dibentuk melalui tindakan penambahbaikan bukan sahaja diterima pakai di peringkat institusi, malah diiktiraf dan dicontohi oleh pihak luar negara.

Secara keseluruhan, hasil daripada tindakan penambahbaikan yang strategik, UiTMKDH berjaya mewujudkan satu budaya kerja yang menyeluruh, terancang dan berdaya saing. Pembudayaan ini telah diserap ke seluruh kampus, diterima oleh rangkaian nasional, dan akhirnya diperluas serta diiktiraf di peringkat antarabangsa.

SENARAI BUKTI :

1. [K0055_O01_OB05_20251_KDHBUKTI_1_6.5.pdf](#)
2. [K0055_O01_OB05_20252_KDHBUKTI_2_6.5.pdf](#)
3. [K0055_O01_OB05_20253_KDHBUKTI_3_6.5.pdf](#)
4. [K0055_O01_OB05_20254_KDHBUKTI_4_6.5.pdf](#)
5. [K0055_O01_OB05_20255_KDHBUKTI_5_6.5.pdf](#)
6. [K0055_O01_OB05_20251_KDHBUKTI_1_6.5.pdf](#)
7. [K0055_O01_OB05_20252_KDHBUKTI_2_6.5.pdf](#)
8. [K0055_O01_OB05_20253_KDHBUKTI_3_6.5.pdf](#)
9. [K0055_O01_OB05_20254_KDHBUKTI_4_6.5.pdf](#)
10. [K0055_O01_OB05_20255_KDHBUKTI_5_6.5.pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.1 HASIL UTAMA 1

SINERGI PENYELIDIKAN, JARINGAN KOLABORASI DALAM MENINGKATKAN REPUTASI GLOBAL UITMKDH

7.1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Pencapaian UiTM Cawangan Kedah (UiTMKDH) sepanjang tahun 2024 memperlihatkan prestasi yang memberangsangkan dalam aspek pengurusan dan pembangunan staf, terutamanya melalui penglibatan aktif **staf akademik dan staf** pentadbiran dalam penyelidikan, penerbitan, dan jaringan antarabangsa. UiTMKDH mencapai tahap prestasi yang tinggi dalam pelbagai indikator utama. Bilangan Principal Investigator (PI) untuk geran industri dan antarabangsa masing-masing melepasi sasaran dengan pencapaian 233% dan 267%, manakala MoU/MoA antarabangsa turut meningkat dengan 138% daripada sasaran asal. Penerbitan berindeks tinggi dalam jurnal Scopus dan Web of Science turut melonjak, dengan 14 penerbitan berimpak tinggi direalisasikan berbanding sasaran sembilan. Dari segi perolehan geran, meskipun sasaran nasional belum dicapai (RM545,750 berbanding sasaran RM935,000), kategori industri (RM2.62 juta) dan antarabangsa (RM100,000) telah menunjukkan prestasi cemerlang. Tahap pencapaian ini membuktikan keberkesanan strategi pengurusan penyelidikan dan peningkatan kapasiti staf akademik

Tren pencapaian sepanjang 2020–2024 menunjukkan peningkatan konsisten dalam penerbitan, geran, dan jaringan antarabangsa. Pada tahun 2024 sahaja, 196 artikel berjaya diterbitkan oleh **staf UiTMKDH** – tertinggi dalam lima tahun, dengan prosiding meningkat kepada 14. Perolehan geran juga melonjak daripada RM1.63 juta (2022) kepada RM3.14 juta (2024), sekali gus mencatat peningkatan lebih 200%. MoU/MoA antarabangsa juga memperlihatkan lonjakan kualitatif apabila UiTMKDH menumpukan kerjasama dengan universiti QS Top 300, yang meningkat daripada sifar pada 2022 kepada lapan pada 2024. Tren positif ini menggambarkan kesungguhan institusi dalam memperkukuh budaya penyelidikan, inovasi, dan pengantarabangsaan staf

Dalam perbandingan dengan universiti lain, UiTMKDH mengekalkan daya saingnya. Purata pembiayaan projek FRGS mencecah RM121,113 setiap projek – setara dengan Taylor's University dan melebihi dua institusi lain. Dari segi penerbitan, kluster "Top Ranked" melibatkan 320 pensyarah dengan 1,245 penerbitan pada 2024, menunjukkan peningkatan lebih 49% berbanding 2023. Perbandingan ini menegaskan keupayaan staf UiTMKDH untuk berada sebaris dengan institusi ternama lain, serta memperlihatkan produktiviti akademik yang kukuh

Kepentingan pencapaian ini jelas dalam mengukuhkan reputasi UiTMKDH di persada global. Penerbitan dalam majalah antarabangsa seperti Japan Insight, pengiktirafan Toshiba International Foundation, serta penerbitan buku "A Framework of Waqf Administration's Efficiency Measurement" membuktikan impak penyelidikan staf. Lebih penting, penglibatan pensyarah dalam cuti sabbatical dan visiting lecturer di Jepun, Norway, dan Thailand bukan sahaja memperluas jaringan ilmu tetapi juga meningkatkan keterlihatan UiTMKDH di pentas dunia. Program seperti Edu-Tourism Kedah 2024 pula membuktikan sinergi staf dalam memacu keterlibatan komuniti global. Pencapaian ini selaras dengan matlamat SDG 4 (Pendidikan Berkualiti) dan SDG 17 (Perkongsian untuk Matlamat).

7.1.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [H1_K0055_HB02_20251_TAHAP.pdf](#)

7.1.3 TREN (Trend)

BUKTI : [H1_K0055_HB03_20252_TREN.pdf](#)

7.1.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [H1_K0055_HB04_20253_PERBANDINGAN_TANDA ARAS.pdf](#)

7.1.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [H1_K0055_HB05_20254_KEPENTINGAN.pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.2 HASIL UTAMA 2

HASIL PERANCANGAN STRATEGIK DALAM PEMBANGUNAN KOMPETENSI DAN PROFESIONALISME STAF KE ARAH PENDIDIKAN BERKUALITI

7.2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Kecemerlangan UiTMKDHD dalam melaksanakan perancangan strategik dapat dilihat melalui pelbagai anugerah prestasi cemerlang PI, sekaligus meraih **pengiktirafan tempat kedua tertinggi dan berada dalam 6 bintang antara kampus terbaik di seluruh Malaysia**. Pelan Strategik UiTM 2024 khususnya pembangunan dan pengurusan staf (BT), memfokuskan kepada 9 Projek Khas yang bertemakan **'Kedah Cemerlang Sejahtera', 'Sustainable Campus', 'Kedah Professional Development', 'Acquisition of grants and Principal Investigation', 'High Impact University Social Responsibility and Knowledge Transfer Program', 'International Industry Networking', 'High Impact Indexed Publication and Citation', 'Academic Enhancement', dan 'Income Generation'**.

Tahap pencapaian menunjukkan kecemerlangan yang signifikan dengan meraih skor i-UiTM sebanyak 95.6%, melepasi sasaran 85% dan menempatkan diri pada kedudukan kedua tertinggi dalam kalangan kampus UiTM dengan pengiktirafan enam bintang. Daripada 45 PI yang ditetapkan khusus untuk BT, sebanyak 41 PI (91.1%) berjaya melepasi tahap pencapaian 100%. Kejayaan ini dicapai melalui pengurusan strategik yang berkesan, termasuk pelaksanaan bengkel SAP, pemantauan berkala, dan keterlibatan aktif seluruh PTJ dalam menjayakan projek khas yang bertemakan pembangunan profesional, kelestarian kampus, penyelidikan, jaringan industri antarabangsa, serta kesejahteraan staf.

Dari sudut **Tren**, UiTMKDHD telah memperlihatkan peningkatan konsisten dalam tempoh tiga tahun kebelakangan ini. Kedudukan kampus melonjak daripada tangga ke-11 pada tahun 2022, ke-8 pada 2023, dan ke-2 pada 2024, sekaligus membuktikan momentum positif dalam kecemerlangan pengurusan dan kepakaran staf. Peningkatan ini turut disokong oleh penambahan bilangan staf berkelayakan PhD, penglibatan sebagai penyelidik utama geran industri dan antarabangsa, peningkatan penerbitan berindeks, serta keterlibatan dalam program kesejahteraan dan pembangunan profesional. Prestasi cemerlang projek khas seperti *Kedah Professional Development* dan *High Impact Indexed Publication* telah mendorong peningkatan PI antara 28% hingga 166% berbanding tahun sebelumnya, manakala kolaborasi antarabangsa melebihi sasaran dengan 11 MoU/MoA baharu dan 42 program global dilaksanakan.

Dari aspek **Perbandingan**, UiTMKDHD berjaya menonjol berbanding kampus lain di seluruh UiTM dan institusi pendidikan tinggi di Kedah. Skor i-UiTM 95.6% mengatasi pencapaian UiTM Selangor (94.4%), Pulau Pinang (93.4%), dan kampus lain yang berada di bawah 92%. Berbanding institusi setara di Kedah, UiTMKDHD mencatat prestasi lebih baik daripada UUM (92%), AIMST (85%) dan UniSHAMS (83%). Keunggulan ini memperlihatkan keberkesanan sistem pemantauan prestasi bersepadu seperti i-UiTM, PI Dashboard dan Power BI yang digunapakai UiTMKDHD, sekaligus menjadi penanda aras bagi pelaksanaan strategik yang efisien.

Dari perspektif **Kepentingan**, kejayaan UiTMKDHD dalam BT memberi impak besar pada pelbagai peringkat. Di peringkat antarabangsa, jaringan kolaborasi bersama universiti QS Top 300 meningkatkan reputasi global, selaras dengan SDG 4 dan SDG 17. Di peringkat nasional, peningkatan staf berkelayakan PhD, penglibatan industri, dan aktiviti inovasi memperkukuh daya saing akademia negara. Pada peringkat negeri, UiTMKDHD menyumbang secara langsung kepada aspirasi *Kedah Cemerlang Sejahtera*, memperkukuh kedudukan negeri sebagai hab pendidikan tinggi. Kepada pelanggan utama, iaitu pelajar, BT ini memastikan mereka menerima pendidikan berkualiti daripada tenaga akademik berpengalaman, berdaya saing antarabangsa,

... dan perbandingan ...

7.2.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [H2_K0055_HB02_20251_Hasil 7.2.2.pdf](#)

7.2.3 TREN (Trend)

BUKTI : [H2_K0055_HB03_20252_Hasil 7.2.3.pdf](#)

7.2.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [H2_K0055_HB04_20253_Hasil 7.2.4.pdf](#)

7.2.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [H2_K0055_HB05_20254_Hasil 7.2.5.pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.3 HASIL UTAMA 3

Pemeriksaan Staf UiTMKDHD ke Arah Prestasi Berorientasikan Nilai

7.3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

UiTM Cawangan Kedah (UiTMKDHD) terus memperkukuh kedudukan sebagai institusi berprestasi tinggi melalui pelaksanaan inisiatif strategik pengurusan dan pembangunan staf yang selari dengan teras **Prestasi Berorientasikan Nilai**. Inisiatif strategik yang dilaksanakan bukan sahaja meningkatkan kompetensi staf, tetapi turut menghasilkan impak berganda dalam aspek kewangan, pembangunan insan, kelestarian kampus, serta kesejahteraan komuniti.

Tahap

Prestasi UiTMKDHD berada pada tahap cemerlang apabila sebahagian besar **Petunjuk Prestasi (PI)** bukan sahaja dicapai, malah **melebihi sasaran**. Seramai **100 staf berkelayakan PhD** (sasaran 91), **24 staf berpengalaman industri** (sasaran 20), **24 staf berkelayakan profesional** (sasaran 23), serta **41 staf ahli badan profesional** (sasaran 39) telah direkodkan. Dari segi kewangan, UiTMKDHD menjana pendapatan **melebihi RM209,991.93 dari sasaran** hasil penganjuran persidangan antarabangsa seperti i-CSR2024, IC2reDIT 2024, dan IREx 2024, manakala Prof. Madya Noor Zahirah Mohd Sidek berjaya memperoleh **dana luar melebihi RM90,000** melalui projek ISUNDRYER dan menyumbang kepada pencapaian PI077. Ini membuktikan keberkesanan strategi institusi dalam memperkukuh akademik, profesionalisme, dan daya saing staf.

Tren

Data dari tahun 2021 hingga 2024 memperlihatkan tren peningkatan positif dalam beberapa aspek pembangunan staf. Peruntukan pembangunan staf meningkat hampir lima kali ganda daripada **RM46,230 (2021) kepada RM214,706 (2024)**, melambangkan komitmen berterusan terhadap pelaburan modal insan. Jumlah penglibatan staf dalam konferens antarabangsa meningkat daripada **4 (2022) kepada 9 (2024)**, manakala pencapaian anugerah melonjak daripada **8 (2022) kepada 24 (2024)**. Tren ini menunjukkan keberkesanan inisiatif berterusan dalam memperkukuh kompetensi staf, serta mencerminkan budaya kerja berprestasi tinggi yang selari dengan teras strategik.

Perbandingan

Penandaarasan serantau menempatkan UiTMKDHD pada kedudukan yang kompetitif. Peratusan pensyarah PhD UiTMKDHD (**31.7%**) lebih tinggi berbanding Universitas Airlangga (**21.8%**) dan Yogyakarta State University (**18.1%**). Fakulti Pengurusan & Perniagaan UiTMKDHD juga mencatat peratusan Profesor Madya tertinggi antara semua cawangan UiTM, manakala purata dana FRGS per projek adalah setanding dengan universiti ternama. Perbandingan ini menegaskan keupayaan UiTMKDHD untuk menyaingi universiti serantau melalui pemeraksanaan staf akademik dan penyelidikan.

Kepentingan

Impak pencapaian UiTMKDHD dapat dilihat di pelbagai peringkat. **Antarabangsa:** staf meraih pengiktirafan melalui Best Paper Award (ISDEV 2024) dan kejayaan inovasi dalam AICAD IID, NSIEx, dan MAGIEX, di samping penjana pendapatan melalui pertandingan IREx 2024 yang menarik penyertaan **128 peserta antarabangsa**. **Kebangsaan dan komuniti:** Projek ISUNDRYER meningkatkan pendapatan isi rumah B40. **Di peringkat UiTM,** staf memenangi pertandingan KIK Zon Utara dan meraih Anugerah Kecemerlangan Universiti, membuktikan keberkesanan strategi pembangunan staf. **Di peringkat kampus,** inovasi teknikal seperti telaga tiub dan penggantian chiller menjimatkan kos operasi sebanyak **RM46,000 setahun** dan

mengurangkan penggunaan tenaga **5.33%**, sekaligus menyokong kelestarian kampus.

Secara keseluruhan, UiTMKDH berjaya menzahirkan **Prestasi Berorientasikan Nilai** dengan memastikan setiap hasil bukan sahaja berbentuk angka, tetapi memberi **impak berganda** kepada staf, pelajar, komuniti, serta reputasi institusi di peringkat global.

7.3.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [H3_K0055_HB02_20251_7.3.2_Tahap.pdf](#)

7.3.3 TREN (Trend)

BUKTI : [H3_K0055_HB03_20252_7.3.3_Tren.pdf](#)

7.3.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [H3_K0055_HB04_20253_7.3.4_Perbandingan.pdf](#)

7.3.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [H3_K0055_HB05_20254_7.3.5_Kepentingan.pdf](#)